

Bil. 16

**Khamis
9 Disember 2021**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021	(Halaman 23)
Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020	(Halaman 49)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 72)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
5. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)
7. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
8. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
9. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah
10. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
11. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
12. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
13. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
14. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
15. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
16. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
17. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
18. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
19. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
20. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
21. “ Datuk John Ambrose
22. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
25. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)
26. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan, Putrajaya)
27. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
28. “ Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim
29. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
30. “ Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
31. Dato' Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)

AHLI HADIR (samb/-)

32. Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)
33. " Datuk Paul Igai
34. " Datuk Razali bin Idris
35. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
36. " Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
37. " Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
38. " Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
39. " Dato' Nelson a/l Renganathan
40. " Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
41. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
42. " Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
43. " Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. " Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. " Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
4. " Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. " Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
2. " Tuan Robert Lau Hui Yew
3. " Puan Susan Chemeraai Anding
4. " Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)

**AHLI CUTI
(DI BAWAH PERKARA 52 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Menteri Alam Sekitar dan Air]
2. “ Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I]
3. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)]
4. “ Dato' Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
5. “ Datuk Haji Hasbi bin Habibollah [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II]
6. “ Dato' Haji Rosol bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
7. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)]
8. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Kerja Raya]
9. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]
10. “ Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
11. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]
12. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II]
13. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II]
14. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II]

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

-

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asillah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Siti Fatimah Nurain binti Mohamad

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Nik Muhammad Ismail bin Karim

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 9 Disember 2021
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Donald Peter Mojuntin minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah rakyat yang telah pun menerima dos ketiga vaksinasi COVID19, atau dos penggalak di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dos penggalak atau dos ketiga diberikan kepada penerima dos lengkap vaksin COVID-19 yang berumur 18 tahun ke atas sejak 13 Oktober 2021.

Sehingga 7 Disember 2021, seramai 3,164,254 orang atau 13.92 peratus daripada jumlah penduduk dewasa yang telah menerima dos yang lengkap dengan negeri tertinggi kumulatif penerima dos penggalak ini adalah dari negeri Sarawak seramai 789,794. Yang kedua ialah Selangor dengan jumlah 622,437 dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 351,773 orang penerima. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya. Adakah kementerian membuat kajian untuk mengenal pasti jika dos penggalak ini mempunyai apa-apa kesan negatif dan adakah rancangan kerajaan untuk mewajibkan pengambilan dos ketiga ini pada masa akan datang? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dos penggalak atau dos ketiga ini diberikan kepada mereka yang dikatakan *immunocompromised* atau mereka yang ada penyakit kanser, penyakit yang teruk yang imunitinya tidak kuat. Dia perlukan dos ketiga. Seperkara lagi ialah dos penggalak. Dos penggalak tujuannya ialah untuk mengekalkan imuniti pada tempoh yang optimum dan tahap yang optimum terutama pada ketika hari itu kita ada varian-varian baharu yang mengganas seperti Delta. Ini yang pertama.

Kelulusan untuk menggunakan vaksin *Pfizer*, *AstraZeneca* dan juga *Sinovac* ini ialah setelah dibuat penelitian yang mendalam oleh MPRA dan PKPD dan juga telah digunakan di negara-negara di luar sana. Sebenarnya kita tidak buat kajian sebab benda itu baru lagi. Seketika ini hanya baru 3.9 peratus yang telah menerima. Apa yang kita buat ialah kajian penerimaan vaksin. Saya boleh beri maklumat sedikit sini. Institut Kesihatan Negara telah membuat kajian yang mana 76.2 peratus responden setuju untuk mengambil dos penggalak, dos ketiga. Manakala 62.5 peratus lagi sedia menerima vaksin daripada jenis *Pfizer*. Diikuti oleh *AstraZeneca* sebanyak 27 peratus, dan *Sinovac* 20.5 peratus.

Melalui kajian ini juga, faktor yang menjadi penghalang. Kalau kita lihat sebenarnya dos penggalak dan dos ketiga ini *slow* sedikit. Dia *slow*, kita tahu, dia tidak seperti primer dos. Kenapakah dos menjadi penghalang? Faktor-faktor yang menjadi halangan, yang pertamanya 68.4 peratus meragui akan keberkesanan. Dia ragu-ragu lah. Dia tidak dapat fakta yang jelas tentang dos penggalak.

Sebanyak 72 peratus bimbang akan kemungkinan kesan sampingan selepas menerima dos penggalak. Manakala 67.5 peratus meragui akan keselamatan vaksin, seperti Yang Berhormat tanya tadi, meragui dan 35.4 peratus melahirkan kekusaran tentang maklumat yang menakutkan berkaitan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sarankan ialah kita dapatkan maklumat yang jelas dan tepat. Jangan daripada mana-mana media sosial. Ini kerana sepatutnya kita bimbang kalau kita tidak dapat dos ketiga atau dos penggalak ini kerana sekarang ada varian-varian yang baharu dan kita bimbang dan kita tahu bahawa dos primer sama ada *Pfizer* ataupun *Sinovac* berlaku apa yang dikatakan *waning immunity*. Imuniti yang menurun. Ini perkara yang penting sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit. Selepas dos penggalak dan dos ketiga ini, adakah kerajaan menjangkakan akan ada dos keempat dan kelima pula? Saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ini *very advanced* ya. Kita baru mula dos *booster* ketiga, ini sudah empat dan lima Hebat. Akan tetapi sebenarnya pada ketika ini kita tidak lagi ada kajian dan sebagainya ke arah itu. Apa yang kita sedang buat sekarang ini berdasarkan kepada fakta dan sains.

Berdasarkan kajian-kajian terkini luar negara dan *best practices* ialah bila ada *waning immunity*, imuniti menurun terutamanya *Sinovac*. Oleh sebab itulah sekarang ini kerajaan bersungguh-sungguh dan, berkali-kali menasihatkan rakyat supaya bila dapat janji temu- *appointment* itu, datanglah. Kalau tidak dapat pula, dan cukup kelayakan 18 tahun ke atas, ada *comorbidity* ataupun mengandung ataupun perlu ke luar negara ataupun dia *frontliners*, daftarkan melalui MySejahtera ke PPV yang berdekatan. Contohnya daripada bahagian swasta, sama ada hospital atau GP ataupun klinik kesihatan yang berdekatan supaya ambil dos ketiga ini. Terima kasih.

■1010

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini, pihak *Pfizer* telah mengesahkan bahawa pengambilan dua dos vaksin jenama tersebut tidak mampu memberi perlindungan terhadap serangan varian *Omicron*.

Soalan saya, apa inisiatif yang sedang dirangka oleh kementerian bagi mewujudkan galakan serta keyakinan kepada umum tentang peri pentingnya pengambilan dos penggalak dalam kita menghadapi *invisible danger*, dengan izin, varian *Omicron* ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertamanya, sekarang ini di dunia ini, varian yang mengganas iaitu varian *Delta*. Ada anak dia pula *Delta Plus (AY.2)*. *Omicron* yang dijumpai baru-baru ini mempunyai mutasi berganda. Ada 30 mutasi pada *spike* yang melebihi daripada *Delta* dan dikatakan pada ketika ini, maklumat yang kita ada ketika ini, ialah transmisinya lebih cepat.

Akan tetapi, belum ada maklumat yang mengatakan *Omicron* ini menyebabkan kes yang lebih serius, lebih teruk peningkatan masuk hospital, peningkatan masuk ICU dan sebagainya. Belum ada pada tahap itu. Jadi, semua rakyat, kita jangan panik tentang *Omicron* ini tetapi kita kena tahu dan kita kena ambil peduli tentang perkembangan-perkembangan semasa.

Saya faham apa Yang Berhormat telah bacakan tadi bahawa *Pfizer* mengatakan dia tidak sekuat itu untuk menentang *Omicron* dan sebagainya. Apa yang penting sekali ialah kita mengambil vaksin yang dikatakan yang terbaik sekarang ini sebagai penggalak, umpamanya *Pfizer* atau *AstraZeneca*, dan kemudiannya *Sinovac*. Ini penting sekali. Terima kasih.

2. Datuk John Ambrose minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kemahiran insaniah pekerja ekonomi gig untuk meningkatkan tahap pekerjaan dan gaji yang diterima.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Tuan Yang di-Pertua, berkenan dengan soalan yang dibangkitkan ini menyentuh berkenaan dengan pekerjaan ekonomi gig tidak terhad kepada menjadi penghantar barangan atau makanan sahaja, namun turut melibatkan pekerjaan bebas yang menyediakan perkhidmatan profesional kepada majikan, misalnya dalam sektor teknologi maklumat, penjagaan kesihatan, perkhidmatan dalam sektor kewangan dan sebagainya berasaskan permintaan pekerjaan semasa.

Kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Kemahiran insaniah ini antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global serta pesat dengan perubahan teknologi seperti pekerjaan *gig* ini.

Kita masukkan semua elemen yang saya sebutkan tadi adalah dalam pekerjaan ekonomi gig kerana ekonomi *gig* ini sangat penting dan ketika menghadapi *invisible* pandemik COVID-19, dengan izin, bahawa benda yang tidak nampak ini menjadi satu pemangkin kepada *economic cycle* negara. Hasil daripada perkembangan teknologi yang terkini, kini kita guna sepenuhnya apabila menghadapi pandemik COVID-19. Kita akan menghadapi juga bersama dengan endemik COVID-19 yang kita akan *utilize* ataupun guna penuh teknologi-teknologi IR 4.0 yang terkini menjadi sumber rujukan pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Gerak Insan Gemilang di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program Gerak Insan Gemilang (GIG) ini bertujuan membantu rakyat melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan khusus melalui latihan intensif dan berfokus secara percuma. Seramai 26,273 orang peserta Program Gerak Insan Gemilang (GIG) dengan bantuan RM150 juta berpeluang meningkatkan kemahiran diri dan seterusnya membolehkan mereka meningkatkan pendapatan dari pelbagai cara dengan menjadi pekerja bebas yang terlatih hasil daripada program yang dilaksanakan.

Dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan satu konsep khas iaitu program *GigUp* untuk melengkapkan pekerja ekonomi *gig* dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dengan permintaan dalam pasaran, *according to the market need*.

Minta, dengan izin, tersebut bahasa Inggeris. Hari ini nasib baik Tan Sri tidak ada. Kalau tidak, mati saya... [Ketawa] Okey, terima kasih. Saya ada panjang nak jawab lagi. Boleh minta...

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah cukup. Cukup. Ada soalan dahulu.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Okey, okey. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk John Ambrose: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berdasarkan laporan akbar tempatan pada 7 Disember 2021, Sabah sedang berhadapan dengan 178,600 orang individu tanpa pekerjaan pada masa ini.

Apakah tindakan serta program memantapkan industri hiliran untuk melahirkan peluang-peluang pekerjaan baharu bagi mengatasi masalah pengangguran yang tinggi di Sabah ketika ini? Atas konteks yang sama, adakah pihak Yang Berhormat Menteri akan melihat semula paras gaji minima untuk Malaysia?

Datuk Haji Awang bin Hashim: Saya terus menjawab kepada paras gaji minima. Seperti yang saya maklumkan dahulu bahawa Majlis Perundingan Gaji Negara sedang membuat satu semakan terakhir. Setiap dua tahun sekali, gaji ini akan *di-review* atau akan disemak semula untuk kita melihat kepada semua sudut termasuk sektor ekonomi, sosial dan juga sektor KDNK negara ataupun GDP yang mana perolehan negara yang boleh kita memberi limpahan ini kepada pendapatan rakyat supaya gaji minimum ini sama ada patut dinaikkan atau tidak.

Tahun ini merupakan tahun yang kita rasa semakan akan dibentangkan dalam Kabinet dan mungkin akan disebut di dalam sama ada di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara apabila kajian ini setelah *diconclude* ataupun disimpulkan oleh satu Majlis Perundingan Gaji Negara. Dia akan tengok kepada semua sektor pada ketika ini dan juga GDP negara.

Jadi berdasarkan apa yang dibangkitkan pada masalah yang di Sabah tadi, kita telah memperkenalkan satu sistem yang dipanggil *MYFutureJob* yang mana di sini, termasuk di Sabah dan Sarawak, mereka yang sedang mencari pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui agensinya iaitu PERKESO, mereka boleh akses ataupun masuk ke dalam portal *MYFutureJob* ini untuk mereka mendapat pekerjaan-pekerjaan yang disediakan lebih daripada 500 ribu pekerjaan yang didapati dalam *MYFutureJob*.

Cuma, saya hendak sebut sedikit di sini berkenaan dengan gig bersangkut dengan soalan tadi. Statistik terkini menunjukkan bilangan orang yang bekerja sendiri aktif sehingga 3 Disember 2021 ini termasuk gig lah orang bekerja sendiri ini atau OBS yang dijalankan dalam program PERKESO ini iaitu dalam sektor penghantaran barangan atau makanan adalah seramai 210,516 orang termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Jumlah tersebut mewakili kumpulan orang yang bekerja sendiri ini paling ramai dari seluruh negara yang keseluruhannya seramai 348,663 orang yang telah mencarum dalam skim sosial kerana mereka tidak ada majikan. Itu kalau dalam kod *of kerja* dipanggil pekerja yang tidak ada majikan. Yang tidak ada majikan, mereka diberi perlindungan dengan skim ini yang dicarum di bawah PERKESO.

Itu perkara-perkara yang kita beri perangsangan kepada mereka yang tidak bekerja dan terlibat dengan pandemik COVID-19 ini supaya mendapat pekerjaan dalam pekerjaan sendiri ini dan dilindungi ketika berlaku musibah ketika mereka menjalankan kerja seperti kemalangan terutamanya penghantar makanan yang terdedah dengan risiko kemalangan. Mereka naik motor dan sebagainya apabila ditimpa musibah, tidak ada perlindungan kepada mereka, kepada isteri mereka dan anak-anak mereka, tetapi dengan program ini, mereka kalau terjadi apa-apa musibah, mereka dilindungi sehingga isteri dan anak-anak mereka sekiranya berlaku musibah yang tidak diingini kepada mereka. Jadi, sekian, terima kasih.

■1020

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan lain..., tidak ada? Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas jawapan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Dato' Isa bin Ab. Hamid.

3. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan, keupayaan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dalam meningkatkan sistem penyampaian dan kemajuan yang lebih berkualiti dengan menjelaskan beberapa perkara berkaitannya:

- (a) bilakah SPA akan mengisi 130 kekosongan perjawatan yang berlarutan sehingga menjejaskan prestasi di JAKOA; dan
- (b) apa justifikasi penolakan penaik taraf perjawatan di JAKOA tidak diluluskan sejak tahun 2010.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa urusan pengisian kekosongan jawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah bergantung kepada permohonan pengisian jawatan yang dibuat oleh JAKOA kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).

Untuk makluman Yang Berhormat, kekosongan perjawatan yang berlarutan dan tidak diisi dan tidak dapat dilaksanakan antara faktor adalah kerana Perintah Kawalan Pergerakan ketika itu dan juga sekatan-sekatan ketika pandemik.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, pada masa ini urusan temu duga sedang dilaksanakan semula oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Berdasarkan rekod sehingga 30 September 2021, SPA telah selesai membuat pengisian lima jawatan pada tahun 2020 dan enam jawatan pada tahun 2021, manakala dua jawatan lagi dalam tindakan SPA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan penyampaian JAKOA tidak terganggu dan tidak terjejas prestasinya memandangkan program pembangunan Orang Asli ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga KPLB ya, di mana JAKOA terletak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan kedua pula, pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam penelitian dan perbincangan bersama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) untuk memperkasakan dan mengukuhkan struktur organisasi serta perjawatan di JAKOA. Satu pertemuan akan diadakan antara pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Ketua Pengarah JAKOA bermula 16 Disember 2021, Yang Berhormat. Ia akan disusuli dengan perbincangan-perbincangan lanjutan serta bengkel-bengkel kajian bagi melihat perkara ini, bagi mempertingkatkan lagi perjawatan JAKOA.

Kajian akan melibatkan perwujudan seksyen dan unit baharu, naik taraf perjawatan, perwujudan jawatan baharu dan pindah butiran perjawatan, penjenamaan semula dan perwujudan sektor baru serta mengambil kira dasar-dasar semasa kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan Orang Asli sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat isu JAKOA di akar umbi sangat serius terutamanya di peringkat daerah. Pernyataan banyak isu dapat diatasi saya rasa agak kontra. Seperkara saya lihat ialah baru-baru ini ada aduan JAKOA daerah tidak ada staf yang menunggu sehingga pejabatnya ditutup pada hari bekerja dan ini menjadi kesukaran untuk orang kampung membuat aduan dan permasalahan. Sekarang ini terdapat 231-pemaju masyarakat berstatus kontrak di JAKOA. Adakah Kementerian bercadang untuk menyerapkan ke jawatan kekal? Mohon pandangan.

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini ada seramai 241 orang kakitangan kontrak berkhidmat di JAKOA dalam usaha mengupayakan fungsi JAKOA terutama di peringkat daerah untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat Orang Asli, kerajaan sentiasa mengkaji keperluan JAKOA tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa Yang Berhormat.

Cadangan untuk menyerap kakitangan kontrak adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa oleh pihak berkuasa melantik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan lain?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, izin soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah mekanisme yang digunakan SPA atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam memastikan jumlah permohonan dan tawaran kerja atau *supply and demand* kepada masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam yang memuaskan?

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPA dan JPA, mereka telah ada sistem yang sedia ada yang diguna pakai dan ternyata ia efisien dan membantu membawa masuk penjawat-penjawat awam dalam sistem.

Akan tetapi Yang Berhormat, cabaran untuk menguruskan pengambilan Orang Asli ke dalam perkhidmatan awam ada beberapa. Ini cabaran-cabarannya, seperti kekurangan calon yang berkelayakan, taraf pendidikan yang harus dipertingkatkan lagi dan masih rendah, tidak memenuhi syarat perjawatan yang telah ditetapkan walaupun pihak berkuasa melantik telah meletakkan syarat khas yang memberi keutamaan kepada calon Orang Asli berbanding calon-calon yang lain.

RMKe-12 telah memutuskan supaya satu buah pelan pembangunan komprehensif masyarakat Orang Asli digubal dan kajian ini mungkin mengambil masa sekitar enam bulan. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Tuan Aknan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih. Saya dimaklumkan ada sekitar 700 lebih mahasiswa Orang Asli di universiti dan saya jangkakan dalam 200 orang akan keluar setiap tahun. Mengapa tidak kerajaan mengambil lepasan-lepasan Orang Asli ini ke dalam JAKOA kerana setakat ini orang asli cuma lebih kurang 17 peratus sahaja daripada bilangan *staff* JAKOA yang lebih kurang hampir 1,000. Terima kasih.

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik dan saya yakin kerajaan telah melihat perkara ini. Semestinya satu juga kesedaran di kalangan Orang Asli juga untuk mungkin selain- mungkin mereka melihat juga bahagian swasta untuk membabitkan diri dalam ruang pekerjaan tersebut. Akan tetapi dalam masa sama jaminan pekerjaan di peringkat kerajaan itu nampak lebih baik dan tersusun dan menjamin masa depan juga.

Jadi, *insya-Allah* kita boleh fikirkan perkara ini dan dibawakan perkara-perkara di mana tambah nilai atau tambah baik kepada pengambilan anak-anak Orang Asli yang jadi graduan-graduan di peringkat IPTA dan juga IPTS. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid atas jawapan tadi.

Seterusnya, saya ingin menjemput Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

4. Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, sejauh mana projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) mampu meningkatkan sekuriti makanan negara sekali gus mengurangkan kebergantungan kita kepada makanan import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Juhanis yang telah mengemukakan soalan berkenaan dengan program kerajaan iaitu SMART SBB. Sebagaimana yang diketahui umum bahawa bekalan makanan negara yang ada di dalam negara kita belum mencukupi dan kita bergantung kepada import barangan tersebut kurang lebih 30 peratus terutamanya beras untuk memenuhi keperluan populasi penduduk di dalam negara ini.

Perkara ini adalah tidak strategik kalau kita lihat kerana negara ini ada kemungkinan sekatan perdagangan luar, pandemik wabak dan seumpamanya, menyebabkan kita akan berhadapan dengan beberapa masalah.

Lantaran itu, kementerian merangka Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN 2021-2025). Antaranya, kementerian memperkenalkan program SMART SBB yang dirangka dan melibatkan tiga entiti yang penting, yang pertama iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), golongan pesawah dan juga syarikat peneraju.

■1030

Tujuan utama kita libatkan golongan swasta bekerjasama dengan pihak kerajaan antaranya yang pertama untuk pelaburan modal daripada syarikat-syarikat gergasi swasta ini bersama dengan para petani di dalam negara kita.

Kedua, kita ingin memanfaatkan teknologi-teknologi yang dimiliki oleh golongan swasta ini untuk meningkatkan produktiviti yang akan dihasilkan oleh para petani.

Ketiga, kita ingin melihat hasil yang dikeluarkan oleh para petani ini meningkat dari semasa ke semasa.

Keempatnya, kita mampu untuk mengurangkan kawasan pertanian ini yang semakin hari semakin mengecil di dalam negara kita.

Alhamdulillah SMART SBB ini mencipta satu rekod yang sangat baik walaupun kita baharu sahaja perkenalkan, namun hasil padi meningkat daripada 3.5 tan kepada tujuh tan. Lebih daripada 100 peratus peningkatan hasil ini berlaku dan sekali gus ia mencapai tahap sara diri (SSL) yang sangat baik.

Kedua, mengoptimumkan penggunaan sumber menerusi penyatuan pengurusan sawah dan memodenkan aktiviti penanaman padi menerusi penggunaan teknologi dan mekanisasi tertinggi. Ketiga, iaitu meningkatkan pendapatan pesawah yang sebahagian besarnya masih berada di bawah kategori B40 berikutan masih mengusahakan tanah sawah secara individu dan bersaiz tidak ekonomi iaitu kurang daripada dua hektar.

Kementerian meyakini bahawa pelbagai masalah atau isu utama di lapangan seperti pendapatan pengeluar padi yang rendah, kos pengeluar yang tinggi, kekurangan mekanisasi dan automasi, persekitaran perniagaan yang tidak kondusif dan kerugian pasca tuai dapat diatasi melalui pelaksanaan Program SMART SBB. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Silakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut kementerian- siapakah ini?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Saya dahulu kah, Yang Berhormat Dato' Haji Husain dahulu?

Dato' Haji Husain bin Awang: Saya dahulu.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Okey. Okey... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Saya ingin mendapat penjelasan lanjut kementerian mengenai kos mengerjakan sawah yang naik berkali-kali ganda tetapi subsidi yang diterima masih tidak berubah. Akhirnya, beban tersebut ditanggung oleh pesawah sendiri. Apakah kementerian mempunyai jalan keluar terhadap perkara ini?

Kedua, mengapa Program SMART SBB ini sendiri tidak menyasarkan penghasilan tahap sara diri 100 peratus jika kementerian berpandangan ia sebuah pelan yang strategik terhadap industri padi dan beras negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang yang telah mengemukakan soalan yang sangat baik. Untuk fahaman kita semua, terutama berkenaan dengan kos kenaikan yang membabitkan bahan-bahan asas pertanian seperti baja, racun dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos kenaikan ini sebagaimana yang kita ketahui umum, ia adalah berpunca daripada COVID-19 yang melanda dunia, menyebabkan kenaikan harga barangan ini membabitkan dunia, bukan di dalam negara kita sahaja.

Namun, *alhamdulillah* kita bersyukur kerana negara kita masih ada lagi kemampuan kerajaan untuk menyuntik sektor-sektor berkenaan ini dengan subsidi daripada pihak kerajaan. Sebagai contoh kalau NAFAS untuk baja sahaja pun kerajaan menyuntik lebih kurang RM200 juta untuk manfaat kepada para petani.

Banyak lagi- bahkan semua kementerian yang ada di dalam negara kita ini berperanan untuk menangani isu kenaikan harga barang ini. Cuma, kadangkala rakyat dalam negara kita tengok kepada kos yang naik sebagai contoh kos kenaikan baja. Akan tetapi yang kerajaan bantu di sudut lain, IPT dikecualikan sebahagiannya daripada yuran dan seumpamanya tetapi dia fokus, dia kata, "*Ini baja tidak turun. Ayam tidak turun.*" *Insyallah* baja, racun, ayam, selepas daripada kerajaan menyuntik subsidi ini, saya yakin ia akan turun dalam satu masa.

Kedua, SMART SBB kalau kita lihat dari sudut SSL, ia bergantung pada keluasan kawasan yang diusahakan oleh petani. Ia ada kawasan satu ekar, memang ia tidak ekonomi. Kajian yang kita buat kalau usaha padi ini lebih daripada dua ekar, barulah dia memulangkan hasil yang baik dan ia meletakkan SSL yang tepat dengan keperluan kehidupan keluarga tersebut.

Namun, melalui Program SMART SBB ini kalau kita lihat, kenaikan ia melebihi 100 peratus dan tentunya kalau wujud pun SSL yang tidak mencukupi ini, saya rasa ia adalah dalam jumlah yang sangat rendah di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: Nasib baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sama-sama berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada import barang-barang pertanian dari luar negara. Jadi saya suka melihat penggunaan aplikasi teknologi terkini. Jadi soalan saya, sejauh manakah kementerian menggunakan aplikasi *geospacial*? Kalau Tuan Yang di-Pertua ada, dia akan tanya apa maknanya. Ia aplikasi tanaman di atas muka bumi.

Aplikasi ini di dalam kita untuk meningkatkan hasil pertanian dan aplikasi ini digunakan di negara kita pada tahun 2016 lagi. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana aplikasi ini digunakan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang sangat baik.

Berkenaan dengan teknologi terkini yang diguna pakai dalam sistem teknologi pertanian negara kita, saya bukan hendak angkat bakul untuk negara tetapi *alhamdulillah* di Malaysia kalau kita lihat, kalau kita banding dengan beberapa buah negara yang lain, kita di antara negara yang ke hadapan.

Oleh sebab itu, sebagai contoh saya sebut SMART SBB yang digunakan di dalam negara kita semuanya merupakan peralatan-peralatan yang canggih. Cara kita memulihkan tanah ini menggunakan teknologi yang canggih dan akhirnya pendapatan ia sangat lumayan.

Begitu juga dengan penanaman sayur di atas bumi, di atas tanah. Ada yang kita buat di atas air. Ada yang dibuat di kawasan-kawasan bandar. Sebagai contoh di Putrajaya sendiri yang kita perkenalkan teknologi kepada petani bandar dengan kawasan yang sangat sempit. Cukup dengan lima kaki kali 10 kaki. Kalau ditanam, tidak habis dia makan. Saya sendiri pun tanam di rumah saya, *alhamdulillah*, hanya tiga kaki kali enam kaki. Dia punya pusingan mencukupi untuk dimakan sekeluarga bahkan kita boleh bagi kepada jiran-jiran kita.

Kita ada juga hidroponik yang menggunakan sistem air. Ini semua berteknologi tinggi dan kita ada kawalan-kawalan untuk teknologi ini. Kita tidak perlu jirus dengan manual tetapi kita gunakan telefon sahaja. Guna telefon, guna komputer. *Alhamdulillah*, ini teknologi yang diguna pakai dalam negara kita terutamanya pada waktu mutakhir ini. Sekian, terima kasih.

■1040

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya sedikit sahaja. Program ini saya ingat bagus SMART Sawah Berskala Besar (SSBB) tetapi program ini sekarang ini sedang dibuat di mana? Itu yang kita hendak tahu kalau boleh MAFI bagi peluang kami Ahli-ahli Dewan Negara untuk melawat tempat ini supaya kita boleh mengembangkan idea ini di tempat-tempat lain. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Program SMART SBB merupakan program yang baru diperkenalkan di dalam negara kita. Tentunya program yang baharu ini kita tidak mampu dan tidak strategi kalau kita buat secara menyeluruh. Ini kerana SMART SBB ini kita menghadapi masalah umpamanya tanah. Dia ada tuan tanah tetapi tuan tanah ini bagi sewa kepada ...[Disampuk] okey.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, saya minta satu contoh saja. Memang saya faham tidak boleh dibuat dalam skala yang besar menyeluruh tetapi di satu-satu tempat.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Ya, satu contoh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Dia macam pilot projek lah di mana dia buat itu? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Kita banyak pilot projek kita. Pertama di Pendang yang kita usahakan antara NAFAS dengan PETRONAS. Begitu juga di Melaka. Kita ada di Johor. *Sorry*, maaf saya tidak ingat nama tempat secara spesifik tetapi di Kedah itu di Pendang di kawasan Pendang. Saya sendiri turun dan merasmikan perkara ini. Hasil taninya daripada dua tan metrik meningkat kepada 7.9 tan metrik. Ini merupakan *pilot project*.

Untuk awal tahun depan ini, *alhamdulillah* kita lebarkan lagi kita akan masuk di Kelantan termasuk di dalam Parlimen saya sendiri di Pasir Puteh. Kita akan buat bermula daripada awal tahun ini selepas daripada banjir terus syarikat besar ini masuk dan ada juga di kawasan Besut yang kita masukkan program ini. Itu untuk makluman Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Seterusnya saya menjemput Dato Zaiedi Haji Suhaili.

5. Dato Zaiedi Haji Suhaili minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, sejauh mana sasaran dan komitmen kerajaan dalam memastikan institusi pendidikan MARA dan agensi kementerian dilengkapi dengan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi sehingga 3000 Mbps agar jurang digital pelajar luar bandar dapat dirapatkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, MARA merupakan agensi yang menggunakan perkhidmatan talian rangkaian MyGovNet yang diuruskan secara berpusat oleh pihak MAMPU. MARA sentiasa berusaha untuk memastikan Institusi Pendidikan MARA dan Pejabat Pentadbiran MARA dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi. Dalam tempoh pandemik COVID-19, MARA telah menerima peningkatan talian jalur lebar sejak secara berperingkat bermula pada Mac tahun 2020.

Bersesuaian dengan penggunaan platform *online* sebagai medium komunikasi rasmi bagi pengejaran dan pembelajaran di rumah. Mesyuarat dan capaian sistem dalaman melalui, dengan izin, *Virtual Private Network* (VPN). Kapasiti jalur lebar yang telah ditetapkan setakat Disember 2021 bagi Institusi Pendidikan MARA dan Pusat Pentadbiran MARA adalah seperti berikut:

- (i) Maktab Rendah Sains MARA, 50 hingga 150 *megabits per second*, dengan izin, Mbps;
- (ii) Kolej Kemahiran Tinggi MARA, 50 hingga 100 Mbps;
- (iii) Institut Kemahiran MARA, 50 hingga 100 Mbps;
- (iv) Kolej Profesional MARA, 50 hingga 100 Mbps;
- (v) Kolej MARA, 100 hingga 150 Mbps;
- (vi) Ibu Pejabat MARA, 200 Mbps;
- (vii) Pejabat MARA Negeri, 30 Mbps; dan
- (viii) Pejabat MARA Daerah, 10 hingga 16 Mbps.

Namun begitu, kapasiti ini tidak terhad, dan MARA sentiasa memohon peningkatan secara, dengan izin, *Bandwidth on Demand* (BOD) melalui portal *MyGovnet service management system*, dengan izin, mengikut keperluan pelaksanaan program *online* dan kaedah pengejaran dan pembelajaran yang dijalankan tertakluk kepada kelulusan permohonan dan peruntukan oleh MAMPU. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah, sejauh mana MARA mengambil perhatian serius untuk memastikan penglibatan internet dan jalur lebar di MRSM dan di IKM dan juga Institusi Pendidikan MARA di Sarawak dan di Sabah yang mana pada ketika ini kualiti akses internet yang amat rendah dan perlu perancangan serius bagi menangani jurang digital pelajar keluaran MARA dan juga KPLB? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat. MARA sentiasa memastikan perkhidmatan internet dan jalur lebar di institusi pendidikan MARA di Sabah dan Sarawak berfungsi dengan baik. Semua MRSM dan IKM di Sabah dan Sarawak telah menerima peningkatan talian jalur lebar seperti berikut:

- (i) MRSM Kota Kinabalu 45 Mbps dan sekarang sudah 100 Mbps;
- (ii) MRSM Semporna dahulu 30 Mbps sekarang 50 Mbps;
- (iii) MRSM Tawau telah pun dinaikkan sama juga 30 Mbps ke 50 Mbps;
- (iv) MRSM Sandakan 30 Mbps sekarang 50 Mbps;

- (v) IKM Kota Kinabalu 30 Mbps dan sekarang 50 Mbps;

Manakala di Sarawak pula:

- (i) MRSM Mukah dahulunya 30 Mbps sekarang adalah 50 Mbps;
 (ii) MRSM Betong 30 Mbps dan sekarang 50 Mbps;
 (iii) MRSM Kuching 30 Mbps dinaikkan ke 50 Mbps;
 (iv) IKM Bintulu 50 Mbps dinaikkan ke 100 Mbps; dan
 (v) IKM Kuching dinaikkan daripada 30 Mbps ke-50 Mbps.

Ini merupakan program telah pun dibuat oleh MARA untuk memastikan capaian internet untuk institusi-institusi dapat dipertingkatkan dan sekiranya ada keperluan yang mendesak lagi kita sebagai mana saya katakan tadi kita akan memohon kepada MAMPU daripada masa ke semasa mengikut keperluan, terima kasih.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Sabar dulu duduk dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada kementerian apa komitmen kementerian dalam isu keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar di institusi pendidikan di bawah MARA dalam situasi pandemik COVID-19 yang sedang diuji di dalam negara kita?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berkaitan internet lah. Ini sudah fasal COVID-19. Akan tetapi saya berkesempatan duduk dengan pegawai-pegawai MRSM minggu lepas. Setakat ini di MARA, di MRSM khususnya belum ada kluster MRSM lagi. Jadi, kita yakin *Alhamdulillah* ia terjaga dengan baik. Walaupun demikian, kita tidak boleh leka lah. Institusi MARA, MRSM dan khususnya kenalah mengikut SOP yang telah pun ditetapkanlah. *Insyah-Allah* ibu bapa pun kena faham jugalah bila hendak melawat anak-anak, bersabar-sabarlah kita untuk apabila hendak melawat anak dan sebagainya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tadi tertarik dengan penjelasan beliau mengenai internet berkelajuan tinggi ini sehingga soalan asal 3,000 Mbps. Beliau jawab telah ada peningkatan 30 Mbps hingga 50 Mbps. Kelajuan 30 Mbps hingga 50 ini kita pakai dekat rumah sahaja. Kita 10 orang pun sudah tercungit-cungit sudah. Jadi, ini MARA sebuah institusi ada 800 orang pelajar termasuk tenaga pengajar.

Jadi, saya minta saya supaya bahagian-bahagian MARA, Bahagian Pendidikan MARA, Bahagian Kemahiran MARA, Bahagian Pengajian Tinggi MARA supaya memberikan komitmen untuk menjayakan hasrat Yang Berhormat Menteri untuk mencapai 3,000 ...

Timbalan Yang di-Pertua: Minta soalan ya Tuan Muhamad Zahid. Soalan.

Tuan Muhamad Zahid: Ya? Soalan dia saya hendak tanya bila agaknya hasrat hendak capai 3,000 Mbps ini boleh dicapai, bilakah?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid. Saya pun tanya juga tadi masa dalam penyediaan jawapan. *Is 50 Mbps enough? Is 100 Mbps enough?* Kalau untuk visi, untuk keperluan pelajaran PdPR dalam 50 Mbps keperluannya memang mencukupi. Oleh sebab itu ada di antaranya yang dapat 100 Mbps khususnya seperti IKM dan sebagainya di mana *computer-aided* dan sebagainya *design* diperlukan. Oleh sebab itu dipertingkatkan kepada 100 Mbps.

Akan tetapi tadi saya katakan di mana keperluan setakat ini memang ia dipertingkatkan berfasa dan di mana ada keperluan mendesak kita mohon kepada MAMPU untuk spesifik di mana mengikut kursus mereka. Terima kasih.

■1050

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Tuan Seruandi bin Saad.

Tuan Seruandi bin Saad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Tuan Seruandi bin Saad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, adakah inisiatif dan perancangan strategik kementerian bagi memudah cara bantuan bersama NGO kepada para gelandangan di kawasan ibu negara agar lebih sistematik dan tidak mengganggu persekitaran.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah bertanyakan soalan berkaitan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengurusan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan usaha yang bersepadu yang melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga DBKL dan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Kerjasama sedia ada ini sentiasa diperkukuh dari semasa ke semasa bagi memastikan segala perancangan program bina upaya gelandangan dan program pemberian bantuan kepada gelandangan ini mencapai objektif.

Dalam perspektif pihak berkuasa, program agihan bantuan kepada gelandangan perlu diselaraskan dan dipantau secara lebih tersusun dan sistematik supaya ia tidak menjejaskan kebersihan di tapak-tapak program dan aktiviti tersebut serta tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada kesejahteraan warga bandar raya Kuala Lumpur. Bagi memastikan aktiviti agihan bantuan kepada gelandangan ini berjalan lancar, kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama NGO bagi mendapatkan maklum balas dan merancang secara lebih bersistematik program-program bantuan yang bersesuaian di sepanjang tahun.

Untuk makluman Dewan Negara ini, tujuan sesi libat urus yang diadakan bagi memastikan penyediaan dan agihan bantuan makanan ini sama ada makanan, kit kebersihan, pakaian dan program sokongan yang lain seperti kelas kemahiran dan pemeriksaan kesihatan berjalan lancar dan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian, malah oleh pihak kerajaan sendiri.

Dalam hal ini semua NGO yang hendak membuat agihan bantuan dinasihatkan hendaklah terlebih dahulu memaklumkan ke Jabatan Pembangunan Komuniti DBKL supaya lebih terselaras dan memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan. Pada masa yang sama, telah wujud persefahaman di kalangan NGO yang berdaftar di Kuala Lumpur dalam penetapan kawasan agihan supaya tidak berlaku pertindihan dan seterusnya dapat mengelakkan berlakunya pembaziran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh pihak KWP untuk program membantu gelandangan? Oleh sebab saya lihat banyak NGO-NGO yang berada di Kuala Lumpur ini, mendapat peruntukan daripada orang ramai. Saya hendak tahu jumlah bajet yang dikeluarkan.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Terima kasih Yang Berhormat. Bajet tertentu kementerian tidak ada, malah DBKL juga tidak memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi menampung keperluan gelandangan. Ini kerana gelandangan ini biasanya dan buat masa ini ditampung oleh pihak NGO yang memberikan bantuan secara sukarela.

Cuma untuk makluman Ahli Dewan Negara terutamanya Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan, bagi pihak kementerian, kita ada dua buah pusat iaitu Pusat Gelandangan Medan Tuanku dan juga Anjung Kelana yang boleh menempatkan seramai 100 orang gelandangan yang merupakan transit dan pembangunan sendiri. Ini di bawah kementerian.

Kemudian kalau di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pula ialah ada dua lagi iaitu Anjung Singgah dan juga Anjung Kembara yang merupakan penempatan sementara ataupun penempatan transit bagi golongan gelandangan yang memerlukan tempat tinggal sementara. Agihan makanan, bantuan kit kebersihan, bantuan kit keselamatan, bantuan pakaian dan sebagainya ditampung dan diberikan oleh pihak NGO.

Saya dapati setakat ini bantuan yang disediakan oleh pihak NGO ini berlebihan, malah kadangkala sehinggakan melebihi keperluan golongan gelandangan yang ada di Wilayah Kuala Lumpur ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh?

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, bagi Datuk Razali dahulu.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dahulu kita lihat di bandar Jakarta, kalau kita pergi di bawah jambatan itu memang sentiasa ada gelandangan. Lebih teruk daripada negara kita. Akan tetapi selepas Jokowi sebagai Presiden, sekarang ini, sebelum pandemik saya pernah juga beberapa kali turun tengok, sudah tak ada lagi gelandangan ataupun penghuni di bawah jambatan.

Akan tetapi di Kuala Lumpur masih tiada kesudahan, macam-macam kita telah buat tetapi masih tiada kesudahan. Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan tiada perancangan jangka pendek- jangka panjang mungkin lama, lima tahun untuk menghapuskan gelandangan. Kita tak nak ada lagi gelandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi macam mana perancangan pihak kerajaan? Itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, mana-mana negara ataupun negeri memang mempunyai matlamat untuk membersihkan ibu kota terutamanya di Kuala Lumpur daripada kumpulan gelandangan. Akan tetapi ini merupakan masalah yang tidak boleh kita selesaikan untuk jangka masa dekat. Ini kerana gelandangan ini sentiasa bertukar.

Untuk makluman di Kuala Lumpur kita ada lebih kurang 350 ke-400 kumpulan gelandangan yang beredar dan berada di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Cuma untuk makluman Yang Berhormat, seperti saya sebut, kita ada pusat-pusat transit untuk golongan gelandangan ini. DBKL buat operasi secara kerap- sepanjang tempoh dalam 100 hari sebagai Timbalan Menteri Wilayah ini, saya telah menyertai operasi menyelamatkan kumpulan gelandangan ini. Operasi pertama, kumpulan masyarakat yang sama. Bila kita selamatkan, operasi kedua dia sudah tidak ada. Masuk operasi ketiga, dia ada balik di situ. Ini masalah kerajaan dan kementerian.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya menerima baik pandangan Yang Berhormat dan juga dalam kajian pihak kementerian untuk mewujudkan pusat pembangunan sendiri gelandangan di luar Kuala Lumpur. Kita pernah buat dahulu di pusat-pusat latihan tetapi nampak agak pembangunan yang perlahan.

Akan tetapi sekarang ini kita tengah buat kajian- *research* untuk memilih mana-mana institusi latihan yang tidak lagi digunapakai untuk di baik pulih bagi dijadikan pusat latihan pembangunan sendiri Tuan Yang di-Pertua. Bagi memindahkan gelandangan yang kita selamatkan di Kuala Lumpur, kita hantar ke sana untuk mendapat skil, latihan dan sebagainya dan mengharapkan kemungkinan besar mereka boleh berdiri atas kapasiti diri mereka sendiri setelah mendapat latihan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita faham bukan senang hendak selesaikan masalah gelandangan terutamanya di kawasan bandar raya. Akan tetapi pada pendapat saya, jika bergantung sahaja bantuan iaitu pasti tiada penghujungnya. Oleh itu soalan saya selain daripada bagi bantuan kepada NGO itu, apa sasaran atau gerak kerja yang *solid* daripada kementerian dalam mencapai sifar gelandangan. Yang ini satu.

Keduanya, seperti yang dimaklumkan ada pusat transit dan saya difahamkan ada rumah PPR yang telah diberikan kepada gelandangan tersebut. Saya hendak tahu, kesan dalam gelandangan, jumlahnya di Kuala Lumpur selepas kita memberikan rumah PPR itu. Terima kasih.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingin perbetulkan sedikit. Pihak DBKL dan kementerian tidak memberikan mana-mana gelandangan rumah PPR. Kita cuma sediakan Anjung Kelana dan Anjung Selasih untuk mereka duduk buat sementara sehingga mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini kerana kelompok gelandangan ini Tuan Yang di-Pertua, ada banyak kelompok, banyak kategori.

Satu kategori gelandangan sementara yang mana mengalami masalah bergaduh dengan suami isteri, dia keluar sekejap menyelesaikan masalah stres. Mana masalah tak boleh bayar sewa, dia keluar sekejap, duduk di sekitar Kuala Lumpur di jalanan dan apabila mereka boleh mengatasi masalah itu, dia balik semula ke penempatan asal mereka.

Akan tetapi ada gelandangan yang kategorinya memang menjadi habitat penempatan mereka itu di sekitar jalanan. Dia memang suka. Kita selamatkan, dia balik semula. Kita selamatkan, dia balik semula. Ini masalah yang kita hadapi untuk mewujudkan sifar gelandangan ini merupakan satu program yang- bukan tidak boleh selesai tetapi memerlukan banyak komitmen daripada pelbagai pihak, pemimpin, NGO dan sebagainya. Bantuan kita tidak beri pada NGO untuk makluman Yang Berhormat kerana NGO ini mendapatkan dan mempunyai sumber-sumber yang berlebihan untuk memberikan bantuan kepada gelandangan ini.

■1100

Cumanya, di Dewan Negara ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kepada NGO ini. Cumanya, kita harus mempunyai satu program bantuan dan pemberian yang lebih sistematik kerana kebersihan dan juga faktor yang mendatangkan kacau ganggu di kalangan masyarakat ibu kota yang lain itu juga mestilah diberikan keutamaan dan juga prioriti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan atas jawapan yang diberikan.

7. Dr. Wan Martina binti Wan Yusof minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk memperkasakan dan mengubahsuai sekolah-sekolah vokasional untuk menarik minat dan penglibatan murid-murid berkeperluan khas untuk menceburi bidang TVET.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan murid bekeperluan khas (MBK) turut mendapat akses pendidikan dalam bidang TVET melalui program kemahiran yang disediakan di sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV) dan kolej vokasional (KV).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sehingga kini, terdapat empat buah SMPKV iaitu SMPKV Shah Alam, Selangor; SMPKV Indahpura, Johor; SMPKV Kuantan, Pahang; dan SMPKV Merbok, Kedah.

KPM juga menyediakan pendidikan TVET kepada murid berkeperluan khas yang berada di kolej vokasional iaitu di Kolej Vokasional Keningau, Sabah.

KPM sentiasa memperkasakan bidang TVET melalui penambahbaikan kualiti program pendidikan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia. Penambahbaikan ini bertujuan menarik minat murid berkeperluan khas menceburi bidang TVET dan memastikan mereka mendapat kemahiran serta pengalaman yang diperlukan bagi memenuhi keperluan industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, KPM turut memastikan infrastruktur dan fasiliti di SMPKV dan kolej vokasional berada dalam keadaan baik serta memenuhi keperluan murid berkeperluan khas agar mereka terus mendapat latihan kemahiran yang berkualiti dalam bidang TVET. Sekian, terima kasih.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusof: Soalan tambahan. Kita sedar ada pelbagai persepsi oleh masyarakat terutamanya pemain industri apabila kursus TVET ini dijalankan oleh pelbagai kementerian selain Kementerian Pendidikan. Apakah kerajaan sudah ada perancangan untuk memastikan standard TVET yang dijalankan oleh pelbagai kementerian ini adalah selaras?

Datuk Mohamad bin Alamin: Yang Berhormat Senator, untuk makluman dan perlu kita fahami bahawa program TVET ini sebenarnya bukan hanya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja tetapi ia program merentasi kementerian. Banyak juga agensi kerajaan lain juga membuat program yang sama.

Saya bagi contoh. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan penjenamaan semula HRDF yang sekarang menjadi HRD Corp. Ini di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana ramai pelajar daripada sekolah menengah juga diberikan ruang dan peluang bukan sahaja latihan, bimbingan tetapi juga peluang-peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan latihan dan kursus mereka.

Kita juga di KPM, untuk makluman Yang Berhormat, ada juga mengadakan beberapa program kolaborasi dengan pihak industri juga. Kalau saya boleh sebutkan. Kita juga telah menyediakan kerjasama dengan McDonald, umpamanya. Juga dengan kerjasama tiga- penjurong iaitu *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), contoh ya, dan juga *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM). Maknanya para pelajar kita diberikan kursus program *apprenticeship* dan mereka juga akan diberikan sijil.

Jadi maknanya ini merupakan usaha-usaha kita bagi memastikan TVET ini juga selaras dengan keperluan industri kita di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Pendidikan I atas jawapan yang diberikan.

8. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa tindakan dan inisiatif kerajaan dalam menyelesaikan isu perjawatan tetap serta caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi doktor kontrak.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, pewujudan jawatan secara tetap dalam perkhidmatan awam bergantung kepada dasar yang ditetapkan oleh agensi pusat selaras dengan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam. Namun, kerajaan telah mewujudkan tambahan 10,675 perjawatan baharu pelbagai skim perkhidmatan dan gred di Kementerian Kesihatan Malaysia secara berfasa bagi fasiliti kesihatan baharu yang beroperasi bagi tempoh 2020 sehinggalah Jun 2021.

Selanjutnya, KKM telah diluluskan dengan secara bersyarat sebanyak 6,647 perjawatan baharu bagi fasiliti kesihatan baharu dan naik taraf yang beroperasi pada Julai hingga Disember 2021. Manakala bagi keperluan fasiliti kesihatan baharu atau naik taraf yang diunjurkan beroperasi pada tahun 2022, KKM telah mengemukakan permohonan lebih 9,000 jawatan baharu pelbagai skim perkhidmatan kepada agensi pusat pada 3 September 2021.

Bagi menangani isu yang dihadapi oleh doktor kontrak, kerajaan pada 14 Julai 2021 telah bersetuju supaya pegawai perubatan lantikan kontrak yang telah melengkapkan khidmat wajib dua tahun dilanjutkan tempoh kontrak untuk dua tahun lagi bagi membolehkan pegawai membuat persediaan bagi menyambung pengajian kepakaran. Dalam tempoh dua tahun ini, sekiranya pegawai ini ditawarkan pengajian kepakaran, maka pegawai akan ditawarkan kontrak lanjutan selama empat tahun lagi untuk melengkapkan pengajian kepakaran.

Kerajaan juga telah bersetuju agar KKM dan agensi berkaitan menyediakan pelan komprehensif yang merangkumi tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk menangani isu doktor kontrak ini.

Tuan Yang di-Pertua, fokus jawatankuasa ini ada beberapa perkara di sini. Pertama, memperoleh peruntukan bagi tajaan kepakaran yang setara dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Ini yang risaunya. Antara benda yang dirisaukan sebab kontrak ini tidak dapat HLP. Jadi, hendak selesaikan ini. Kalau dia hendak masuk pakar, manakah hendak cari dana? Ini yang kita sedang fokuskan.

Kedua, permohonan untuk mewujudkan perjawatan tetap tambahan untuk keperluan fasiliti kepada agensi pusat. Kita minta juga. Jadi kata, "*Apa hendak jadi*" dan sebagainya, kita memang minta juga dalam jawatankuasa ini penambahan jawatan tetap untuk mereka ini.

Ketiga, meningkatkan peluang pekerjaan di kementerian lain, di agensi-agensi lain. Ada. Juga di sektor swasta. Ini kita sedang usahakan.

Keempat- sedikit, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Kita sedang meneliti dan meminda ketetapan sedia ada dalam Akta Perubatan 1971, Akta Pergigian 1971, dan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Berkenaan dengan apa? Berkenaan dengan latihan siswazah. Penambahbaikan. Atau pun berkenaan dengan khidmat wajib. Penambahbaikan. Ini yang sedang kita usahakan, akan diperhalusi.

Kelima, mengadakan perbincangan dengan JPA. Kita akan buat perbincangan dengan JPA tentang kesesuaian pindaan Akta Pencen 1980 atau pun memperkenalkan penambahbaikan. Ini yang soalan tadi ini daripada Yang Berhormat, berkenaan dengan isu jawatan tetap doktor kontrak dan juga mencarum KWSP. Ini yang sedang kita fikirkan.

Penyediaan pelan komprehensif ini akan melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi dan juga kementerian. Contohnya, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga bahagian-bahagian dan program-program dalam KKM.

Selain itu, jawatankuasa khas ini akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini termasuklah doktor-doktor yang terlibat, MMA dan sebagainya.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya cuma hendak tahu, bilakah agaknya pegawai-pegawai perubatan kontrak ini mendapat surat tawaran hitam putih bahawa penyambungan kontrak mereka untuk dua tahun lagi? Oleh sebab kebanyakan mereka sudah hampir tamat kontrak tetapi belum menerima surat-surat lagi. Terima kasih.

■1110

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Jadi, yang kita katakan tadi penerimaan dua tahun tambahan, nanti apabila pakar empat tahun ini, surat ini akan diberikan kepada doktor-doktor yang telah lengkap khidmat wajibnya secepat mungkin.

Ini saya difahamkan bulan Disember kan? Bulan Disember secepat mungkin selepas ini, *insya-Allah* akan dapat.

Saya *just* hendak bagi maklumat sedikit, baru-baru ini kita sudah menyatakan bahawa 4,186 daripada 10,583 orang pegawai perubatan, farmasi dan juga pergigian yang telah dinilai dan layak untuk diperakukan dan kita sudah hantar kepada JPA untuk lantikan tetap dan masih dalam penelitian jabatan. Terima kasih.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan,

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Apakah pandangan kementerian mengenai kehilangan tenaga mahir dan profesional apabila ramai doktor bertaraf kontrak ini pada akhirnya memilih untuk bertugas di luar negara disebabkan ketiadaan peluang yang ditawarkan di Malaysia? Apakah pandangan kementerian?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tentulah kalau kita kehilangan doktor-doktor yang kita latih- bukan senang hendak melatih doktor ini sebab saya sendiri doktor, saya tahu. Kita hendak mendapatkan tempat satu masalah, apabila sudah dapat tempat enam tahun hendak tunggu satu masalah. Selepas itu apabila hendak kerja lagi dua tahun, dahulu setahun, sekarang dua tahun. Semuanya ini dalam latihan sebelum kita mendapatkan pendaftaran penuh. Jadi, *is not easy*, bukan senang. Kehilangan ini sudah tentu merugikan negara.

Kalau saya boleh bagi fakta sedikit iaitu sejak peletakan jawatan ini, 2017 seramai 110 orang doktor kontrak- saya sebut ini, 2018 seramai 168 orang, 2019 seramai 475 orang, 2020 seramai 511 orang. Keadaan ini nampak macam makin meningkat lagi.

Akan tetapi sebenarnya, banyak alasan meletakkan jawatan ini. Ini disebabkan meletakkan jawatan ini merupakan hak doktor itu sendiri ataupun hak penjawat awam sendiri. Pertama, berkhidmat di swasta, ini tidak larilah, sama ada di hospital swasta atau klinik swasta, sebab-sebab peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada saya pernah jumpa juga dan pernah mendengar juga, doktor yang sudah belajar, *alhamdulillah* dia bijak dia belajar di luar negara ataupun dalam negara, habiskan *housemanship* dia tetapi selepas habis *housemanship*, dia *resign*. Dia kata *alhamdulillah* dia beritahu *parents* dia, dia kata *you want me to be a doctor, now I got certified for you*, dengan izin, *now I am done*. So, sekarang dia pergi belajar *law* pula. Dia budak bijak, sekarang dia jadi *lawyer*. Macam-macam. Minat berniaga, minat berkebun.

Jadi, berkhidmat dalam badan berkanun contohnya di hospital universiti, dia pindah daripada KKM dia pindah ke hospital universiti, dapat tawaran dan melanjutkan pelajaran. Masalah kesihatan, ini pun banyak juga dan tadi Yang Berhormat menyebut, berhijrah ke luar negara memang ada terbukti di sini dan juga yang buka klinik sendiri. Pertamanya, letak jawatan itu hak dia. Keduanya, yang kata kerajaan berpendapat- kerajaan memang rasa kerugian.

Ini sudah masa panjang saya ambil tetap memang banyak usaha yang kita lakukan, saya sudah sebut banyak kali dalam beberapa soalan yang lepas tentang bagaimana kita hendak mengekalkan *brain drain* daripada negara ini. Terima kasih.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

9. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah langkah-langkah kementerian untuk mendapatkan jalinan kerjasama dan penglibatan sektor korporat dalam pembiayaan program sukan berprestij tinggi seperti Temasya Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Komanwel dan sebagainya, sebagaimana program jalinan korporat sukan pada era 90-an.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Terima kasih atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa komited dan akan memastikan kesinambungan pelaksanaan program latihan sukan berprestasi tinggi negara terutamanya ke arah penyertaan kejohanan dalam temasya sukan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Para Asia, Komanwel, Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik.

Sukalah dimaklumkan bahawa penyertaan Malaysia ke temasya-temasya berkenaan adalah diselaraskan melalui Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Paralimpik Malaysia yang sudah tentu mempunyai peranan, kuasa dan pengaruh mereka serta kewajipan dan sikap kebertanggungjawaban mereka sendiri dalam menguruskan penyertaan kontinjen negara ke temasya sukan berkenaan.

Produk yang dimiliki oleh badan-badan sukan berkenaan mampu menarik minat sektor swasta menjadi rakan penaja mereka seperti yang dibuktikan oleh beberapa buah badan sukan seperti FAM, BAM dan MOM sendiri. Sokongan dan keizinan kerajaan mengizinkan MOM menjadi saluran sumbangan, tajaan sukan yang membolehkan pengecualian cukai sepenuhnya, sepatutnya digunakan dengan sepenuhnya dan sebijaknya oleh badan-badan sukan tersebut.

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan sukan prestasi tinggi negara, insentif pengecualian cukai telah diperkenalkan menerusi MSN dan MOM. Individu atau badan korporat yang memberikan sumbangan bagi pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan sukan akan mendapat pengecualian cukai yang termaktub di bawah seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967. Selain itu, inisiatif untuk penjenamaan ataupun *branding venue* ataupun kemudahan fasiliti sukan seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Stadium Putra Bukit Jalil yang kini dikenali sebagai Axiata Arena juga akan turut dilaksanakan.

Kementerian amat mengalu-alukan jalinan kerjasama dengan syarikat korporat bagi membangunkan dan menaik taraf *venue* sukan sekali gus meningkatkan nilai komersialnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi penajaan pula KBS melalui MSN sentiasa berusaha untuk mendapatkan tajaan daripada syarikat-syarikat korporat dan sektor swasta bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pihak kerajaan. Tajaan yang diterima adalah dalam bentuk wang tunai mahupun dalam barangan yang bernilai.

Pengurusan MSN akan memperhebatkan dan memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama dengan pihak korporat dengan tawaran yang lebih komprehensif bagi tajaan program-program sukan prestasi tinggi negara selain daripada memberi sokongan padu kepada badan-badan sukan melaksanakan hasrat yang sama seperti yang telah dibuktikan oleh FAM dan BAM melalui penajaan jutaan ringgit dari rakan korporat masing-masing.

Secara tidak langsung, usaha ini akan menyemarakkan lagi industri sukan negara selain daripada meningkatkan tahap profesionalisme pentadbiran dan pengurusan badan-badan sukan berkenaan. Ini akan menggalakkan sikap yang berdikari dan tidaklah bergantung kepada kerajaan semata-mata. Sekian, terima kasih.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bolehkah Kementerian Belia dan Sukan membentangkan sejauh manakah maklum balas yang diterima oleh KBS daripada pemegang taruh sukan semenjak pelancaran VSN2030?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya VSN2030 belum lagi dilancarkan. Apa yang telah dilancarkan ialah KANVAS VSN 2030 secara maya pada 7 April 2020 dan telah berakhir pada 31 Ogos 2021. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 63 buah sesi balai rakyat telah diadakan di seluruh negara yang melibatkan penyertaan seramai 8,727 orang peserta secara fizikal dan 67,500 orang peserta secara *virtual*.

Program yang dijalankan juga telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 4,000 aspirasi dan cadangan merangkumi semua peringkat pemegang taruh sukan. Kerangka utama visi VSN 2030 telah digubal berdasarkan enam buah teras utama iaitu:

- (i) pembudayaan sukan;
- (ii) kegemilangan sukan;
- (iii) pembangunan bakat;
- (iv) hab sukan;
- (v) industri sukan; dan
- (vi) profesionalisme sukan.

Sasaran impak VSN 2030 adalah untuk meningkatkan lagi pembudayaan sukan secara menyeluruh, kecemerlangan atlet di peringkat antarabangsa serta kemajuan sektor industri sukan melalui perancangan dan polisi yang komprehensif. Jadi, tarikh pelancaran VSN 2030 ini akan ditetapkan kemudian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan atas jawapan yang diberikan.

■1120

Saya tidak dapat memberi tambahan soalan sebab saya sudah beri ruang tadi dan hanya baru sembilan soalan. Kebiasaannya 11.30 pagi kita habis soalan lisan ini lebih kurang dalam 15 soalan. Jadi kita teruskan kepada Tuan Aknan a/l Ehtook.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

10. Tuan Aknan Ehtook minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, komitmen dan jadual pelaksanaan untuk Malaysia mencapai tahap neutral karbon menjelang tahun 2050.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas di Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan aspirasi negara untuk mencapai sasaran pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) dengan izin, sifar bersih atau *net zero GHG emissions* seawal-awalnya pada tahun 2050.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun menyatakan bahawa pencapaian aspirasi ini tertakluk kepada penyediaan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon atau, dengan izin, *Long-term Low Emissions Development Strategies* (LT-LEDS) yang akan dimuktamadkan pada tahun 2022.

Untuk makluman Dewan yang mulia, LT-LEDS Malaysia akan menggariskan strategi dan tindakan bagi mitigasi pelepasan GHG bagi sektor-sektor ekonomi utama negara sebagaimana yang dilaporkan dalam dwi-tahunan *Biennial Update Report* atau BUR1, BUR2 dan BUR3 iaitu:

- (i) sektor tenaga meliputi aktiviti pembekalan elektrik, pengangkutan dan industri minyak serta gas asli;
- (ii) sektor industri pembuatan dan pemprosesan yang meliputi industri seperti mineral, simen, kapur, batu kapur, kimia, logam seperti besi dan keluli, aluminium dan elemen-elemen nadir bumi atau *rare-earth*, produk bukan tenaga berasaskan bahan api dan bahan pelarut, elektronik, penggantian bahan florin dan sebagainya;

- (iii) sektor pertanian seperti penanam padi, ternakan dan pembajaan;
- (iv) sektor guna tanah yang melibatkan perubahan guna tanah dan perhutanan seperti komoditi, perhutanan, penyahhutanan; dan
- (v) sektor sisa seperti sisa pepejal, sisa kumbahan domestik dan sisa kumbahan industri;

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jadual pelaksanaan untuk Malaysia mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya tahun 2050 akan ditentukan selepas LT-LEDS disediakan. Bagi mencapai aspirasi tersebut, Malaysia akan melaksanakan beberapa perkara;

- (i) melaksanakan dasar harga karbon atau *carbon pricing*, dengan izin, secara berfasa untuk menyokong usaha negara bagi mengurangkan pelepasan GHG;
- (ii) pencapaian kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 31 peratus pada tahun 2025 dan 40 peratus pada tahun 2035 bagi gred kebangsaan melalui Pelan Peralihan Teknologi Tenaga Malaysia 2021-2040;
- (iii) inspirasi sasaran perolehan 100 peratus kenderaan kerajaan yang bukan berasas enjin pembakaran dalaman pada tahun 2030;
- (iv) mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus liputan hutan negara seperti yang diumumkan dalam Persidangan Bumi Rio pada tahun 1992;
- (v) melaksanakan kaedah penyelesaian berasaskan alam semula jadi atau, dengan izin, *nature-based resolutions* sebagai asas penyediaan global bagi mengurangkan kesan jangka panjang;
- (vi) pencapaian sasaran sifar sisa yang dihantar ke tempat pelupusan;
- (vii) transformasi bandar rendah karbon; dan
- (viii) peningkatan ketahanan kepada impak jangka masa panjang perubahan iklim melalui pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan.

Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita terbaca dalam berita bahawa Bhutan merupakan negara pertama yang negatif karbon. Begitu juga kita dapati bahawa Bhutan menggunakan *Gross National Happiness*, Kebahagiaan Negara Kasar sebagai rujukan dalam membuat keputusan. Saya hendak bertanya adakah kerajaan bercadang untuk mencontohi negara Bhutan dengan mengambil tindakan seperti mengharamkan eksport balak sebagai usaha untuk mengurangkan karbon dalam negara. Terima kasih.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Untuk makluman Dewan yang mulia, semasa persidangan COP26 yang diadakan baru-baru ini, Malaysia juga telah pun menandatangani beberapa piagam bersama termasuklah untuk penjagaan hutan. Dalam konteks ini kita mengakui bahawa hutan ialah merupakan elemen yang paling penting bagi *offset* karbon di negara kita, dan kita mengekalkan status tidak kurang daripada 50 peratus liputan hutan negara dikekalkan.

Saya ingin mengambil kesempatan Dewan yang mulia untuk mengucapkan tahniah kepada semua negeri yang telah berjaya mengekalkan kadar tebingan balak yang telah ditentukan oleh di peringkat kementerian khususnya oleh KeTSA. Bagi negara kita, kita mematuhi piawaian tersebut dan saya fikir itu sudah memadai bagi kita untuk *offset* pelepasan karbon untuk negara kita. Terima kasih.

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: Soalan tambahan, satu. Saya sebelah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tahniah kepada kerajaan kerana mempunyai *political will* untuk membawa satu visi baru iaitu natural karbon menjelang tahun 2050. Selain daripada strategi dan juga inisiatif kerajaan, saya melihat NGO dan Persatuan Belia juga mampu untuk membantu negara dalam kita mencapai visi ini.

Soalan saya, apa perancangan pihak kementerian bagi memperluaskan penglibatan sektor swasta, serta bagaimana kementerian meletakkan posisi dan peranan yang boleh diambil oleh para NGO, dan persatuan belia dalam mencapai visi ini. Terima kasih.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Saya ingin mengesahkan bahawa setiap perbincangan kita, kita akan melibatkan pihak NGO. Dalam belanjawan baru-baru ini juga, kerajaan telah pun memperuntukkan kepada NGO bagi melaksanakan beberapa program di peringkat Kementerian Alam Sekitar dan Air khususnya bagi melaksanakan Program Mitigasi dan Adaptasi Perubahan Iklim Negara.

Untuk makluman juga, dalam setiap perbincangan kita, kita juga mendapat maklum balas daripada pihak NGO dan kita mengucapkan terima kasih banyak. Ini termasuk juga saya hendak rakamkan penghargaan kepada NGO, individu tertentu dan badan-badan swasta yang turut menyumbang kepada kelestarian alam sekitar yang kita laksanakan hingga setakat ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Boleh tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air atas jawapan-jawapan yang diberikan. Seterusnya saya menjemput Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 11.

11. Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, adakah perancangan untuk menaikkan kadar upah atau bayaran elaun kepada Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarelawan (PPMS) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi menjamin kebajikan mereka yang sekarang ini hanya dibayar dengan kadar RM500 sebulan dan ada di antara mereka telah bertugas melebihi 10 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) ialah individu di kalangan suri rumah ataupun wanita tempatan yang diambil oleh Jawatankuasa Aktiviti Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) PERMATA di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat yakni KEMAS.

Pengambilan PPMS adalah secara sukarela. Tidak termasuk dalam kategori pegawai awam yang mana tugas utama mereka ialah membantu menyediakan makanan dan minuman kanak-kanak, membantu menjaga kebersihan dan keselamatan kanak-kanak serta membantu pengurusan menguruskan kanak-kanak di TABIKA dan TASKA PERMATA, KEMAS.

Tempoh masa bertugas PPMS tidak tertakluk pada waktu pejabat iaitu lapan jam sehari. Akan tetapi waktu mula bertugas hendaklah sama dengan waktu petugas bertugas pemaju masyarakat TABIKA atau TASKA dan dibenarkan pulang pada bila-bila masa selepas selesai melaksanakan tugas yang ditetapkan. Kadar bayaran elaun sagu hati kepada PPMS adalah sebanyak RM400 sebulan berkuat kuasa pada 1 April 2011.

Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2017 bayaran tersebut telah dinaikkan kepada RM500 sebulan selari dengan ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016.

Jumlah PPMS pada tahun 2021 adalah seramai 10,573 orang dengan peruntukkan yang telah disalurkan sebanyak RM63,462,000 bagi tujuan bayaran elaun sugu hati tersebut. Pihak kementerian menyedari beban tugas yang dilaksanakan oleh PPMS.

Oleh yang demikian, KEMAS telah menyediakan kertas cadangan kenaikan elaun PPMS dan ia akan dikemukakan pada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam masa terdekat untuk pertimbangan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan. Pelan Kualiti Perkhidmatan 2020-2030, KEMAS turut merancang untuk menaik taraf jawatan Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela kepada penjawat tetap dan mengadakan program sangkutan untuk pemaju masyarakat meningkatkan ilmu serta pengalaman.

■1130

Soalan saya berdasarkan rekod pihak kementerian berapakah jumlah Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela yang telah berjaya diserap ke jawatan tetap serta menerima gaji yang setimpal dengan pengalaman dan tempoh perkhidmatan mereka bersama KEMAS.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seramai 10,573 orang PPMS dilantik secara sukarela dalam perancangan PKPLB berkaitan masa depan mereka perlu disesuaikan seperti di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid Gred S19 dengan kelayakan asas lantikan Sijil SPM dan bergantung kepada pertimbangan dan kelulusan kerajaan. Saya minta maaf Yang Berhormat Senator jumlah memang ada *figures* yang sudah diterapkan kepada tetap tetapi minta maaf saya tidak ada *figure* itu dan saya akan berikan secara bertulis, memang ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada soalan tambahan lain.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator semua. Pihak kerajaan- ya RM500 musim sekarang ini terlalu kecil. Pihak kerajaan ada bercadang dan bercita-cita setidak-tidak mematuhi syarat gaji minimum RM1100 atau RM1200 sekarang ini untuk peserta-peserta ini dengan mengenakan pelbagai kaedah elaun tambahan dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi dalam soalan yang pertama itu memang sahaja tidak hendak sebut berapa lah. Jadi saya kena tanyalah, kena beritahulah ya. Apa yang dicadangkan oleh kertas kerja yang dibuat ialah daripada untuk dicadangkan RM500 dinaikkan kepada RM800.

Akan tetapi *since*- minta maaf Yang Berhormat Senator sudah menyatakan mungkin minimum *wage*, saya akan berbalik perkara ini kepada KPLB dan berbincang bagaimana untuk tentang ya lah, mungkin *consideration* untuk minimum *wage* itu, *maybe it's a good consideration* lah. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat untuk pertanyaan jawab lisan hari ini kita tamatkan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2021

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[8 Disember 2021]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Ahmad bin Yahaya untuk berbahas... *[Tepuk]*

11.33 pg.

Dato’ Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan mengenai Pindaan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau Akta 720 yang digubal sejak 2011.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) merupakan sebuah badan berkanun yang menyediakan takbir urus terhadap sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Kewujudan PIDM ini begitu signifikan kerana ia berkait dengan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan selain menggalakkan kepada kestabilan sistem kewangan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada beberapa perkara yang ingin dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, PIDM bertanggungjawab terhadap beberapa pelan dana termasuklah perbankan, komersial dan Islam, insurans hayat dan am serta takaful keluarga mahupun takaful am.

Maka, selaras dengan pindaan terhadap Seksyen 11, 12, 13, 16 dan 18 yang menekankan aspek praktis terbaik serta mempertingkatkan keberkesanan dan kebertanggungjawaban urus tadbir Lembaga PIDM, saya ingin mencadangkan supaya dilantik dalam kalangan mereka pakar kewangan Islam sebagai sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah PIDM ini.

Perkara ini sangat signifikan kerana keahlian perbankan Islam dan pengendali takaful di bawah PIDM juga sangat signifikan. Terdapat 16 buah institusi perbankan Islam daripada keseluruhan 42 buah institusi perbankan yang berada di bawah tanggungjawab PIDM. Contohnya *Affin Islamic Bank, Al Rajhi Banking, Bank Islam sendiri* serta CIMB Islamik Bank dan sebagainya.

Begitu juga terdapat 15 orang pengendali takaful yang berada di bawah tanggungjawab PIDM ketika ini antaranya Takaful Ikhlas, Zurich Takaful dan sebagainya. Oleh itu, sudah tentu PIDM memerlukan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam untuk menentukan hala tuju yang seiring dengan apa yang dihasratkan oleh Kementerian Kewangan melalui pindaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, PIDM juga bertanggungjawab terhadap pendidikan literasi kewangan kepada rakyat di negara ini. Namun berdasarkan Laporan Tahunan PIDM 2020 menunjukkan *indicator* terhadap indeks kesedaran awam terhadap PIDM masih berada di bawah sasaran 65 peratus. Justeru saya ingin mengetahui, apa langkah bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap pendidikan literasi kewangan, sejauh mana pihak PIDM menjalankan kempen-kempen kesedaran ke arah itu.

Saya juga berpandangan masih ramai dalam kalangan Muslim yang tidak dapat membezakan insurans patuh syariah takaful atau insurans konvensional sedangkan kedua-dua instrumen ini berbeza di antara satu sama lain. Oleh itu saya mengharapkan perkara ini juga diteliti oleh PIDM dalam siri-siri pendidikan literasi kewangan kelak.

Tuan Yang di-Pertua negara berada dalam situasi pemulihan ekonomi pasca pandemik dan sudah tentu fasa ini memerlukan suatu tunjang ekonomi yang kukuh. Meskipun dengan pelbagai unjuran positif terhadap ekonomi global dan ekonomi negara pada tahun-tahun mendatang. Namun kita juga wajar bersedia dengan sebarang kemungkinan yang tidak menentu.

Oleh itu kita perlu membangunkan semula sektor kewangan ini dengan berhati-hati ibarat kata pepatah, 10 kali ukur sekali kerat, supaya negara dapat bangkit semula dengan selamat. Dalam perkara ini saya ingin mengetahui sejauh mana rancangan membangunkan petunjuk amaran awal ekonomi bagi pasaran kewangan dan ekonomi oleh PIDM. Petunjuk amaran awal ekonomi juga tidak kurang pentingnya kerana dari satu sudut kita perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan apatah lagi suasana ekonomi global yang masih tidak menentu- hendak ucok dilawan damai, hendak perang giling peluru. Dalam maksud- bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan.

Oleh itu persoalannya, bila rancangan petunjuk amaran awal ekonomi ini akan dibangunkan oleh PIDM.

Tuan Yang di-Pertua inilah beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Oleh sebab tiada tambahan kepada pembahas, maka dengan hormat dipersilakan Yang Berhormat Menteri menggulung.

11.39 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua pada September 2005, kerajaan Malaysia telah meluluskan pengenalan satu sistem insurans deposit untuk Malaysia untuk memperkukuhkan perlindungan pengguna. Oleh itu pada hari ini pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk penambah baikkan agar usaha murni melalui PIDM ini dapat dijalankan dengan lebih tangkas dan efektif.

■1140

Setinggi penghargaan juga buat empat Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan kelmarin dan kepada Ahli Yang Berhormat yang baru saja berbahas pada hari ini. Segala dapatan, perkongsian dan idea Ahli-ahli Yang Berhormat adalah penting dalam kita memastikan PIDM ini kekal unggul dalam melindungi pengguna. Jadi bagi tujuan penggulungan, saya akan menyentuh terus mengenai pindaan-pindaan yang berkaitan dahulu dan seterusnya baru saya akan jawab soalan-soalan yang diutarakan oleh para Ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, industri kewangan sekarang ini menjadi lebih semakin kompleks dan dinamik dengan kemunculan teknologi dan inovasi baru, globalisasi, penukaran demografi serta persekitaran pasaran yang sering berubah. Ini telah memberi peluang dan juga cabaran baru kepada sektor kewangan Malaysia.

Oleh yang demikian, PIDM sentiasa menjalankan kajian dan semakan untuk menambah baik Akta PIDM supaya lebih efektif, tangkas dan boleh memenuhi keperluan sektor kewangan yang cepat berubah.

Justeru, Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 ini akan pertamanya meningkatkan keberkesanan tadbir urus korporat PIDM.

Keduanya memperkasakan kesediaan dan kecekapan operasi PIDM dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan Malaysia dan ketiganya meningkatkan keberkesanan pentaksiran premium dan libat institusi PIDM dan akhirnya meningkat keberkesanan pentadbiran, penjelasan, penyelarasan dan pelaksanaan dan kuasa PIDM serta untuk memperbetulkan kesilapan topografi.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 hingga 8 ialah merupakan pindaan untuk meningkatkan keberkesanan dan kebertanggungjawaban tadbir urus Lembaga PIDM seperti berikut. Pertamanya Pengarah Ex-officio PIDM iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk melantik Pengarah silih ganti masing-masing untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya Pengarah Ex-officio tidak dapat menghadiri diri dan kedua satu peruntukan baru diperkenalkan untuk memupuk kepelbagaian lembaga dalam tujuan memastikan Lembaga Pengarah PIDM mempunyai wakil yang seimbang dalam bidang kepakaran dan pengalaman yang berkenaan dan mengikut keperluan semasa tahap pembangunan dan aspirasi PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu mandat PIDM juga adalah termasuk mengambil tindakan yang sewajarnya dengan pantas bagi menangani krisis kewangan yang berlaku terhadap institusi anggota PIDM demi memastikan kestabilan sistem kewangan. Selaras dengan prinsip teras dan amalan terbaik bagi sistem perlindungan konsumen dan kuasa resolusi yang berkesan, Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2021 akan memperkasakan kesediaan dan kecekapan PIDM dalam melaksanakan tanggungjawab statutorinya seperti berikut.

Pertamanya seksyen baharu 97A di bawah Fasal 30 memperuntukkan bahawa PIDM akan merangka, mengkaji semula dan memindah pelan resolusi bagi institusi anggotanya dan perancangan resolusi merupakan pra rancangan yang dibuat awal sebagai persediaan untuk sebarang kemungkinan berlakunya kegagalan institusi anggota.

Dengan adanya pra perancangan, ini membolehkan pengendalian kegagalan institusi anggota dilakukan secara lebih teratur tanpa menyebabkan gangguan sistemik kepada sistem kewangan dan di bawah Akta PIDM, PIDM juga wajib menguruskan enam kumpulan dana berasingan bagi setiap industri iaitu perbankan komersial, perbankan Islam, insurans hayat, insurans am, takaful keluarga dan takaful am, dan fasal 9 bertujuan mempertingkatkan kecekapan pengurusan kumpulan dana oleh PIDM terutamanya sekiranya berlaku kegagalan institusi anggota. Pindaan ini telah mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan PIDM mempunyai tadbir urus syariah yang mantap untuk memastikan pematuhan keperluan syariah.

Tuan Yang di-Pertua, Akta PIDM memperuntukkan juga pentaksiran premium dan levi atas institusi anggota PIDM yang merupakan sebuah komponen penting dalam pentadbiran sistem deposit insurans dan perlindungan manfaat takaful dan insurans. Dalam pentaksiran premium dan levi ini adalah berdasarkan profil risiko institusi anggota kerana ia akan memberi insentif dan menggalak institusi anggota mengamalkan pengurusan risiko yang baik seterusnya dapat mengurangkan risiko kemerosotan anggota tersebut.

Sejajar dengan matlamat tersebut, fasal 12 hingga 17 berkenaan dengan anggota penerima deposit, dan fasal 22 hingga 27 berkenaan dengan anggota penama insurans.

Rang undang-undang ini bertujuan memperhalus pentaksiran premium dan levi bagi institusi anggota PIDM dan pindaan ini memperuntukkan cara pentaksiran premium dan levi bagi institusi anggota yang terlibat dalam penggabungan. Sekiranya sesebuah anggota bergabung dengan yang lain, institusi anggota bergabung akan ditaksirkan berdasarkan profil risiko institusi anggota bergabung itu dan ini akan memastikan pentaksiran premium dan levi yang lebih adil, telus dan setara dengan pentaksiran institusi anggota yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Akta PIDM bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan keselarasan kuasa PIDM serta untuk memperbetulkan kesilapan tipografi dan pindaan yang dicadangkan termasuk menjelaskan tafsiran deposit konvensional, deposit Islam dan akaun pelaburan dalam Akta PIDM dengan tafsiran dalam perundangan Bank Negara Malaysia iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], dan memperjelaskan bahawa produk berkaitan pelaburan, dengan izin, *investment link to this product* tidak termasuk dalam tafsiran deposit dan oleh itu bukan di bawah skop perlindungan PIDM dan mengemas kini dan meminda semua rujukan kepada Akta Syarikat 1995, Akta 125 yang sudah lama ini kepada Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang baharu.

Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau *consequential in nature*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan pengecualian untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan RUU ini, dan saya ingin bermula dengan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavades kelmarin.

Untuk makluman Yang Berhormat, PIDM memang sangat peka dengan masalah penipuan kewangan ini, dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan awam terutamanya PIDM ialah ahli *financial education network* (FAN) seperti Yang Berhormat Senator tahu, dan FAN merupakan kumpulan antara agensi yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebagai ahli FAN, PIDM menyokong dan menyumbang kepada inisiatif, kegiatan dan program berkenaan dengan celik kewangan. PIDM juga melaksanakan inisiatif kesedaran awam mengenai PIDM dan sistem perlindungannya melalui pelbagai platform dan PIDM juga menggalakkan celik kewangan di kalangan orang awam dalam tujuan meningkatkan lagi fahaman dan menerbitkan kandungan yang lebih bernilai.

Baru-baru ini PIDM telah melancarkan kempen Sediakan Payung Kewangan yang bertujuan memberi panduan dan petua kepada kalangan orang awam mengenai pengurusan wang yang cekap dan dengan usaha ini tahap kesedaran PIDM sebenarnya telah meningkat daripada 62 peratus pada tahun 2019 ke-72 peratus pada 2020. Bukan 65 peratus tapi 72 peratus. 65 peratus itu merupakan sasaran kita tetapi sebenarnya tahap pencapaian kita adalah 72 peratus pada tahun 2020.

PIDM juga mengeluarkan peringatan kepada pengguna kewangan, dengan izin, *financial consumer alert* di laman webnya dengan contoh bahan-bahan yang mempunyai maklumat yang tidak tepat mengenai perlindungan PIDM untuk terus berwaspada terhadap penipuan. Di kawasan yang mempunyai akses internet yang terhad, PIDM masih meneruskan program kesedaran secara hibrid termasuk jerayawara, dengan izin, *roadshow* di kawasan yang terlibat.

Manfaat jangka pendek program celik kewangan adalah terutamanya untuk mengatasi masalah penipuan kewangan dan secara jangka panjangnya ialah untuk mengukuhkan lagi daya tahan kewangan orang ramai supaya mempunyai simpanan yang cukup bagi menangani apa-apa peristiwa yang tidak diingini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Kesavades juga dan juga bagi menjawab soalan sekali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman, mekanisme pendapatan PIDM melalui kutipan premium dan levi daripada institusi anggotanya dan juga pendapatan pelaburan yang terdiri, dengan izin, *Malaysia Government Securities* (MGS) sebanyak 31 peratus, *Government Islamic Issue* (GII) sebanyak 63 peratus, dan *Private Debt Security* sebanyak enam peratus.

Berkenaan tentang pengurangan pendapatan PIDM pada tahun 2020 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman, ini disebabkan oleh penurunan hasil premium dan levi berikutan pelaksanaan beberapa langkah pemulihan pengawal selia, dengan izin, *regulatory relief measures* termasuk mengurangkan kadar premium dan levi yang dikenakan ke atas institusi ahli bagi tahun taksiran semasa.

Langkah ini adalah untuk meringankan beban institusi ahli dan selaras dengan langkah kerajaan dalam menangani kesan pandemik COVID-19.

■1150

Berbalik lagi kepada soalan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas dengan Program Biasiswa PIDM. Program ini merupakan tanggungjawab sosial korporat dan disasarkan kepada pelajar daripada golongan B40 untuk pengajian di institut pengajian tinggi tempatan sahaja dengan had maksimum penajaan merupakan RM20 ribu setiap pelajar untuk empat tahun pengajian. Program ini hanya melibatkan pembiayaan sebanyak 0.2 peratus daripada jumlah pendapatan PIDM pada tahun 2020.

Selain itu, pelbagai inisiatif dan aktiviti PIDM dibentangkan kepada umum secara telus melalui rancangan korporat PIDM yang boleh dilayari di laman sesawang PIDM.

Akhir sekali, merujuk kepada soalan yang dibangkitkan berhubung pengambilalihan Danajamin Nasional Berhad oleh Bank Pembangunan. Saya ingin menegaskan bahawa pindaan melalui rang undang-undang ini, pindaan seksyen 213(h), memberi penjelasan bahawa Danajamin bukanlah merupakan anggota institusi PIDM dan dengan demikian tidak tertakluk kepada akta ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan juga bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz tentang e-dompet atau wang elektronik, kita kategorikan wang elektronik ini sebagai merupakan sebuah instrumen pembayaran dan bukanlah deposit simpanan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Justeru itu, perlindungan e-dompet bukanlah di bawah mandat semasa PIDM kerana mandat semasa PIDM adalah untuk melindungi deposit yang disimpan di institusi anggota sekiranya berlaku kegagalan sesuatu institusi anggota.

Namun, pengeluar wang elektronik, dengan izin, *e-money issuer* perlu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk menjalankan perniagaan pengeluaran instrumen pembayaran. Bank Negara Malaysia telah menempatkan sejumlah perlindungan untuk melindungi penggunaan wang elektronik daripada risiko kegagalan pengeluar e-dompet seperti risiko *insolvency*, *liquidity* dan risiko operasi.

Di bawah garis panduan Bank Negara Malaysia, pengeluar wang elektronik dikehendaki menyimpan dana pengguna ke dalam akaun amanah, dengan izin, *trust account* yang dibuka dengan institusi kewangan berlesen di Malaysia. Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung PIDM juga melindungi dana pengguna yang didepositkan oleh pengeluar wang elektronik di dalam akaun amanah yang layak dengan anggota bank PIDM. Sekiranya anggota bank PIDM itu gagal, PIDM akan melindungi deposit dana pengguna yang disimpan oleh pengeluar wang elektronik dalam anggota bank itu.

Selain itu, bagi perkara yang dibangkitkan berkenaan cadangan mengawal kenaikan premium insurans terutama polisi kesihatan, nyawa dan perlindungan bagi warga emas yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, ia sebenarnya bukan di bawah kawal selia PIDM. Saya ingin menegaskan bahawa PIDM ini bukan syarikat insurans dan tidak mengawal kadar premium insurans yang dikenakan kepada pemegang polisi.

Peranan PIDM adalah untuk mengekalkan perlindungan yang sedia ada sekiranya berlakunya kegagalan pada syarikat insurans. Ini memastikan rakyat sentiasa dilindungi walaupun syarikat insurans sudah tidak berdaya saing.

Jadi, bagi cadangan kenaikan pelepasan cukai RM3,000 bagi pembayaran premium insurans dan takaful, sekali lagi, perkara ini bukan di bawah mandat PIDM. Namun, Kementerian akan meneliti kesesuaian cadangan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, had perlindungan semasa sebanyak RM250 ribu ini telah merangkumi 96 peratus pendeposit di Malaysia. Sama juga had perlindungan insurans RM500 ribu. Itu juga merangkumi 96 peratus pendeposit di Malaysia.

Had perlindungan ini masih kekal relevan untuk perlindungan deposit. Sekiranya berlaku kegagalan institusi anggota, majoriti rakyat akan mempunyai akses segera dan berterusan kepada deposit mereka melalui perlindungan PIDM. Sehubungan itu, tiada keperluan pada masa kini untuk menaikkan had perlindungan tersebut. Walau bagaimanapun, had ini akan disemak secara berkala oleh PIDM.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator juga berkaitan pelantikan lembaga pengarah ex-officio PIDM, pelantikan ini dibuat secara automatik dan berdasarkan pengisian jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor Bank Negara. Sebagaimana ketetapan seksyen Akta PIDM, tempoh pelantikan ex-officio ini adalah selagi mana mereka memegang jawatan tersebut.

Akhir sekali, bagi soalan Yang Berhormat Senator...

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Boleh saya? Jadi, adakah kerajaan berpuas hati tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Kena minta keputusan dahulu.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh terus sahaja.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Minta penjelasan. Apakah kerajaan berpuas hati sekiranya Ketua Setiausaha Perbendaharaan ataupun Gabenor Bank Negara itu hanya berkhidmat mungkin setahun? Apakah kerajaan merasakan sudah memadai untuk dia berada dalam posisi itu untuk mengatur dan juga memberi pandangan dalam PIDM tersebut? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: Sebenarnya baru-baru ini, kita masih mengekalkan KSP lama untuk bertugas tetapi ditukar kerana- sebenarnya kalau ada kegagalan di dalam salah seorang anggota PIDM ini, kita memerlukan mereka yang dalam kedudukan semasa kerana keputusan itu melibatkan Bank Negara dan Kementerian Kewangan.

Kalau mereka ini sudah tidak mempunyai kuasa sebagai ex-officio dan mereka di dalam, keberkesanan mereka untuk membantu ini agak kurang sedikit. Jadi makanya, kita kena kekalkan mereka yang memegang jawatan itu haruslah mereka yang masih lagi berkhidmat sebagai KSP dan Gabenor Bank Negara. Sekiranya kegagalan berlaku, boleh kita mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu.

Jadi, akhir sekali, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator berkaitan dengan pindaan seksyen 160(1). Pindaan ini adalah untuk menggantikan perkataan "*sekuriti boleh dipasarkan*" dengan perkataan "*sekuriti*" adalah supaya ia selaras dengan perkataan yang digunakan dalam Akta Syarikat 2016 yang mana Akta Syarikat 2016 tidak memperuntukkan takrif bagi "*sekuriti boleh dipasarkan*".

Maknanya, sebenarnya ia sama tetapi kita tidak mahu nanti kalau kita- *because* perkataan "*sekuriti boleh dipasarkan*" ini merupakan Akta Syarikat 1965. Jadi, kita takut kalau ada kekeliruanlah. Jadi, kita selarakan perkataan akta ini supaya tiada kekeliruan kalau ada penjelasan yang perlu kita berilah.

Jadi, akhir kata sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan pada kali ini. Semoga segala usaha kita ke arah menjadikan PIDM sebagai institusi perlindungan kepada pengguna yang lebih tangkas dan efisien ini, *insya-Allah*, dapat kita laksanakan.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dikemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 56** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Rosol bin Wahid) dan diluluskan]

■1200

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2021

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.02 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu Akta 730 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal palsu, pernyataan pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] telah diwartakan pada 18 Ogos 2011 dan berkuat kuasa pada 1 November 2011 bagi menambah baik Akta 730 dan menjadikannya lebih komprehensif bersesuaian dengan peredaran masa dan isu-isu berbangkit masa kini. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah meminda beberapa peruntukan Akta 730 bagi tujuan menyusun semula dan memantapkan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 ini telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 20 Januari 2021. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan tajuk panjang Akta 730 bagi meluaskan skop akta untuk memasukkan larangan penggunaan apa-apa pernyataan, ungkapan atau petunjuk yang mungkin mendiskriminasikan atau memboikot apa-apa keluaran atau barang-barang atau untuk tidak menggalakkan larangan menghalang atau mempengaruhi mana-mana orang daripada menggunakan atau mengambil apa-apa keluaran atau barang-barang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan.

Dengan peluasan skop Akta 730, pernyataan, ungkapan atau petunjuk terhadap komoditi negara terutamanya minyak kelapa sawit seperti ungkapan "*tanpa minyak kelapa sawit*" atau "*pam oil free*" dan sebagainya yang digunakan dalam mana-mana iklan termasuk label makanan, notis dan katalog akan dilarang melalui peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Akta 730.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, 39A ke dalam Akta 730 bagi memberikan kuasa kepada penolong pengawal untuk menangkap mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan atau cuba melakukan kesalahan di bawah seksyen 5, 16, 17, 20 atau 51 [Akta 730].

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 52A ke dalam Akta 730 untuk memberikan seorang penolong pengawal kuasa untuk meminda, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel apa-apa barang bagi maksud analisis tanpa bayaran daripada mana-mana orang yang mengilang, mengeluarkan, menjual atau mengimport barang-barang itu atau daripada ejen atau perkhidmatannya. Seksyen 52A yang dicadangkan juga bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan jika mana-mana orang enggan untuk mematuhi apa-apa permintaan yang dibuat oleh penolong pengawal;

Fasal 5 bertujuan untuk menggantikan nota bahu seksyen 54, Akta 730 untuk menggambarkan peruntukan seksyen 54.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 56, Akta 730 bagi memberikan Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana peruntukan Akta 730. Pada masa ini, Menteri hanya boleh mengecualikan apa-apa perihalan bagi barang-barang yang dimasukkan untuk dihantar ke sebuah tempat di luar Malaysia atau apa-apa kegunaan atau maksud tertentu.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 56A ke dalam Akta 730 untuk memberi pengawal kuasa untuk membuat perintah untuk menghendaki mana-mana orang untuk menghentikan apa-apa pelanggaran, menahan diri daripada pelanggaran atau menahan diri daripada pelanggaran lanjut Akta 730.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda perenggan 69(2)(b) Akta 730 berbangkit daripada pindaan tajuk panjang Akta 730. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melarang, menyekat, mengawal selia atau mengawal penggunaan apa-apa pernyataan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan.

Fasal 9 bertujuan untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak berkuasa berwibawa berkenaan dengan pensijilan dan penandaan halal bagi tempoh mulai 1 Januari 2012 hingga 22 Oktober 2018. Pengenaan dan pemungutan fi ini disifatkan sah walaupun ia dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) Pindaan 2018 [P.U. (A) 268/2018] yang mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan fi itu bermula pada 23 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz.

■1210

12.10 tgh.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya menunggu, ingatkan ada panggilan nama tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua ke atas ruang dan peluang yang diberikan...

Tuan Yang di-Pertua: Kadangkala kita kena ubah cara kita juga. Ikut sahaja senarai, saya pun mendapat teguran.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Tiba-tiba ada masa perlu kita wujudkan keprihatinan maka kita buka Dewan untuk berbuat sedemikian.

Silakan Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Berselawat]*

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021.

Saya menyambut baik usaha kementerian untuk memperkasakan dan juga rang undang-undang ini dan ia kekal relevan sesuai dengan peredaran masa dan juga cabaran ketika ini.

Pada hemat saya, pindaan Fasal 3 bertujuan untuk masukkan seksyen baharu seksyen 39A ke dalam Akta 730 bagi memberikan kuasa kepada Penolong Pengawal untuk menangkap mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan atau cuba melakukan kesalahan di bawah Akta 730 seperti seksyen 5 berkaitan dengan larangan perihal dagangan palsu, seksyen 16 - representasi palsu tentang pembekalan atau kelulusan barangan-barangan dan atau perkhidmatan, seksyen 17 - pernyataan palsu atau yang mengelirukan tentang perkhidmatan dan sebagainya, seksyen 20 - pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubung dengan peraduan atau permainan dan sebagainya, seksyen 51 - halangan.

Ini merupakan satu pindaan yang baik dan efektif di dalam mendepani cabaran berkaitan perihal dagangan yang kian kompleks dan berkaitan masalah pemalsuan barang dagangan serta produk-produk yang boleh mengelirukan pengguna. Diharapkan menerusi pindaan ini ia dapat memperkasakan lagi para Penolong Pengawal untuk menjalankan tugas dengan lebih bertanggungjawab bagi memastikan kemaslahatan pengguna dibela.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya melihat terdapat beberapa kelemahan dalam rang undang-undang ini yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan di masa akan datang. Antaranya berkaitan pemotongan seksyen 39 menerusi pindaan yang dibuat pada tahun 2019.

Seksyen 39 ini memperuntukkan kuasa tangkapan tanpa waran mana-mana orang yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan atau cuba untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 8 iaitu larangan perihal dagangan palsu berhubung dengan cap dagangan- *trademark*. Peruntukan seksyen 39 ini dilihat penting kerana pada ketika ini Penolong Pengawal tidak boleh lagi membuat tangkapan walaupun mempunyai bukti yang kukuh kecuali hanya dengan menahan barang dan dokumen.

Pemotongan ini dilihat telah memberi ruang kepada individu yang tidak bertanggungjawab melakukan kesalahan untuk mengelak diri daripada didakwa. Pada hemat saya, tangkapan tanpa waran ini perlu sekiranya Penolong Pengawal melihat sendiri kesalahan yang dilakukan, mendapat maklumat sesuatu kelasalah yang telah berlaku, mengesyaki sesuatu kesalahan telah atau cuba dilakukan, mengesyaki bermaksud dengan undang-undang atau secara bona fide atau suci hati syak yang dengan syak yang munasabah.

Tambahan pula, penguatkuasaan ini akan berupaya untuk mempengaruhi kedudukan Malaysia dalam Indeks Harta Intelek Antarabangsa memandangkan pada tahun 2019, Malaysia menduduki tempat ke-24 daripada 50 buah negara dalam Indeks Harta Intelek (IP) antarabangsa. Ini kerana penguatkuasaan undang-undang terhadap pencuri harta intelek merupakan satu daripada lapan buah komponen yang dititikberatkan dalam indeks pemarkahan tersebut.

Justeru itu, saya amat berharap agar dalam pindaan ini, seksyen 39 yang telah dipotong sebelum ini dapat dikembalikan. Namun, kita sedar mungkin telah terlewat tetapi saya minta pihak kerajaan melihat semula untuk masa-masa yang akan datang supaya ia boleh memberi lebih kuasa, menguatkuasakan terhadap seorang Penolong Pengawal di dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila membincangkan soal rang undang-undang ini ia juga tidak boleh dielakkan daripada hal berkaitan dengan isu pasaran halal dan juga masalah penggunaan logo halal oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk pengetahuan Dewan, pasaran makanan halal global dijangka mencecah USD1 trilion, dengan izin, menjelang tahun 2025 sejajar dengan peningkatan jumlah penduduk dunia yang meningkat terutama orang-orang yang beragama Islam.

Menurut satu kajian yang diterbitkan oleh *Grand View Research Incorporation*, penduduk beragama Islam global dijangka berkembang kepada 30 peratus menjelang tahun 2030. Secara keseluruhan, ekonomi halal dunia dianggarkan bernilai hampir USD3 trilion menjelang 2030 mengikut laporan *Nikkei Asian Review*. Sehubungan dengan itu Laporan Thomson Reuters, dan DinarStandard pula menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara berada dalam kedudukan paling baik untuk merebut peluang ekonomi berkaitan halal ini di kalangan orang Islam seluruh dunia.

Ditambah pula segmen pasaran halal dijangka menyumbang kepada 8.1 peratus KDNK dan mampu menjana pendapatan eksport sebanyak RM56 bilion pada tahun 2025. Ekonomi halal global dilaporkan akan meningkat kepada RM10 trilion menjelang tahun 2025 dengan produk makanan menjadi teras khususnya untuk pasaran China, Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun. Inilah peluang terbaik untuk negara merebut peluang ini terutama para peniaga, usahawan-usahawan terutama di kalangan bumiputera untuk meneroka pasaran ini yang berkaitan dengan produk halal yang semakin mendapat sambutan di seluruh dunia.

Justeru itu, sudah tentunya isu-isu kepenggunaan berkaitan halal memerlukan satu pengaturan undang-undang yang lebih ketat dan teliti sama ada dari sudut pemantauan, penguatkuasaan serta kuasa dan bidang kuasa pihak-pihak tertentu kerana terdapat beberapa masalah yang sering kali timbul bagi mendapatkan keuntungan dengan memanipulasikan perkara yang sinonim dengan umat Islam seperti nama, logo, logo masjid, tulisan jawi dan sebagainya bertujuan untuk menarik minat pembeli beragama Islam yang merupakan majoriti penduduk terbesar di negara ini dan dunia secara amnya.

Statistik terkini menunjukkan bahawa sehingga Ogos 2021 sebanyak 228 kes berkaitan logo halal telah direkodkan dan nilai rampasan menjangkau RM11.6 juta. Oleh itu, sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan kadar segera, sudah tentu ia akan memberi implikasi negatif kepada pasaran halal Malaysia yang berpotensi untuk dikembangkan di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi sudah tentulah dalam saya mengambil peluang untuk menyentuh sedikit hal berkaitan dengan isu kartel daging. Pada Disember 2020, kita digemparkan dengan isu kartel daging yang bertindak dengan modus operandi menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan memalsukan label, jenama dan logo halal di Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan menjual semula ke pasaran di seluruh negara. Lebih dahsyat lagi, dalam serbuan yang dilakukan sejumlah 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta telah disita.

Ini bukanlah satu nilai yang kecil memandangkan pasaran halal Malaysia yang luas ditambah pula terdapat laporan yang mengatakan sindiket ini telah beroperasi sejak 40 tahun yang lalu. Sindiket seperti ini berlaku disebabkan sikap tidak amanah serta tamak untuk mengaut keuntungan melampau dan mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna sehingga menimbulkan syubhah dalam kalangan umat Islam di negara ini dan meminggirkan konsep *halalan toyyiban*.

Islam sendiri mewajibkan umatnya untuk mendapatkan makanan yang halal bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud, "*Wahai sekalian umat manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.*" Surah al-Baqarah ayat 169, yang menggesa umatnya untuk mendapat makanan halal dan juga baik.

■1220

Maka besarlah harapan saya isu berkaitan halal ini dapat ditangani dengan segera oleh pihak Kementerian. Saya mengharapkan pindaan rang undang-undang ini akan dapat memperkasakan lagi usaha kerajaan untuk menangani isu-isu yang berkaitan terutama berkaitan dengan makanan.

Akhir kata saya berharap setiap aspek yang telah dibahaskan dapat diberikan perhatian oleh Kementerian *insya-Allah*. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Terus kita pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

12.21 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Berdasarkan kenyataan Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Oktober lalu, sehingga September 2021 sebanyak 22,274 aduan telah diterima mengenai penipuan urus niaga dalam talian.

Banyak kes yang dilaporkan berlaku sepanjang tempoh PKP lalu memandangkan platform pembelian dalam talian merupakan satu-satu saluran yang ada untuk rakyat mendapatkan barangan-barangan yang mereka perlukan dan mahukan. Memang tidak dinafikan platform pembelian dalam talian seperti *Shopee* memudahkan kita untuk memilih, menempah dan seterusnya melakukan pembelian hanya menggunakan kaedah pembayaran *online banking* yang bukan sahaja mudah malah cepat dan efisien.

Namun begitu perkhidmatan pembelian secara digital menerusi aplikasi-aplikasi dalam talian yang sedia ada turut mempunyai kelemahan serta kecacatan yang memerlukan penelitian dan tindakan kerajaan. Di *Shopee* misalnya, tidak semua penjual atau vendor menjual barangan-barangan yang berkualiti seperti yang dipamerkan oleh mereka menerusi gambar-gambar produk yang dipaparkan di profil-profil kedai dalam talian mereka.

Seperti yang saya lihat sendiri, ada sebilangan besar daripada penjual aplikasi *Shopee* tidak mempamerkan butiran-butiran penting lebih-lebih lagi nombor telefon atau alamat kedai fizikal yang membolehkan para pelanggan berhubung dengan mereka secara terus mengenai perkara-perkara tertentu yang melibatkan urusan pembelian mereka. Biarpun disediakan ruangan *chat* di aplikasi tersebut, ramai daripada kalangan pengguna aplikasi tersebut masih lagi tidak berpuas hati dengan tahap ketelusan peniaga-peniaga tertentu yang kadangkala gagal untuk menerangkan secara jelas dan komprehensif mengenai produk-produk jualan mereka.

Lebih-lebih lagi produk yang melibatkan harga yang mahal, seperti jam tangan, perabot dan *gadget* penerangan produk sangat penting untuk dinyatakan di profil laman jualan mereka sebagai deskripsi penting untuk membuktikan ketelusan mereka sebagai peniaga. Tidak hairanlah banyak pengguna yang tertipu dengan helah atau kelicikan penjual-penjual dalam talian yang kononnya menjual barangan-barangan original yang berkualiti pada harga murah. Sebaliknya ada daripada kalangan mereka hanya mempamerkan gambar produk yang diambil dari Google dan bukannya gambar sebenar produk yang dijual oleh mereka. Bukan setakat barangan material sahaja, produk-produk basah seperti daging rusa juga turut dimanipulasikan oleh peniaga tertentu yang hanya tahu menipu untuk meraih keuntungan.

Oktober lalu juga, pihak penguat kuasa KPDNHEP telah berjaya mengenal pasti premis seorang peniaga dalam talian yang menjual daging rusa palsu menerusi aplikasi pembelian dalam talian. Mujurlah ada seorang pengguna yang telah tampil untuk membuat aduan berkenaan penipuan yang dilakukan oleh individu tersebut. Bayangkan sekiranya tiada seseorang pembeli yang sedar bahawa daging rusa yang dibeli selama ini bukanlah daging rusa yang sebenar sebaliknya hanya daging kerbau. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini seharusnya diberi pengajaran dalam bentuk tindakan perundangan yang setimpal. Memandangkan penipuan urus niaga dalam talian lebih-lebih lagi yang melibatkan produk makanan boleh merisikokan kesihatan pengguna.

Berhubung dengan isu tersebut, saya ingin menegaskan bahawa pihak kementerian sewajarnya mengenalkan piawaian-piawaian tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap peniaga yang ingin mempromosikan dan menjual produk-produk mereka dalam talian khususnya menerusi aplikasi-aplikasi e-dagang yang popular seperti *Shopee*, *Lazada* dan sebagainya. Dalam keadaan ekonomi rakyat yang kini masih berada dalam fasa pemulihan, pihak kementerian tidak seharusnya berkompromi terhadap aktiviti-aktiviti penipuan, pemalsuan dan manipulasi yang dilakukan oleh sesetengah peniaga dalam talian yang hanya tahu meraih keuntungan mudah daripada perbuatan mereka yang tidak beretika.

Pihak kementerian seharusnya memantau secara berkala, aktiviti-aktiviti urus niaga dan promosi dalam talian yang dilakukan kesemua platform e-dagang dan media sosial. Saya menyarankan agar pihak KPDNHEP dapat bekerjasama dengan operator-operator platform e-dagang yang sedia ada bagi mendapatkan segala maklum balas daripada pengguna-pengguna yang pernah berhadapan dengan penipuan urus niaga dalam talian. Sebagai cadangan, satu sistem aduan khas yang *connective*, yang bersifat mandatori perlu diwujudkan oleh penyedia untuk operator e-dagang bagi membolehkan sebarang aduan berkenaan dengan urusan jual beli yang dibuat menerusi aplikasi tersebut dapat disalurkan secara terus dan pantas kepada pihak KPDNHEP.

Tuan Yang di-Pertua, indah khabar daripada rupa. Pepatah Melayu tersebut amat sesuai untuk saya kaitkan dengan isu pemalsuan atau pun penipuan menu makanan atau minuman yang dilakukan oleh sesetengah peniaga kedai makan yang tidak bertanggungjawab, khususnya di restoran-restoran atau kafe-kafe yang menjual makanan atau minuman ala *Western*. Terdapat laporan menyatakan bahawa ada minuman dan makanan tertentu yang dijual yang tidak sama dengan apa yang dinyatakan dalam menu. Sebagai contoh, dalam menu, ia ditulis "*Americano*" dengan harga RM10.

Padahal, kopi yang sampai di atas meja pelanggan hanya kopi o yang dibancuh dengan serbuk kopi *Nescafe* atau produk-produk lain, sedangkan pada hakikatnya *Americano* merupakan sejenis kopi yang dibuat daripada biji kopi yang dikisar yang kemudiannya dicampurkan dengan air panas. Selalunya, kopi-kopi seperti *Americano*, *latte* dan *espresso* dibuat daripada kisanan biji kopi pelbagai jenis yang memerlukan *coffee machine* khas untuk menyediakannya. Oleh sebab itu, harga pasaran bagi ketiga-tiga kopi tersebut berada dalam sekitar RM8 hingga RM11 bergantung pada saiz *cup*, dan jenis biji kopi yang digunakan.

Malangnya, ada sesetengah penguasa kafe atau kedai menjual minuman mengenakan harga yang sama bagi kopi-kopi tiruan yang mereka menjual kepada pelanggan. Ini sangat tidak adil kepada pelanggan yang membayar kopi O *Nescafe* pada harga yang sama dengan *Americano* yang dijual di *McDonald's* atau *Starbucks*.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tengok keadaan penerangan Yang Berhormat Senator, banyak juga minum kopi, ya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Memang kita *start the day with coffee*.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bersaham lah suatu hari... [Ketawa]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: [Ketawa] Boleh ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Perkara sebegini tidak boleh dipandang enteng oleh pihak kementerian dan sebagai saranan, saya minta pihak KPDNHEP dapat melakukan pengauditan berkala terhadap produk-produk minuman, tidak kira minuman jenis kopi atau bukan kopi, yang dijual oleh penguasa-penguasa kafe mahupun restoran yang mempamerkan nama kopi yang saya sebutkan tadi atau minuman-minuman lain yang memerlukan kandungan tertentu bagi menyediakannya.

■1230

Isu penipuan menu tersebut bukan sahaja melibatkan manipulasi harga oleh golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab, malah ia turut melibatkan perihal kesihatan pengguna lebih-lebih lagi *first-time consumer*, dengan izin. Pelanggan baharu khususnya mudah terpedaya atau terkeliru dengan iklan-iklan yang dipaparkan di *social media* yang mengandungi menu makanan dan minuman yang jual oleh sesebuah restoran.

Tidak semua menu yang dinyatakan sebagai promosi benar-benar tulen yang sama dengan hidangan atau produk sebenar-benar dijual secara fizikal. Sebagai contoh, Nasi Arab. Bagi peminat Nasi Arab sudah tentu mereka tahu bahawa Nasi Arab yang asli yang dijual di kedai-kedai makanan Arab menggunakan beras khas bermutu tinggi yang menghasilkan aroma dan rasa yang istimewa.

Jenis beras yang digunakan oleh penyediaan Nasi Arab adalah bermutu tinggi dan berkualiti, berpatutan dengan harga akhir yang dikenakan kepada pelanggan. Beras-beras yang berkualiti seperti yang digunakan oleh setiap hidangan Nasi Arab mempunyai kandungan-kandungan berkhasiat yang seimbang yang boleh memberi kesan baik kepada kesihatan pengguna.

Cuba kita bayangkan sekiranya pelanggan itu merupakan pelanggan dari keluarga miskin dan baharu pertama kali ingin menikmati Nasi Arab. Atas rekomendasi rakan-rakan serta jiran-jiran, pelanggan itu datang di sebuah restoran biasa di pekan yang berdekatan dengan rumahnya. Kononnya restoran tersebut menjual Nasi Arab Kambing atau *Mandy Lamb*, dengan izin, berharga RM25. Harga yang sama dikenakan oleh kebanyakan pengusaha restoran Nasi Arab.

Realitinya, beras yang digunakan oleh penguasa restoran tersebut beras yang kurang berkualiti yang hanya dimasak menggunakan perwarna-perwarna tiruan. Secara tekniknya, pengguna tersebut telah ditipu dan di manipulasi dengan menu yang dipamerkan. Perkara tersebut sekiranya tidak dipantau dan dikenakan tindakan oleh pihak kementerian, boleh mendatangkan kesan tidak baik kepada kesihatan dan para pelanggan.

Lebih-lebih lagi kandungan yang digunakan dalam penyediaan Nasi Arab tersebut diragui keselamatannya. Semua agama menegaskan bahawa seseorang peniaga perlu berniaga secara jujur dan amanah tanpa melakukan sebarang bentuk penipuan atau manipulasi kepada pelanggan.

Amatlah tidak wajar untuk mengenakan harga RM25 bagi sebuah hidangan *fake* Nasi Arab kepada para pelanggan dengan kualiti beras yang jauh berbeza dengan kualiti beras yang digunakan oleh penguasa-penguasa restoran Nasi Arab yang sebenar.

Dengan dua contoh produk minuman dan makanan yang saya sebutkan tadi, saya harap pihak kementerian dapat mewujudkan pelaksanaan-pelaksanaan tegas yang berfokus di seluruh negara yang boleh mengenal pasti kedai-kedai makanan atau minuman yang masih lagi memalsukan menu mereka dengan tujuan untuk mengaut keuntungan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, selain makanan dan minuman, produk-produk elektronik dan elektrik juga turut memerlukan pemantauan rapi daripada kementerian, khususnya dalam aspek pematuhan piawai keselamatan. Awal November lalu saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Tenaga dengan kerjasama KPDNHEP telah merampas barangan-barangan elektrik yang dianggarkan bernilai RM2 juta dalam satu serbuan di empat buah gudang di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan di Johor.

Kesemua barangan elektrik yang dirampas merupakan barangan yang dijual secara dalam talian dengan kesalahan-kesalahan seperti tidak mempunyai perakuan kelulusan mengimport, tidak mempunyai pelekat label SIRIM ST dan menggunakan label SIRIM ST palsu.

Saya yakin serbuan tersebut bukanlah serbuan-serbuan pertama yang telah dilakukan oleh pihak KPDNHEP, Suruhan Jaya Tenaga terhadap barang-barang elektrik dan elektronik yang gagal mematuhi piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh pihak KPDNHEP dan SIRIM.

Berhubung dengan perkara tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan:

Pertama, apa bentuk pengauditan fizikal yang dijalankan sebagai prosedur tetap oleh pihak SIRIM, KPDNHEP serta Suruhanjaya Tenaga terhadap barang-barang elektrik dan elektronik yang diimport oleh pengedar barangan elektrik dan elektronik tempatan khususnya yang melibatkan produk-produk berjenama terkenal.

Kedua, apakah tindakan yang telah dilakukan oleh KPDNHEP terhadap barangan elektrik dan elektronik yang telah dirampas dalam serbuan-serbuan terdahulu? Adakah kesemua barangan tersebut disimpan atau dihapuskan?

Ketiga, apa bentuk pemantauan yang dilaksanakan oleh KPDNHEP terhadap barangan-barangan elektrik dan elektronik import yang dijual di platform-platform e-dagang seperti *Shopee* khususnya yang dijual pada harga yang murah.

Keempat, apakah kaedah atau sistem khas yang disediakan oleh pihak kementerian buat para pengguna di platform e-dagang dan media sosial bagi mengenal pasti sama ada barangan-barangan yang dipromosikan dalam platform tersebut benar-benar mematuhi piawaian SIRIM ST atau tidak?

Kelima, apa alternatif baik yang disediakan oleh pihak kementerian bagi mengetengahkan barangan-barangan elektrik dan elektronik bukan berjenama terkenal yang selamat, patuh SIRIM dan *affordable*, dengan izin, bagi para pengguna daripada kumpulan B40 khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman dan tidak mempunyai akses kepada platform e-dagang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ucapan perbahasan saya bagi Rang undang-undang Perihal Perdagangan 2021. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Terus kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

12.37 tgh.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan atas peluang untuk turut menyertai sesi perbahasan bagi RUU untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2021. Izinkan saya bangkitkan beberapa isu berkaitan yang membimbangkan rakyat Malaysia.

Pertama sekali ialah tentang kartel daging yang hangat diperkatakan hanya setahun dahulu tetapi kini sudah senyap sepi. Seperti tadi Yang Berhormat Senator Dato' Wira sudah bangkitkan. Apa yang menakutkannya ialah kartel daging ini yang dikatakan mengimport daging-daging daripada sumber yang meragukan dan tidak mengikut piawaian Malaysia termasuk piawaian halal JAKIM sudah beroperasi lebih 40 tahun. Malah, media turut melaporkan penggunaan label dan logo palsu pada produk daging tersebut. Sudah tentu operasi sebesar ini tidak hanya melibatkan seorang dua orang pegawai berpangkat rendah. Ini ialah kes salah guna kuasa dan rasuah merentasi jabatan-jabatan yang berkaitan.

Apakah yang sudah terjadi dengan siasatan dan tindakan untuk menyelesaikan isu ini? Perkara ini bukan hanya melibatkan isu halal haram orang Islam malah integriti produk makanan seluruh rakyat Malaysia. Ini berkaitan isu kesihatan rakyat Malaysia.

Malah, jika penandaan, pelabelan dan perihal dagangan produk yang dijual tidak diyakini masyarakat, maka ekonomi Malaysia juga akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan seksyen baharu iaitu seksyen 52A yang dicadangkan dalam rang undang-undang pindaan tersebut, seksyen ini telah memberikan kuasa kepada penolong pegawai ataupun pegawai yang telah diberikan kuasa untuk meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel apa-apa barang bagi maksud analisis tanpa sebarang bayaran.

Klausa ataupun seksyen tersebut sebenarnya adalah mirip atau hampir sama seperti mana kuasa yang mengambil sampel yang termaktub dalam seksyen 5, Akta Makanan 1987 [Akta 281] yang bertujuan khas di dalam pengendalian makanan. Merujuk kepada Akta Makanan 1987 yang sama juga, seksyen 6, Akta Makanan 1987 dengan secara jelasnya menerangkan tatacara pengambilan dan pengurusan sampel yang boleh dilaksanakan melalui peraturan-peraturan.

■1240

Namun demikian, bagi rang undang-undang pindaan Akta Perihal Dagangan 2021 serta Akta Ibu yang dipertimbangkan kepada Dewan yang mulia ini, tatacara atau mekanisme peraturan-peraturan yang seumpamanya tidak dimasukkan ke dalam rang undang-undang tersebut.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk melihat kepada konteks tafsiran Akta Perihal Dagangan 2011 di mana pada seksyen 2, Akta Ibu yang dibincangkan, konteks penguat kuasa akta ini terpakai kepada pelbagai jenis barangan yang sememangnya mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding dengan jenis makanan. Antara tafsiran yang menarik iaitu logam berharga di bawah seksyen 2, Akta Perihal Dagangan di mana logam berharga seperti emas, perak atau platinum juga dirangkumi dalam penguat kuasa akta tersebut.

Sehubungan dengan ini, apakah pindaan bagi kuasa mengambil sampel bagi rang undang-undang ini memberikan kuasa kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mengambil sampel termasuk logam berharga seperti emas untuk menjalankan kajian sampel tanpa sebarang bayaran? Apakah tatacara atau peraturan yang bersesuaian akan dilaksanakan untuk tujuan tersebut? Adakah sampel yang telah diambil untuk tujuan kajian akan dikembalikan kepada pemilik asal? Apakah mekanisme yang sewajarnya untuk mengelakkan sebarang salah guna kuasa untuk menjamin ketulusan pelaksanaan akta tersebut? Saya percaya ini antaranya persoalan yang perlu dijawab berhubung dengan rang undang-undang yang akan kita pertimbangkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita menerima laporan atau berita khususnya tentang penjualan atau pembelian barangan palsu melalui platform dagangan atas talian. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan juga impak akibat pandemik COVID-19, ia telah meningkatkan kadar kepenggunaan pembelian serta penjualan barangan melalui platform atas talian.

Namun demikian, dengan penyertaan penjualan secara atas talian yang begitu menggalakkan, banyak di antara peniaga atas talian ini tidak mempunyai tempat untuk menjalankan perniagaan secara formal dan ia juga melibatkan banyak peniaga yang berperanan sebagai pengedar bagi sumber barangan secara borong.

Sehubungan dengan ini, salah satu persoalan yang sering dibangkitkan adalah ke atas keberkesanan pihak berkuasa atau pihak berwajib bagi mengambil tindakan ke atas mereka yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 tetapi agak sukar untuk mengesan lokasi dan mereka yang bertanggungjawab secara fizikal.

Sehubungan dengan ini, ingin juga saya mendapatkan kepastian daripada pihak yang berkenaan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan akta ini terhadap perniagaan platform atas talian. Adakah tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap peniaga tersebut? Sama ada berikutan dengan kesusahan untuk mengesan mereka, tindakan akan diambil terhadap pembekal platform atas talian tersebut secara langsung?

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

12.43 tgh.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021.

Saya mulakan dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."*

Dalam ayat lain dalam surah An-Nahl ayat 116, Firman Allah... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] Maksudnya, "Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu, "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya."*

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan yang telah pun dibuat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Dewan Rakyat tempoh hari yang mengatakan bahawa bukan sahaja penekanan terhadap makanan halal dan haram yang perlu diambil perhatian, bahkan pendidikan dan juga kesedaran berkenaan dengan haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih secara syariat juga perlu dititik beratkan.

Justeru, soalan saya, sejauh mana kerjasama yang telah diambil dan dibuat oleh KPDNHEP bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk mengambil tindakan mengenai perkara ini? Selain itu, sejauh mana promosi berkenaan hal ini benar-benar dibawa dan dimainkan oleh media arus perdana di negara kita supaya kesedaran mengenainya betul-betul difahami dan dihayati terutama oleh rakyat yang beragama Islam?

Ini kerana kita telah jelas dan telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW... *[Membaca sepotong hadis] Yang bermaksud, "Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu pun jelas. Dan di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang kesamaran ataupun syubhah. Ramai di kalangan manusia tidak mengetahuinya."*

Berdasarkan statistik terkini bagi tahun 2020 dan 2021, sebanyak 3,832 dan 9,650 permohonan daripada bumiputera dan bukan bumiputera telah memohon bagi mendapatkan logo halal JAKIM. Saya mempunyai beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan daripada kementerian berkaitan perkara ini.

Pertama, bagaimanakah masyarakat dapat mengelakkan kekeliruan mengenai logo halal manakah yang boleh dipercayai dan diterima pakai?

Kedua, apakah tindakan pihak kementerian terhadap logo halal yang palsu yang dibuat oleh sesetengah pihak terhadap produk-produk tertentu?

Ketiga, bagaimana pelaksanaan dan penguatkuasaan logo halal dalam platform atas talian seperti *GrabFood*, *Foodpanda* dan sebagainya diambil perhatian oleh pihak kementerian?

Berkenaan logo dan pengiktirafan halal ini, saya sangat mengharapkan agar pihak kementerian dapat melakukannya sebaik mungkin termasuk membuat kerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain.

Sekadar itu sahaja ucapan saya yang ringkas. Terima kasih. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain Awang.

Akhir sekali, Yang Berhormat Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

12.49 tgh.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator sekalian. Saya melibatkan diri dalam membincangkan dan membicarakan Akta Perihal Dagangan 2011 yakni pindaan kepada Akta 730.

■1250

Seperti mana kita tahu bahawa tujuan pindaan akta ini adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik, melarang perihal dagangan palsu daripada segi pernyataan, pengendalian ataupun pengamalannya.

Keempatnya ialah untuk mengelakkan daripada mengelirukan berhubung pembekalan barang-barang dan seterusnya mengelirukan berhubung perkhidmatan itu sendiri. Sebelum saya meneruskan kepada perbicaraan tajuk ini, pindaan akta ini. Saya ingin merujuk kepada Firman Allah SWT... [*Membaca surah Al-'Asr*] Bermaksud, "*Demi masa sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian melainkan mereka yang beriman dan mengerjakan amal-amal kebaikan. Mereka saling ingat mengingatkan perkara-perkara yang benar dan saling ingat mengingatkan kepada perkara kesabaran.*"

Jadi, dalam kes akta ini kita tahu bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini mengawal satu jumlah transaksi perniagaan yang besar Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada RM1.3 trilion. Semua benda, transaksi yang berlaku dalam negara kita, dari Perlis sampai ke Sabah dan Sarawak berada dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Jadi sebab itu, saya melihat antara perkara-perkara yang berlaku yang sangat sensitif maka kita melihat bahawa ramai rakyat Malaysia menyedari mereka ditipu. Mereka dikelirukan oleh pembekal-pembekal sama ada oleh pengeluar-pengeluar produk ataupun pembekal-pembekal produk. Tambahan pula, seperti yang diuar-uarkan, diutarakan oleh sahabat Senator tadi umpamanya perniagaan *online* ini, dengan izin. Perniagaan *online* ini, di mana semasa perjanjian transaksi, produk-produk yang dipamerkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator perkataan "*online*" itu pun sudah pun diterima, "atas talian".

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Atas talian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyanjung tinggilah hasrat. *Insyallah* mudah-mudahan tercapailah hasrat kita semua untuk lebih banyak menggunakan bahasa kita- Bahasa Jiwa Bangsa.

Jadi, kita tengok bahawa kebanyakan transaksi atas talian yang dibuat melalui perjanjian dengan dipaparkan foto-fotonya, gambar-gambarnya apabila mana produk itu sampai kepada penerima yang mana bayaran telah dibuat tetapi spesifikasinya tidak sama seperti mana yang dijanjikan. Ini merupakan satu perkara yang lazim berlaku dan perniagaan atas talian ini telah meluas, sudah menjadi satu amalan terkini kerana ini merupakan trend perniagaan masa hadapan.

Kita tidak boleh lari, maknanya premis-premis sudah semakin kecil dan mereka ini perlu kepada satu- pembekal yang utama, misal kata saya pernah terlibat dengan Jack Ma semasa zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Di mana Jack Ma telah bersetuju untuk mengambil alih Terminal 2 di KLIA itu. Terminal 2 yang dahulunya digunakan oleh AirAsia untuk menjadi stor barang-barang dia dan dari situ diagihkan ke seluruh negara.

Akan tetapi malangnya oleh sebab kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan selepas itu kerana tidak percaya kepada Jack Ma walhal Jack Ma sudah pun berhasrat hendak menjadikan *hub*, dengan izin, h-a-b. Kalau "*hub*" bahasa Inggeris- tetapi kerana kerajaan kita pada ketika itu tidak percaya maka dia tidak meneruskan. Walhal dia pada ketika itu merupakan pengendali sistem perniagaan transaksi atas talian yang terbesar di Asia pada ketika itu.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin bahawa dengan kekuatan pegawai walaupun dikhususkan dengan nama penolong pengawal bila mana kita menggunakan perkataan penolong pengawal. Saya boleh lihat boleh ramai staf-staf atau kakitangan kerajaan yang ditakrifkan, yang diklasifikasikan sebagai penolong pengawal di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Akan tetapi untuk mengendalikan sebarang perniagaan yang ketika ini hanya bernilai RM1.3 trilion, ia akan menjadi RM1.3 trilion Amerika sebenarnya ini, yang perniagaan domestik ini dan ia akan berkembang dan terus berkembang. Jadi, sudah tentu dengan bilangan itu saya menjangkakan kerajaan tidak mampu untuk mengawal segala transaksi tersebut dengan berkesan. Jumlah penolong pegawai tersebut saya sudah menjangkakan bahawa jauh daripada mampu untuk mengawal perniagaan atas talian.

Bahkan apa yang berlaku sekarang ini perniagaan yang bukan atas talian pun masih kerajaan belum mampu untuk mengawal, menyemak, menyiasat dan sebagainya. Tambahan pula kita sangat bimbang Tuan Yang di-Pertua. Lazimnya dalam setiap jawapan Menteri-menteri dalam Parlimen ini, bila mana kita bertanya kenapa tidak boleh ambil tindakan, lazimnya bahagian-bahagian penguat kuasa dia akan minta supaya dibekalkan senjata.

Itu norma- sebab itu daripada dahulu kalau Tuan Yang di-Pertua ingat bila kita buat aju beberapa pertanyaan *alhamdulillah* kerajaan telah membuka beberapa kementerian tertentu untuk dibekalkan dengan senjata-senjata kerana penipu-penipu ini bukan calang-calang orang. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak Yakuza tidak jadi kaya raya. Kalau tidak, mafia tidak jadi kaya raya.

Semua tahu bahawa kumpulan-kumpulan gengster-gengster ini bukan setakat Malaysia dengan izin, dia ada hubung kait dengan Yakuza dia ada kait dengan mafia. Dengan izin, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, *they are too smart and too advanced*, dengan izin. Terlalu cekap, terlalu jauh, kalau tengok filem-filem dia, *Allahuakbar* Tuan Yang di-Pertua. Filem yang paling popular di Sepanyol sekarang ini *The Heist*, dengan izin, bagaimana dia merompak bank secara besar-besaran.

Jadi, saya hendak menceritakan tentang bahawa pegawai kita tidak cukup. Jadi apa yang saya cadangkan walaupun mungkin kementerian sudah pun mengadakan lebih ramai untuk khususnya graduan-graduan yang masih belum dapat kerja, kita manfaatkan dengan imbuhan yang tertentu sekiranya tangkapan dapat dibuat maka imbuhan tambahan diberikan. Inilah yang dilakukan oleh Hasil sekarang ini, oleh kastam sekarang ini.

Di mana mereka menggunakan dengan izin, kalau dalam polis dia panggil *Special Branch*, dia menggunakan pegawai-pegawai... [*Disampuk*] graduan-graduan cawangan khas, boleh kita guna istilah tersebut untuk membantu kementerian dan kerajaan. Ini kerana saya yakin yang penting sekarang ini kerajaan mesti menaikkan nilai denda kepada syarikat-syarikat yang menipu supaya mereka serik, tidak cukup sekadar RM5,000 kerana RM5,000 ini mereka ketawa. Saya boleh bayar RM5,000. Kalau RM20 ribu saya pun boleh bayar, setakat saya.

Mereka ini berniaga besar, mereka tahu nilai penipuan mereka. Jadi, mereka memang mampu. Jadi, kita mengenakan denda yang lebih besar supaya mereka serik dan benda ini tidak berulang di tempat-tempat yang lain. Misal kata sekarang, benda yang sensitif, contohnya logo Halal, kalau boleh, kalau saya silap faham minta tolong Menteri betulkan. Sekarang ini kita bercadanglah, kalau boleh oleh sebab Malaysia sekarang ini merupakan negara yang sudah dikenali sebagai negara sistem kewangan patuh syariah, antara terbesar di dunia, bahkan terbesar di dunia. Begitu juga kita telah bincang tentang insurans takaful juga yang terbesar menjadi rujukan seluruh dunia. Maka sudah barang tentulah kita menjadi hab makanan halal yang terbesar di dunia tidak menjadi masalah.

Bahkan negeri Kelantan telah membuka sebuah kawasan lebih daripada 300 ekar bersama-sama dengan *East-Coast Economic Region* (ECER), bersama-sama telah membuka satu ruang besar di Apam Putra berhampiran dengan Rantau Panjang, sempadan Thailand, untuk dijadikan satu hab halal yang terbesar.

Jadi, *insya-Allah* untuk kita Malaysia menjadi hab halal yang terbesar itu tidak menjadi masalah kerana negara kita sudah berada di persada yang baik kerana kita antara yang terawal membuka perbankan Islam, Bank Islam sekitar 1982. Kemudian, diikuti dengan sistem Takaful Islam sekitar 1985, juga dimulakan dengan anak syarikat Bank Islam, syarikat Takaful Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator jam sudah pukul 1 tengah hari dan saya cadang supaya jika hendak disambung sedikit selepas makan tengah hari iaitu 2.30 petang.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Diteruskan perbahasan, selepas itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih *insya-Allah*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sidang ditempohkan dan disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Apandi untuk menyambung perbahasan. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

Bagi menyambung perbahasan saya mengenai Akta Perihal Dagangan 2011 bermula daripada Akta 730, saya hendak merujuk kepada Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rahman yang diulang beberapa kali sehingga lebih daripada 30 bunyi yang berbunyi... **[Membaca ayat dari surah Ar-Rahman]** *Maksudnya, "Nikmat Aku yang mana lagikah yang kamu dustakan".* Ayat itu diulang beberapa kali.

Jadi saya ada kena mengena dibaca ayat ini dengan apa yang saya akan ceritakan. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat sekalian, saya tahu dan kita semua tahu tugas yang terpaksa yang dipikul oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sangat besar kerana apa-apa produk yang datang daripada luar negara sampai saja di negara kita kesemua produk tersebut adalah di bawah penguasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Begitu juga mana-mana produk yang di- dengan izin, *manufacture*, yang dibuat di dalam negara kita sehingga ia sampai ke sempadan antarabangsa sebelum dieksport ia adalah masih dalam kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Maknanya apa juga transaksi yang berlaku dalam negara ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Oleh sebab itu isu-isu yang sensitif yang kita perhatikan, saya fikir sebelum kita hendak menceritakan tentang sistem perniagaan atas talian yang benda yang *basic*, dengan izin, benda yang *basic* lagi masih belum dapat diselesaikan dengan berkesan. Antaranya produk-produk ciplak, ciptaan, produk-produk yang tidak ikut spesifikasi, produk-produk yang didakwa lain tapi dibuatnya lain. Macam ubat-ubatan dan juga alat-alat solekan. Maknanya tugas ini sangat berat dan sangat besar bagi kementerian.

Oleh sebab itu saya mohon mencadangkan supaya pandangan saya diambil kira dan saya tidak berhasrat hendak bercakap dalam peringkat jawatankuasa. Kita bimbang takut-takut rang undang-undang ini tidak diluluskan, membebankan kerajaan. Akan tetapi kita minta supaya pada tahun selanjutnya, tahun hadapan supaya memikirkan supaya mengguna pakai graduan-graduan yang masih tidak mempunyai pekerjaan sebagai-dengan izin, saya menggunakan perkataan "*special branch*", seperti polis dan seperti mana juga Jabatan Hasil Negara, seperti juga Kastam untuk memantau penipuan-penipuan yang berlaku secara berleluasa dan memang tidak ada keupayaan bagi kementerian untuk menyemak dan memerhati gerak-geri penipu-penipu perniagaan ini.

Oleh sebab itu, kita tengok apa yang menyedihkan berlaku banyak produk yang ditandai halal, yang digunakan secara meluas di kalangan orang-orang Islam misal kata. Kita sedia maklum orang Islam lebih kurang 20 juta berbanding daripada 21 juta, 22 juta berbanding 32 juta orang rakyat negara kita, mereka telah ditipu dengan produk-produk yang dikatakan halal tetapi setelah beberapa tahun, lama masa, baru diketahui produk itu pertama tidak halal dan kedua tidak *hygienic*, dengan izin.

Ini berlaku oleh pengilang-pengilang yang menggunakan dinding-dinding yang tinggi di Seberang Perai. Banyaknya dari Seberang Perai dan juga di kawasan Kuala Lumpur, di Selangor ini. Kilang-kilang tersebut mengeluarkan produk-produk makanan tetapi dia menipu dari sudut halal.

Apa yang mendukacitakan ia telah berlalu begitu lama dan bila didapati sangat tidak *hygienic*, dengan izin. Jadi menimbulkan kemarahan umat Islam. Kebetulan pula pengeluar-pengeluar ini bukan orang Islam. Jadi senanglah NGOs Islam menaikkan semangat-semangat dan mungkin memberi satu implikasi yang sangat negatif pada hubungan kaum di dalam negara kita. Oleh sebab itu kita hendak suasana lebih harmoni kerana kita sudah, Malaysia sudah- semenjak 63 tahun lagi kita dalam Malaysia. Kita hendak suasana hubungan antara kaum harmoni, perniagaan berjalan dengan baik kerana kita bimbang kalau di api-apikan lagi perkara-perkara seperti ini akan menyebabkan sistem boikot dan lain-lain perkara yang kita tidak harapkan.

Oleh sebab itu saya dalam hal-hal sistem talian ini memang kita sudah akur bahawa kemahiran kepada sistem maya, sistem perniagaan talian ini mayalah, kita kata maya yang telah anak-anak muda. Kita yang sudah berumur 50 tahun ini memang kita terpaksa akur. Jadi, sebab itu kita dalam hal-hal hendak mengambil anak-anak muda yang berketerampilan dan hebat dari sudut keupayaan mengendalikan transaksi-transaksi maya ini, sudah tentu kita mesti mengadakan satu skim yang tertentu untuk mendapatkan khidmat pakar-pakar *gig* anak-anak muda ini kerana memang kita kagumlah dengan keupayaan dan kemampuan mereka ini.

Tambahan pula, mereka sudah terbentuk dengan sistem di mana *gig* menjadi satu kehidupan bagi mereka. Sedangkan kita, kami ini sudah era yang berlalu. Kena banyak bertanya, jadi sudah tentu dapat dipintasi oleh mereka penipu sistem perniagaan secara talian ini.

Oleh sebab itu saya rasa kementerian mesti memikirkan secara serius perkara ini supaya menjadikan satu kementerian yang benar-benar, *grooming* dengan istilah orang putih, melahirkan anak-anak muda yang berketerampilan dari sudut produk-produk *gig* ini kerana mereka ini *insya-Allah*, mereka dapat memantau, memintas secara cepat penipuan-penipuan yang berlaku secara talian. Kita tidak pelik kerana dalam dunia sekarang, dengan banyak berlaku serangan, pencerobohan kepada mana-mana *website* dan juga semua ini, tiba-tiba datang produk Kaspersky misal kata, Kaspersky daripada Rusia.

■1440

Satu buah produk yang melahirkan sistem pertahanan kepada sebarang bentuk pencerobohan. Misal kata sekarang ini apa yang berlaku kepada Julian Assange...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad]: Yang Berhormat, minta ringkaskan.

Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: *Insya-Allah*. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua dan pihak kerajaan, sekarang ini COVID-19 pun tidak selesai lagi.

Ramai orang tidak dapat ke gaji asal lagi. Banyak syarikat yang membayar gaji pada sekitar potongan 30 peratus sehingga 40 peratus.

Jadi, keluhan rakyat luar biasa. Kalau kita pergi ke restoran mamak, luar biasa cajnya sekarang ini. Mana-mana tempat seolah-olah peniaga mengambil kesempatan. Jadi saya minta pihak kerajaan betul-betul beri penekanan kerana ia akan jadi, dengan izin, *spiral effect*. Bermula di sini dan ia akan menjadi di tempat-tempat lain. Semua tempat akan mengambil kesempatan menaikkan harga.

Jadi pihak kementerian bersungguh-sungguh lah dalam hal ini, hendak menyelamatkan negara ini dari sudut isu suasana kita menghadapi endemik COVID-19 ini supaya memantau dengan lebih kerap, lebih gigih supaya semua harga-harga barang makanan, ternakan, ikan, sayur dan sebagainya menjadi asas kepada ekonomi rakyat supaya tidak diganggu terlalu kuat kerana ramai orang masih lagi belum sampai tahap sebelum pra COVID-19 lagi.

Jadi harapan semua- saya ini oleh sebab saya jurubicara terakhir bagi sahabat-sahabat ramai ini- lebih kurang 25 orang sehingga 30 orang minta saya bercakap, tolong, saya ulang tolong, kali ketiga tolong kementerian pantau, lihat. Ini harapan benar-benar, sungguh-sungguh daripada kami supaya harga barang boleh naik tetapi biarlah berpatutan dan berpada. *Insyallah*, endemik tidak akan mengganggu kehidupan rakyat Malaysia. *Wallahualam*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wabillahirtaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Seterusnya saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjawab. Silakan.

2.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan membaca surah al-Baqarah ayat 168 sebagaimana yang dibaca oleh Ustaz saya tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Bermaksud lebih kurang "*Wahai manusia, makanlah apa yang ada di bumi ini yang halal dan baik. Jangan kamu menurut tingkah laku syaitan. Sesungguhnya syaitan itu merupakan musuh kamu yang nyata.*"

Apa yang saya nyatakan di sini berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat ahli Senator yang mengatakan bahawa ayat ini diseru kepada semua manusia. Ertinya manusia tanpa mengira Dato' ataupun tanpa mengira kaum ataupun bangsa, mereka ini memang memerlukan ataupun suka kepada barang-barang yang halal dan baik.

Okey, terima kasih kepada empat orang sahabat termasuk Ustaz saya yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan APD ini, yang mana dimulakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz diikuti oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, kemudian Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang dan terakhir, penutup oleh Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Terima kasih dengan keprihatinan dan juga sumbangan serta buah fikiran yang saya rasa cukup membina untuk memastikan APD yang telah dibentangkan ini akan mendapat sokongan dan ke arah untuk memastikan produk-produk kita yang berada di Malaysia ini dijamin dan juga selamat serta halal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz yang membangkitkan beberapa perkara iaitu berkaitan dengan kuasa pengawal, yang kedua- hal berkaitan dengan halal serta logo halal, manipulasi produk, kemudian kartel daging. Kartel daging ini saya telah jawab tetapi saya akan jawab lagi untuk memuaskan hati semua ada.

Untuk makluman ahli Dewan sekalian, kuasa menangkap di bawah seksyen 39, Akta 730 yang telah dipotong, telah dipindahkan ataupun dimasukkan ke dalam Akta Cap Dagangan 2019 bagi menangani isu berkaitan dengan cap dagangan palsu ataupun barangan tiruan. Jadi boleh diguna pakai seksyen 39, akta tersebut dalam ACD Akta Cap Dagangan 2019.

Sebelum pindaan, kuasa menangkap sememangnya diperuntukkan dalam seksyen 39 Akta 730. Walau bagaimanapun seksyen 39 tersebut telah dipotong kerana ia merupakan pindaan berbangkit daripada Akta Cap Dagangan 2019 yang telah membawa masuk peruntukan seksyen 8, Akta 730 ke dalam Akta Cap Dagangan 2019.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair iaitu isu penipuan menu yang lain daripada apa yang dipaparkan. Jadi ada kita terima aduan dan beberapa lagi perkara yang cuba dibangkitkan berkaitan dengan penipuan dalam talian menjual daging rusa sebenarnya daging kerbau. Kemudian e-dagang, kemudian *Americano* dan juga Nasi Arab. Original Nasi Arab palsu, kemudian produk elektronik dan elektrik, bagaimana piawaian dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, isu penipuan menu yang dibangkitkan, tindakan boleh diambil di bawah seksyen 5, Akta 730. Tindakan diambil sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, iaitu air *Americano* tiba-tiba kopi kampung sahaja. Kita ada aduan yang sampai kepada kementerian kita iaitu dijual dengan harga air *Milo* tetapi sebenarnya air itu merupakan air coklat biasa. Jadi kita mengalukan sebarang aduan kepada kementerian kita untuk kita ambil tindakan.

Jika kita tidak ada aduan, kita tidak tahu apa yang berlaku di lapangan. Pesalah boleh dihukum denda maksimum RM100 ribu, atau tiga tahun penjara. Jadi sebab itu, kita menyeru kepada pengguna-pengguna di luar sana ertinya sebelum mereka melakukan sebarang *purchasing* ataupun pembelian, perhatikan betul-betul sebab menjadi satu kesalahan apabila kedai tidak meletakkan tanda harga. Akan tetapi jika sudah meletakkan tanda harga, maka tidak menjadi satu kesalahan. Akan tetapi apabila diminum, rupanya satu penipuan. Contohnya minta air *Milo*, sampai air coklat. Minta *latte*, tiba-tiba sampai kopi biasa. Kalau ada maklumat, maklum kepada kita dan kita siasat dan untuk kita ambil tindakan. Akan tetapi perlu kerjasama daripada semua pihak untuk pastikan tidak berlaku penipuan dalam urusan jual beli.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga ada bertanyakan tentang barang elektrik yang tidak diluluskan. Tindakan boleh diambil oleh kementerian di bawah seksyen 5, dan seksyen 16. KPDNHEP juga menjalankan pemeriksaan bersama dengan Suruhanjaya Tenaga dan juga SIRIM untuk pastikan produk-produk yang berada dalam pasaran, terutama yang elektrik supaya ia selamat.

Ini kerana kita tahu mana-mana barang yang tidak mendapat pengiktirafan daripada SIRIM maka ia tidak selamat dan yang membimbangkan kita, takut ia boleh melibatkan kehilangan nyawa. Contohnya kalau dia membeli *water heater*, ataupun dia beli cerek elektrik, jika ia tidak mendapat pengiktirafan, mungkin ia dapat menjadikan ia *spark* untuk kebakaran sebuah rumah dan sebagainya. Sebab itu, kita cukup prihatin terhadap barangan elektrik ini agar ia lulus daripada SIRIM maka ia boleh dijual.

Tindakan kita juga dilakukan di dalam lapangan iaitu dengan membuat *test purchase*. Kita pergi beli. Pegawai kita menyamar, pergi ke kedai-kedai elektrik, beli barang dan *test*. *Check* dan tengok jika ia ada SIRIM atau tidak, kemudian *test* sama ada ia selamat atau tidak. Ini dipraktikkan oleh pegawai-pegawai kita untuk pastikan rakyat dan pengguna itu selamat daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Seterusnya isu ramai peniaga dalam talian tidak mempamerkan butir-butir penting. Ini isu baharu yang berlaku terutamanya lebih meriah ketika zaman pandemik COVID-19. Ini kerana kita tahu rakyat kita lebih suka berada di rumah, ditambah pula dengan *lockdown* yang berlaku, mereka membeli barang-barang melalui *online* ataupun atas talian dan mereka berada di rumah. *Online* ini telah berkembang dengan begitu pesat bermula daripada akhir tahun lepas sehingga sekarang.

■1450

Ini sebenarnya menjadi satu cabaran baru kepada kementerian kita. Jadi, untuk makluman Ahli Dewan sekalian, Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 menghendaki mana-mana peniaga dalam talian untuk memaparkan maklumat penting seperti nama, nombor pendaftaran syarikat, alamat e-mel, nombor telefon, perihal barangan, harga penuh dan lain-lain.

Ketidakpatuhan menjadi satu kesalahan di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999. Jadi, ini satu perkara yang banyak di *highlight* oleh semua pihak kerana hendak memastikan- banyak laporan yang diterima. Akhir-akhir ini laporan pengguna, ketidakpatuhan kepada peraturan ini banyak diterima daripada *online* ini. Jadi, kita amat serius tentang perkara ini. Kita ada satu lagi untuk memastikan *business* atas talian ini betul-betul original atau tidak. Kita keluarkan SSM BizTrust, maknanya pengguna sebelum berurusan jual beli dengan mana-mana syarikat atas talian, pastikan ia mempunyai sijil SSM BizTrust. Jika sijil tersebut dimiliki, maka ini dijamin tidak akan berlaku penipuan. Sekiranya ada penipuan juga, laporkan kepada kita dan kita akan siasat.

Cuma, masalah kita untuk saya kongsi kan bersama di Dewan yang mulia ini ialah jika platform *online* tersebut berada di luar negara, ini sukar untuk kita ambil tindakan. Akan tetapi kalau berada dalam lingkungan negara kita, *Insyah-Allah* kita akan cuba sedaya upaya untuk memastikan tidak berlaku penganiayaan ataupun kezaliman terhadap pengguna-pengguna di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu sambungan daripada apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato' Kesavadas, kementerian juga menguatkuasakan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 iaitu terpakai kepada semua peniaga *online* dan semua *marketplace* sama ada *Shopee*, *Lazada*, *PG Mall* dan sebagainya kemudian mereka wajib memaparkan dalam platform mereka itu nama perniagaan *online*, nombor pendaftaran syarikat, alamat e-mel, nombor telefon, ciri barang yang hendak dijual, harga penuh barang tersebut termasuk kos penghantaran, kaedah pembayaran, terma dan syarat-syarat yang diperlukan dan anggaran masa penghantaran.

Semua ini, perlu dilihat. Cuma masalah yang sering berlaku sekarang ataupun kebanyakan yang mengadu kepada kita bila dia *order* satu barang, tiba-tiba sampai barang yang lain atau barang tidak sebagaimana yang dianggap. Contohnya dia *order* beg golf, dia tengok beg golf itu cantik, *cute*, molek, kemudian dia *order* sebab harga murah, dia tengok rupa-rupanya bila sampai, beg golf budak-budak. Jadi dia mengadu dan kita panggil tuan punya syarikat tersebut tanya, dia kata dia sudah meletakkan spesifikasi barang tersebut iaitu saiz iaitu tinggi dan lebar. Rupa-rupanya pembeli ini tidak tengok spesifikasi. Ditengok murah, dia terus beli.

Jadi oleh sebab itu, saya menasihatkan kepada pengguna-pengguna sebelum membuat sesuatu pembelian ataupun *order* sesuatu barang, pastikan spesifikasinya seperti tinggi, label dan sebagainya. Jika dia sudah berpuas hati, *order* tiba-tiba sampai barang yang tidak sebagaimana yang dinyatakan spesifikasi tersebut, maka itu satu kesalahan. Jadi, oleh sebab itu kena berhati-hati.

Keduanya, sebagaimana saya katakan tadi jika platform ini berada di luar negara, maka sukar untuk kita mengambil tindakan. Kebanyakan penipuan ini berlaku bila mereka ini tidak mengikut *marketplace* yang masyhur di negara kita. Kadang-kadang tengok iklan dalam *Facebook* telefon murah, jadi mereka tertarik telefon murah, kemudian mereka membeli, rupa-rupanya mereka telah di *scammed*. Jadi saya menasihatkan supaya berhati-hati, pastikan syarikat yang ada SSM BizTrust.

Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying bertanyakan apakah tindakan yang diambil terhadap isu kartel daging. Untuk makluman, tadi dikatakan bahawa kartel ini telah pun berusia 40 tahun. Itu satu pernyataan yang tidak betul. Dalam semakan kita sebenarnya kartel ini baru ditubuhkan pada tahun 2014. Jadi yang mengatakan kartel ini sudah 40 tahun telah menimbulkan kegelisahan masyarakat di luar sana mengatakan bahawa kita sudah makan daging haram 40 tahun. Jadi ini membahayakan.

Jadi oleh sebab itu kena berhati-hati dalam membuat pernyataan ini kerana saya sudah memaklumkan bahawa syarikat yang didakwa ini baru berdaftar pada tahun 2014 tetapi dibenarkan mengimport pada 2017. Jadi kenyataan yang mengatakan kartel ini telah beroperasi selama 40 tahun merupakan satu pernyataan yang tidak betul. Saya menafikan hal tersebut.

Mereka akan dihadapkan ke mahkamah pada 14 Disember, esok lusa selama tiga hari. Jadi perkara ini saya rasa sudah selesai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daging yang dirampas i tersebut telah didermakan kepada zoo. Jadi ini rezeki binatang. Kita tidak buang, tidak dilupuskan tetapi ia menjadi rezeki kepada binatang-binatang dalam zoo.

Dato' Kesavadas A.Achyuthan Nair: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya mendapatkan penjelasan sedikit? Dalam masa pandemik ini, ramai orang tidak ada kerja atau gaji, *especially* yang bekerja dalam swasta. Ada potongan gaji dan elaun tidak ada. So, boleh kah kerajaan buat masa ini tetapkan harga siling untuk makanan-makanan popular untuk orang ramai, B40, *for example* misalnya harga roti canai. Tidak boleh dijual lebih daripada RM1.50. Di Terengganu, Kemaman misalnya, kadang-kadang harga roti canai RM1.60, RM1.80, Kalau pergi dekat ke Setiu, harga roti canai RM1.20, tetapi B40 ada di merata-rata tempat di Terengganu.

Oleh itu, saya mencadangkan bolehkah kerajaan buat masa ini memberikan satu garis panduan untuk jualan makanan-makanan popular seperti nasi lemak dan telur dengan harga sekian. Nasi lemak dengan daging dengan harganya sekian dan tidak melebihi itu. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Kesavadas. Sebenarnya kita ada perancangan dan sudah melaksanakannya. Kita melaksanakan harga patut untuk makanan kerana harga maksimum untuk barang-barang lain itu sudah kita buat, ayam, daging, telur sudah diumumkan pada 4 Disember lalu bermula pada 7 hingga 31 Disember ini. Ini Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia. Kemudian pada bulan Disember ini, sebelum Krismas kita buat skim harga maksimum musim perayaan Krismas.

Akan tetapi apa yang Yang Berhormat cakap itu satu cadangan yang bagus, kita telah melaksanakan di peringkat- saya buat di kawasan saya di Hulu Terengganu, sebuah kedai yang harganya RM2 boleh makan pagi- satu keping roti canai, satu cawan teh O kemudian sebiji telur. Sudah ramai, sambutannya cukup menggalakkan. Kita akan kembangkan lagi. Kita akan mengadakan perbincangan dengan PBT untuk mengembangkan program ini kerana kita nampak kalau kita berseorangan, kita tidak mampu. Kita akan berbincang dan bekerjasama dengan PBT supaya PBT akan menurunkan sewa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maksud Yang Berhormat Senator tadi harga roti canai itu biar sama di semua tempat ataupun nasi lemak sama. Itu maksudnya.

Dato' Rosol bin Wahid: Ya begitu, betul.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Macam di Kemaman. Kemaman ini memang di seluruh Terengganu merupakan kawasan yang lebih mewah dan mahal. Maksud saya, untuk masa sekarang pada era pandemik ini, ramai yang tidak ada kerja atau gaji sudah turun, *set* satu harga siling seperti roti canai tidak melebihi RM1.50. Di Kemaman misalannya, kalau pergi kedai A, dia jual roti canai RM1.20 dan kemudian dalam 200 meter ke depan lagi, mungkin jual roti canai RM1.50. Bila ditanya, dia kata tepung sudah naik, minyak sudah naik tetapi semua pun menggunakan tepung dengan minyak, sama.

Dato' Rosol bin Wahid: Yang Berhormat Senator, sebenarnya kita ada akta untuk mengawal harga tersebut. Cuma cadangan tersebut bagus. Kadang-kadang kita tidak faham apabila diletak harga maksimum, rakyat memikirkan bahawa ia akan mendapat harga murah. Sebenarnya ini tidak sebab harga maksimum, dibeli harga murah, dia akan *up* hingga maksimum. Faham maksud saya?

Contohnya ayam. Hari ini kita letak harga maksimum RM9.60. Maknanya mungkin dia boleh dapat harga ayam yang lebih murah sebab sebelum ini dijual mungkin dalam RM8.00. Tiba-tiba kerana kerajaan letak harga maksimum, dia pun *up* sehingga RM9.60 juga. Jadi ini yang berlaku. Jadi, apa yang dicadangkan itu, kita sedang memikirkan dan kita buat satu- *pilot project* untuk bekerjasama dengan pemain-pemain industri yang lain, bukan sahaja dengan peniaga-peniaga, kita mengadakan advokasi juga dengan PBT kerana kita akan berbincang dengan PBT.

■1500

Kita akan berbincang dengan PBT, kemudian kita akan letak label di kedai-kedai tersebut, kepada mereka yang hendak turunkan harga ataupun yang sanggup terima harga kita. Maka mereka ini akan dikurangkan ataupun akan diberi rebat sewa. Jadi, ini satu perkara yang boleh mendorong untuk mengurangkan harga.

Saya faham dengan keadaan sekarang, heboh di mana-mana menjadi satu keriuhan dalam masyarakat berkaitan dengan harga yang terlalu tinggi. Akan tetapi, bila kita siasat, sebenarnya ia berkait dengan *supply chain*. Ertinya, ia dapat dari kilang sudah mahal, kemudian kepada pemborong ada margin, kemudian dengan pengedar, kemudian baru peruncit, kemudian pengguna. Ada lima- tangga.

Jadi bila ia tidak melanggar peraturan mencatat, maka tidak menjadi satu kesalahan. Akan tetapi, kalau dia mengambil murah daripada pengilang, tiba-tiba dengan peruncit atau pengguna jual mahal, itu satu kesalahan. Jadi, kita menyiasat. Ia bukan berlaku pencatutan tetapi fenomena ini berlaku di seluruh dunia.

Kita bersyukur, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian, kerana Perdana Menteri kita ambil tanggungjawab untuk menjadi Pengerusi Majlis Kos Sara Hidup Negara. Hari ini mesyuarat yang pertama pada pagi tadi saya sempat hadir. Sebelum ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri tetapi oleh sebab pentingnya isu kos sara hidup ini, Perdana Menteri sendiri mempengerusikan yang mana dalam Majlis ini mengandungi bukan sahaja KPDNHEP, mengandungi juga Menteri Pertanian, MoT- MoT pun penting untuk hal pengangkutan berkenaan tayar, bateri dan sebagainya. Kemudian, KPKT juga dan semua termasuk FOMCA dan sebagainya.

Jadi, ini menunjukkan kesungguhan, betapa bersungguhnya kerajaan untuk pastikan kos sara hidup ini ditangani dengan sebaik mungkin. Harga barang naik tetapi kita harap tidak ada rakyat yang amat-amat terkesan dengan kenaikan barang ini. Terima kasih Datuk Kesavadas dengan cadangan tersebut.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying ada bertanya berkaitan dengan mengambil secara percuma sampel barang-barang yang disyaki. Dikatakan bagaimana kalau barang itu barang yang berharga, contohnya emas, perak dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia, tumpuan bagi kuasa mengambil sampel adalah bagi mengawal selia barangan berbungkus sahaja. Ia tidak terpakai terhadap barangan yang terdiri daripada logam, logam berharga seperti emas, perak dan sebagainya. Maknanya kalau barang logam emas itu, kita akan keluarkan- berbelanja. Akan tetapi, selain daripada tersebut, ia kita ambil secara percuma.

Selain daripada itu, yang kedua terakhir, berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Ustaz Hussein bertanyakan tentang logo halal. Untuk makluman, semakan logo halal boleh dibuat melalui direktori Halal Malaysia atau aplikasi *SmartHalal* melalui *smartphone* ataupun telefon pintar. Logo halal badan Islam luar negara hendaklah dari badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM. Untuk makluman, 86 buah badan Islam diiktiraf daripada 46 buah negara di seluruh dunia.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, bahawa produk Malaysia yang halal ini memang diminati dan dirindukan oleh seluruh dunia kerana bila nampak sahaja Halal JAKIM, maka ia memang diakui sesuatu yang terbaik. Lantaran itu, ada mereka yang tidak bertanggungjawab menggunakan logo-logo palsu. Jadi, untuk hendak menyemak logo-logo palsu ini, boleh masuk dalam direktori Halal Malaysia untuk pastikan ia tulen dan ia tidak dicitak atau dipalsukan.

Seterusnya, yang terakhir, sahabat saya Yang Berhormat Senator Haji Apandi iaitu terima kasih kerana memahami tugas dan tanggungjawab kerja berat yang dialami oleh pegawai-pegawai kita. Untuk makluman, kita ada 1,200 orang penguat kuasa sahaja untuk kontrol seluruh negara dan kerja kita disokong oleh pegawai-pegawai pemantau harga seramai 1,000 orang. Jadi, 2,000 orang lebih kurang. Mereka ini bekerjanya setiap hari akan mengambil 240 jenis barang untuk hendak tengok dan bandingkan harga setiap hari.

Sebab itu kita ada *Price Catcher* yang mana inputnya diperoleh daripada pegawai-pegawai kita ini untuk dimasukkan harga di pasar borong berapa, harga di pasar Kota Bharu berapa, di Kuala Terengganu berapa, di Kedah berapa. Kemudian kita banding harga tersebut. Pengguna boleh memilih menggunakan *Price Catcher* ini, *install* dalam *handphone* untuk melihat di mana harga barang murah. Boleh banding. Sebelum mereka pergi ke pasar, mereka boleh melihat dahulu ke mana mereka hendak pergi.

Kemudian, saya juga bersetuju, untuk makluman, kita juga dibekalkan dengan senjata. Kita akui ini satu tugas yang bahaya kerana mengganggu rezeki orang-orang, kartel-kartel ini. Jadi, oleh sebab itu, kita amat berhati-hati dan hari ini untuk pastikan keselamatan nyawa pegawai kita juga terjaga, jadi kita diberi lesen oleh PDRM kepada pegawai kita untuk hendak menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah kita laksanakan.

Selain daripada itu, kita juga memastikan bahawa apa yang dilaksanakan ini mendapat kerjasama erat daripada KKM, daripada MAFI, daripada MAQIS dan sebagainya. Contohnya, kalau KKM, kita hal produk kecantikan, ubat dan sebagainya. Sebelum mereka mendapat sijil halal, mereka perlu melalui NPRA untuk di-*endorsed*-setelah siap semua sekali, baru mereka pergi kepada JAKIM untuk mendapatkan sijil halal. Ertinya, untuk mendapat sijil halal ini, walaupun sesetengah mengatakan ia sukar-memang sukar kerana yang betul-betul halal, yang *genuine* sahaja yang diiktiraf oleh JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah apa yang saya ingin respons terhadap sahabat-sahabat saya. Terima kasih banyak-banyak dengan respons ataupun pandangan yang diberi. *Insyah-Allah*, mana yang baik kita akan buat untuk menambah baik lagi kementerian ini. Yang penting, peniaga terjaga, pengguna terbela. Kita kena bela kedua-dua tersebut.

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rasol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas jawapan yang diberikan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim) dan diluluskan]

■1510

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.10 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa yang tertentu bagi tujuan keselamatan untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalah berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan di bacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, usaha penggubalan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia berbangkit daripada keperluan negara untuk memperkasakan pembangunan sektor angkasa yang turut meliputi urusan mengawal selia aktiviti berkaitan dengan angkasa. Peningkatan penggunaan teknologi angkasa di dalam bidang komunikasi, navigasi, pengurusan sumber, pembangunan dan keselamatan negara serta manfaat yang diperoleh telah menarik minat bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga pihak industri dan institusi pengajian tinggi untuk terlibat sama dalam aktiviti pembangunan teknologi angkasa.

Berdasarkan laporan, dengan izin, *Satellite Industry Association*, pendapatan ekonomi angkasa di peringkat antarabangsa bagi tahun 2020 mencecah sebanyak USD371 bilion yang mana sebanyak USD271 bilion disumbangkan oleh industri satelit yang merangkumi:

- (i) industri pelancaran sebanyak 2 peratus;
- (ii) industri pembuatan satelit sebanyak 5 peratus;
- (iii) infrastruktur bumi sebanyak 50 peratus; dan
- (iv) perkhidmatan satelit sebanyak 43 peratus yang terdiri daripada aplikasi sains, *remote sensing*, komunikasi dan keselamatan negara.

Dijangkakan pendapatan daripada industri angkasa ini akan terus meningkat sehingga melebihi USD1 trilion menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia penglibatan dalam sektor angkasa telah dimulakan seawal tahun 1988 dengan menumpukan kepada pembangunan program dan aktiviti hiliran, dengan izin, *downstream*. Teknologi angkasa yang telah dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan serta menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

Sebagai contoh, teknologi *remote sensing* melalui penggunaan Sistem Maklumat Geospatial Padi (MakGeoPadi) telah dimanfaatkan oleh seramai 37,916 orang pesawah padi bagi 12 jelapang padi di seluruh negara. Sistem ini telah meningkatkan sehingga 57 peratus kecekapan mengurus dan memantau tanaman padi serta meningkatkan sehingga 30 peratus kecekapan mengurus subsidi baja dan racun oleh kerajaan.

Portal iDengue pula merupakan sebuah platform pelaporan maklumat denggi harian dan lokasi wabak denggi yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan komuniti setempat yang berada di dalam kawasan wabak denggi untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan seperti membersihkan kawasan persekitaran, mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* bagi memastikan mereka bebas daripada denggi.

Perwujudan portal iDengue dapat mengurangkan sehingga 60 peratus kluster wabak denggi dan kos pengurusan wabak denggi. Maklumat yang komprehensif dan interaktif ini telah memudahkan agensi terlibat untuk membuat pelaporan dan juga merancang aktiviti kesedaran, pencegahan dan kawalan bersama komuniti.

MakGeoPadi dan portal iDengue adalah antara 40 sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa yang telah dibangunkan oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan. Sistem-sistem aplikasi berkenaan sedang digunakan secara dalam talian oleh lebih daripada 80 buah agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan perancangan dan pengurusan di dalam bidang:

- (i) pertanian;
- (ii) perikanan;
- (iii) sumber asli;
- (iv) alam sekitar;
- (v) perusahaan perladangan dan komoditi;
- (vi) kesihatan persekitaran;
- (vii) pembangunan fizikal;
- (viii) pengurusan bencana;
- (ix) penilaian hartanah;
- (x) keselamatan;
- (xi) ketenteraman awam;
- (xii) pertahanan; dan
- (xiii) perisikan.

Pembangunan kesemua sistem aplikasi ini telah menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan pembangunan kerajaan sehingga RM49.8 juta. Berdasarkan kepada keperluan dan permintaan tinggi terhadap penerima gunaan teknologi angkasa di peringkat hiliran, MOSTI melalui MYSA sedang merangka program bagi memperkasakan industri hulu, dengan izin, *upstream* untuk memastikan kesinambungan pembekalan data dan maklumat yang berkaitan.

Usaha ini juga penting untuk menjadikan negara tidak hanya berperanan sebagai pengguna teknologi tetapi perlu juga memainkan peranan selaku pembangun teknologi dalam sektor angkasa. Pelbagai program dan inisiatif telah dirangka dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan sektor angkasa negara secara lebih terancang dan sistematik.

Salah satu inisiatif utama, dengan izin, adalah *Malaysia Space Exploration 2030* adalah bagi melaksanakan Dasar Angkasa Negara 2030 yang merangkumi pembangunan keseluruhan rangkaian ekosistem teknologi angkasa di negara ini. Antara program yang dirancang dan sedang dilaksanakan di bawah inisiatif ini termasuklah:

- (i) program pembangunan satelit negara;
- (ii) pembangunan induk industri angkasa;
- (iii) pemerksaan kapasiti infrastruktur angkasa negara;

- (iv) pembangunan sistem aplikasi berteraskan teknologi *remote sensing* dan Sistem Maklumat Geografi (GIS);
- (v) pembangunan kepakaran *Global Navigation Satellite System* (GNSS);
- (vi) program *knowledge creation* sains angkasa; dan
- (vii) pengukuhan kerjasama antarabangsa dalam sektor angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan teknologi angkasa yang pesat telah memberikan pelbagai manfaat kepada pembangunan fizikal dan sosioekonomi untuk kesejahteraan manusia sejagat. Bagi pembangunan satelit, dianggarkan secara purata sebanyak 990 buah satelit akan dilancarkan setiap tahun menjelang tahun 2028 di seluruh dunia. Kemajuan dan teknologi angkasa ini perlu berhadapan dengan cabaran keselamatan di dalam industri yang terlibat khususnya seperti aktiviti pembuatan, pelancaran dan operasi dalam sektor angkasa.

Di peringkat antarabangsa, terdapat lebih kurang 612 kemalangan yang melibatkan aktiviti angkasa telah dilaporkan berlaku ketika pelancaran, semasa berada di orbit dan juga ketika aktiviti kemasukan semula objek angkasa ke atmosfera bumi.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan kemalangan yang melibatkan liabiliti pihak ketiga yang mana tujuh daripadanya melibatkan kenderaan pelancar dan satu melibatkan satelit. Kemalangan ini telah mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan alam sekitar. Salah satu daripadanya melibatkan kegagalan pelancaran roket Delta II di Amerika Syarikat pada 17 Januari 1997 yang telah mengakibatkan kemusnahan kawasan sekitar 16 kilometer dari tapak pelancarannya dan melibatkan kerugian sekitar USD95 juta.

Insiden-insiden kemalangan sektor angkasa ini amat diambil berat oleh pelbagai pihak khususnya, dengan izin, *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA) yang telah menyediakan garis panduan dan prosedur yang perlu dipatuhi dalam sebarang aktiviti pembangunan angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pangkalan data pendaftaran objek angkasa UNOOSA pada masa ini terdapat sembilan buah satelit di bawah tanggungjawab Kerajaan Malaysia yang berada di orbit. Dua daripadanya merupakan satelit *remote sensing* milik negara iaitulah TiungSAT-1 dan RazakSAT. Lima buah satelit lagi merupakan milik syarikat Malaysia iaitu Measat Global Berhad (MEASAT) yang dilancarkan untuk kegunaan komunikasi dan penyiaran. Manakala dua buah satelit yang bersaiz nano pula milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Astronautic Technology (M) Sdn. Berhad (ATSB).

Berdasarkan triti antarabangsa, dengan izin, *Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects*, kerajaan perlu bertanggungjawab dan menanggung liabiliti kerosakan yang disebabkan oleh sembilan buah satelit berkenaan serta apa-apa objek angkasa seperti satelit, kapal angkasa, kenderaan pelancar dan lain-lain, termasuk bahagian komponennya yang dilancarkan sama ada oleh agensi kerajaan, industri, institusi pengajian tinggi ataupun orang perseorangan.

Sehingga kini, tiada kawalan atau penetapan syarat dan peraturan diwujudkan di dalam negara bagi aspek keselamatan terhadap aktiviti-aktiviti angkasa yang dijalankan oleh pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara. Aspek keselamatan turut merangkumi keterjaminan atau, dengan izin, *space worthiness* iaitu keupayaan objek angkasa daripada segi reka bentuk dan berjaya dilancarkan serta beroperasi dengan selamat di angkasa.

Sehubungan dengan itu, bagi memelihara kepentingan kerajaan satu rang undang-undang perlu diwujudkan bagi memindahkan liabiliti dan tanggungjawab tersebut kepada pemilik objek angkasa berkenaan. Menyedari hakikat ini kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penggubalan-penggubalan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia bagi mengawal selia, mentadbir dan mengkoordinasi aktiviti-aktiviti sektor angkasa di semua peringkat yang meliputi kerajaan, industri, institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan.

■1520

Rang undang-undang ini digubal bagi memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara selamat dan bertanggungjawab dengan mematuhi triti dan perundangan antarabangsa berkaitan dengan angkasa. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini menekankan kepada keselamatan yang turut merangkumi, dengan izin *space worthiness* di dalam semua aktiviti angkasa yang dilaksanakan.

Sepanjang proses penggubalan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia, sebanyak 38 sesi libat urus bersama dengan pihak-pihak berkepentingan telah dilaksanakan. Pada tahun 2019 dan tahun 2020 bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan dan mengelakkan pertindihan bidang kawal selia dengan akta-akta yang sedia ada. Antara kementerian-kementerian dan agensi yang terlibat dalam sesi libat urus tersebut adalah seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian di Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Luar Negeri dan Majlis Keselamatan Negara.

Selain itu, sesi libat urus awam melalui platform, dengan izin, *Unified Public Consultation* (UPC) di bawah *Malaysia Productivity Corporation* juga telah dilaksanakan bagi memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas daripada pihak industri dan orang awam. Di samping itu, sesi libat urus khusus di dalam industri telah dilaksanakan oleh MYSA bagi memberi penerangan mengenai rang undang-undang ini dan mendapat maklum balas daripada pihak industri. Antara maklum balas yang diterima adalah bagi mengawal selia aktiviti berkaitan teknologi angkasa di dalam negara yang menjadi satu keperluan susulan daripada perkembangan teknologi angkasa.

RUU ini juga akan menjadi panduan dan pemangkin yang akan merencanakan lagi pembangunan industri angkasa negara supaya Malaysia menjadi salah satu pemain sektor angkasa di peringkat antarabangsa dan seterusnya membuka industri angkasa kepada semua pemain industri yang berhasrat dan berkemampuan untuk terlibat tanpa ada sebarang halangan atau pihak yang memonopoli industri.

Sebagai contoh, Korea Selatan yang agak lewat terlibat dalam sektor angkasa berbanding Malaysia iaitu pada tahun 1990 telah berjaya melonjakkan pembangunan industri angkasa mereka dengan meningkatkan keupayaan teknologi melalui program inisiatif yang diterajui oleh kerajaan.

Kerajaan Korea Selatan telah membangunkan pelan jangka panjang pembangunan sektor angkasa pada tahun 1996 dan disokong, dengan izin, *Commercial Space Act* pada tahun 1998 yang menyediakan mekanisme kawal selia dan garis panduan serta turut menyediakan hala tuju yang jelas bagi pembangunan sektor angkasa sehingga tahun 2015. Korea Selatan kemudiannya membangunkan tiga lagi akta berkaitan angkasa iaitu, dengan izin, *Space Development Promotion Act 2005*, *Act on Compensation for Damage Caused by Space Objects 2013* dan *Astronomy and Space Act 2013*. Kini Korea Selatan telah berjaya ditempatkan sebagai antara pemain utama industri angkasa di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perkembangan semasa sektor angkasa di dalam negara, MOSTI bercadang untuk mewujudkan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia bagi memperkukuhkan tadbir urus sektor angkasa negara, selaras dengan teras satu Dasar Angkasa Negara 2030, mewujudkan peraturan dan garis panduan yang jelas bagi mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa daripada aspek keselamatan, melindungi kerajaan, daripada liabiliti kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti angkasa dengan memindahkan liabiliti dan tanggungjawab tersebut kepada pemilik objek-objek angkasa dan membangunkan sektor angkasa negara secara bertanggungjawab dengan mematuhi segala obligasi antarabangsa berkaitan angkasa.

Rang undang-undang ini mengandungi 10 bahagian, dan 73 fasal yang merangkumi empat elemen yang utama iaitu tadbir urus, kaedah kawal selia, pengurusan, dan penguatkuasaan serta perlindungan dan liabiliti. Kandungan bagi 10 bahagian tersebut adalah seperti mana berikut:

- (i) memperkatakan berkaitan dengan permulaan akta yang dicadangkan;
- (ii) memperkatakan tentang penubuhan lembaga;
- (iii) memperkatakan tentang sesuatu peruntukan berkaitan dengan aktiviti angkasa yang dilarang;
- (iv) memperkatakan tentang lesen, permit, pelancaran dan perakuan pelancaran;
- (v) memperkatakan tentang pendaftaran sesuatu objek angkasa;
- (vi) memperkatakan tentang tanggungan bagi kerosakan yang diakibatkan daripada pelancaran dan pengendalian sesuatu objek angkasa;
- (vii) memperkatakan tentang kesalahan-kesalahan lain di bawah akta yang dicadangkan;
- (viii) berhubung insiden dan kemalangan;
- (ix) tentang penguatkuasaan; dan
- (x) tentang peruntukan am.

Tujuan utama Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Negara adalah untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia yang akan mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa tertentu bagi memastikan aktiviti-aktiviti berkenaan dijalankan dalam keadaan yang terjamin dan selamat termasuk operasi sebelum dan selepas pelancaran objek angkasa. Ia juga adalah bagi memastikan bagi aktiviti berkaitan angkasa yang dijalankan mematuhi semua syarat dan garis panduan yang ditetapkan sama ada di bawah rang undang-undang ini atau mana-mana akta sedia ada negara yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], dan Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708).

Lembaga Angkasa Malaysia yang ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini kan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MOSTI manakala Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI akan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga. Manakala Ahli Lembaga Pengarah yang akan dilantik oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi terdiri daripada enam orang wakil daripada kementerian dan agensi yang berkaitan iaitu Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, serta Kementerian Pengangkutan.

Lembaga Angkasa Malaysia bertanggungjawab untuk menasihati kerajaan Malaysia mengenai perkara-perkara berhubung dengan pelaksanaan akta dan pengawal seliaan aktiviti berkaitan angkasa tertentu, mempertimbangkan dan meluluskan semua permohonan lesen, permit pelancaran, dan perakuan pelancaran serta mengeluarkan garis panduan dan arahan bersesuaian di bawah rang undang-undang ini. Manakala Penguasa Angkasa akan dilantik oleh Menteri Sains Teknologi dan Inovasi daripada kalangan pegawai awam bagi membantu Lembaga Angkasa Malaysia untuk melaksana dan menguatkuasakan rang undang-undang ini serta bertindak sebagai Setiausaha Eksekutif Lembaga.

Penguasa Angkasa ini pula akan dibantu oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa termasuk pegawai keselamatan pelancaran dan penyiasat. Pegawai-pegawai ini akan dilantik daripada kalangan pegawai awam manakala penyiasat boleh juga terdiri daripada pakar-pakar dari luar. Bagi membantu pegawai diberi kuasa daripada kalangan pegawai awam di dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap rang undang-undang ini serta menjalankan siasatan berkaitan kesalahan jenayah yang melibatkan bidang kuasa polis, pegawai diberi kuasa boleh dilantik daripada kalangan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor seperti mana yang ditakrifkan di dalam Akta Polis 1967 [Akta 344].

Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia juga mengandungi peruntukan berkaitan liabiliti an perlindungan terhadap kerajaan daripada tuntutan ganti rugi kerosakan yang disebabkan oleh pelancaran dan pengoperasian objek angkasa. Peruntukan ini perlu memandangkan aktiviti pelancaran objek angkasa merupakan aktiviti yang berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kerugian yang besar kepada negara. Selain daripada itu, peruntukan ini akan membolehkan kerajaan menjadi negara pihak kepada, dengan izin, *Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects* pada masa hadapan.

Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia turut mengandungi peruntukan berkaitan penemuan objek angkasa termasuk objek yang berasal dari angkasa dan personel atau penumpang kapal angkasa. Selain itu, terdapat juga peruntukan mengenai pengurusan ketika berlakunya kemalangan atau insiden yang melibatkan objek angkasa dan fasiliti pelancaran. Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia telah menetapkan bahawa angkasa hanya boleh digunakan atau diteroka untuk tujuan aman selaras dengan triti antarabangsa berkaitan angkasa.

Justeru itu, rang undang-undang ini telah menetapkan aktiviti-aktiviti yang dilarang sama sekali untuk dilaksanakan terutamanya aktiviti yang melibatkan senjata pemusnah besar-besaran dan aktiviti yang boleh menjejaskan serta menyebabkan pencemaran ataupun perubahan yang buruk kepada persekitaran bumi atau angkasa. Bagi mengawal selia aktiviti angkasa, rang undang-undang ini telah menetapkan empat kaedah kawal selia.

Pertama, lesen untuk mengawal aspek keselamatan bagi aktiviti berkaitan angkasa tertentu. Kedua, permit pelancaran iaitu bagi penyedia perkhidmatan pelancaran yang menjalankan aktiviti pelancaran objek angkasa daripada fasiliti pelancaran di dalam Malaysia dan perakuan pelancaran bagi pemilik objek angkasa yang melancarkan objek angkasa daripada fasiliti pelancaran di dalam dan di luar Malaysia serta pendaftaran objek angkasa yang telah berjaya dilancarkan dan beroperasi di orbit.

■1530

Secara keseluruhannya, RUU ini yang menyentuh aktiviti-aktiviti berkaitan angkasa tertentu akan membolehkan aktiviti-aktiviti tersebut dikawal selia, ditadbir dan diselaraskan secara menyeluruh bagi mengelakkan pelaksanaan tanpa pengetahuan atau kebenaran oleh kerajaan.

Perwujudan RUU ini juga akan dapat memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan terjamin serta mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa. Seterusnya, negara dapat meratifikasi triti-triti antarabangsa berkaitan angkasa dan melaksanakan obligasi di bawah perundangan antarabangsa dan secara tidak langsung mendapat pengiktirafan di peringkat global dalam pembangunan sektor angkasa.

Kerajaan juga akan dilindungi daripada liabiliti dan tanggungjawab ke atas kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti angkasa yang dilaksanakan oleh pihak lain serta membolehkan kerajaan mengurus dan menangani segala isu berkaitan liabiliti mengikut lunas perundangan secara sistematik dan efisien.

Penggubalan RUU ini akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan industri untuk terlibat dalam aktiviti sektor angkasa negara melalui perwujudan tadbir urus yang cekap selaras dengan kehendak dan garis panduan antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di atas huraian tadi. Jadi, saya minta ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa yang tertentu bagi tujuan keselamatan untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan.

Bagi perbahasan ini, ada tujuh orang pembahas yang akan mengambil bahagian iaitu, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang; Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan; Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek; dan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dengan itu, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

3.33 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruangan yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa 2020. Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor sebagai angkasawan pertama negara pada tanggal 10 Oktober 2007 telah mengharumkan nama negara di mata dunia.

Sejarah ini juga telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berupaya melahirkan angkasawan-angkasawan yang berpotensi untuk mewakili negara ke ruang angkasa lepas yang sebelum ini merupakan angan-angan besar oleh anak-anak muda yang ingin menerokai kehebatan ruang angkasa lepas hanya boleh ditonton di kaca televisyen sahaja.

Penampilan sulung Malaysia di ruang angkasa lepas bersama-sama angkasawan-angkasawan Barat telah mengilhamkan sebuah rencana masa depan buat negara untuk lebih ke hadapan sebagai sebuah negara yang berupaya menjana kemampuan yang berorientasikan teknologi aeroangkasa setanding dengan negara-negara dunia pertama.

Dalam menjayakan agenda masa depan yang dipanggil Dasar Angkasa Negara 2030, Malaysia sewajarnya memulakan langkah awal menerusi mewujudkan kewujudan rang undang-undang ini untuk mencorakkan landskap pembangunan angkasa negara yang mampu mengetengahkan keupayaan serta berpotensi baharu dalam bidang aeroangkasa.

Kewujudan teknologi 5G serta *Internet of Things* (IoT) dilihat mampu merencanakan strategi negara untuk menerokai peluang-peluang baharu yang berpotensi untuk menjulang negara sebagai sebuah negara yang mampu membangunkan teknologi aeroangkasa sendiri yang mempunyai kekuatan daripada aspek *aero surveillance*.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam perihal teknologi, MOSTI sewajarnya mempunyai pelan tindakan khas untuk membangunkan ruang angkasa raya dengan teknologi-teknologi baharu yang boleh memantau keselamatan negara lebih-lebih lagi dalam soal pencerobohan sempadan negara menerusi ruang udara dan laut.

Saya tidak pasti sejauh mana kekuatan teknologi pengesanan pencerobohan yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan, namun saya percaya dengan adanya pengadaptasian teknologi *certified 5G* serta IoT dalam pembangunan sistem kawalan keselamatan negara di ruang angkasa raya, sebarang aktiviti pencerobohan sempadan negara yang mungkin berlaku pada masa hadapan mampu dikesan dan dihilangkan dengan lebih drastik dan efisien.

Biarpun kita bukanlah negara pelopor dalam bidang aeroangkasa, namun kementerian seharusnya memulakan kerjasama dengan negara-negara luar seperti Amerika Syarikat yang sudah memulakan pengujian ke atas ciptaan satelit bersaiz tong pemadam api di ruang angkasa.

Satelit yang mengguna pakai teknologi IoT tersebut merupakan inisiatif Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) yang ingin menerokai potensi IoT sebagai teknologi masa hadapan yang berupaya dibangunkan dalam pelbagai industri termasuklah industri aeroangkasa.

Mendepani ketidaktentuan keselamatan global pada masa hadapan, perwujudan Lembaga Angkasa Malaysia ini seharusnya dimanfaatkan sebagai *think tank*, dengan izin, kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam merangka pelan-pelan keselamatan dengan pengadaptasian teknologi-teknologi baharu bagi memantau keselamatan negara di segenap pelosok. Lebih-lebih lagi dalam usaha mengekang kemaraan keluar penjenayah-penjenayah asing yang selama ini menyelip masuk menerusi sempadan-sempadan negara termasuk di negeri Sabah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar keanggotaan tetap Lembaga Angkasa Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 5, fasal 2, rang undang-undang ini yang turut merangkumi Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera sebagai wakil tetap Majlis Keselamatan Negara.

Saya berpandangan bahawa perwujudan Lembaga Angkasa Malaysia ini perlu mempunyai fokus-fokus tertentu yang membolehkan lembaga ini dapat berperanan dengan *reliable*, dengan izin, dalam menasihati kerajaan dalam perihal keselamatan yang wajar dijadikan sebagai salah satu fungsi lembaga khas ini. Secara prinsipnya, saya bersetuju dengan keanggotaan lembaga ini namun saya tertanya apakah signifikan keanggotaan wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam lembaga ini.

Minta Yang Berhormat Menteri menyatakan kerasionalan wakil daripada kementerian tersebut dalam keanggotaan Lembaga Angkasa Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua, teknologi *remote sensing* atau pengesanan jauh ini merupakan satu teknologi angkasa yang perlu dimanfaatkan bagi meningkatkan hasil ekonomi rakyat khususnya dalam bidang perikanan dan pertanian.

■1540

Saya difahamkan teknologi tersebut berupaya menyalurkan maklumat berkenaan lokasi tangkapan ikan dengan kadar ketepatan sehingga 100 peratus. Kredibiliti teknologi tersebut mampu memberi manfaat kepada kira-kira 30 ribu lebih nelayan di seluruh negara. Kelebihan yang ada pada teknologi tersebut mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap ikan-ikan import di samping membantu para nelayan laut meningkatkan hasil tangkapan ikan mereka sehingga 50 peratus. Perkara tersebut turut dinyatakan sendiri oleh Majlis Angkasa Malaysia yang mengakui kemampuan teknologi *remote sensing* yang berupaya membaca atau mengesan situasi pada ketinggian di sekitar 500 hingga 600 kilometer di angkasa.

Teknologi seperti ini sewajarnya dipromosikan secara besar-besaran oleh pihak kementerian sebagai satu usaha jangka panjang bagi membantu para nelayan laut meningkatkan keberkesanan tangkapan ikan mereka pada musim-musim tertentu tanpa memerlukan mereka turun ke laut pada waktu yang tidak perlu.

Selain itu, teknologi ini juga mampu mendatangkan manfaat buat golongan pesawah padi yang sering berhadapan dengan masalah kenaikan kos baja dan racun. Kelebihan yang ada pada teknologi ini juga mampu mengurangkan tempoh masa pemantauan tanaman dan saya percaya sekiranya teknologi ini dapat dikomersialkan menerusi kerjasama awam-swasta industri pertanian seperti padi negara kita dapat dibangunkan secara lestari seperti yang dihasratkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Berhubung dengan perkara tersebut, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tiga perkara. Pertama, sejauh manakah teknologi *remote sensing* ini diguna pakai di negara kita? Khususnya dalam industri pertanian. Minta Yang Berhormat Menteri senaraikan agensi-agensi berkaitan kerajaan yang terlibat dalam pengendalian teknologi tersebut dalam industri padi tempatan.

Kedua, adakah penggunaan teknologi tersebut melibatkan kerjasama dengan pihak swasta, khususnya dalam aspek pelaburan memandangkan teknologi sebegini memerlukan perbelanjaan yang amat besar.

Jika ya, organisasi mana kah yang menjadi *operator* kepada teknologi tersebut? Adakah ia melibatkan perjanjian tertentu dengan mana-mana agensi berkaitan seperti MOSTI atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menjayakan fungsi teknologi tersebut dalam sektor penanaman padi?

Ketiga, apa kah perancangan kementerian pada tahun 2022 bagi memperluaskan lagi pengadaptasian teknologi ini dalam sektor-sektor pertanian, selain padi khususnya dalam membantu para petani luar bandar meningkatkan hasil tani mereka bagi tujuan pemasaran.

MOSTI seharusnya merangka strategi jangka panjang bagi menyediakan platform-platform terbaik buat anak-anak tempatan yang cenderung untuk berkhidmat dalam bidang sains angkasa menerusi penyediaan pelbagai bentuk galakan yang boleh menarik minat mereka serta para pelabur untuk mengeksplorasi bidang sains angkasa sebagai potensi ekonomi masa hadapan.

Daripada kita berangan-angan Mat Jenin untuk mencipta kereta terbang yang hanyalah sebuah *drone*, lebih baiklah pihak kementerian mewujudkan kerjasama dengan pemain-pemain industri multi-nasional yang bertapak di negara ini untuk merencana formula-formula terbaik dalam mewujudkan cabang sains angkasa yang bersifat realistik dan *beneficial*, dengan izin, kepada penjana ekonomi rakyat tempatan, khususnya di luar bandar. Sebagai cadangan, syarikat automotif tempatan Proton boleh dijadikan sebagai syarikat pelabur dalam menerokai bidang teknologi angkasa sebagai cabang perniagaan baharu. Untuk permulaan, Proton boleh mengadakan sesi perkongsian kepakaran dengan *fleet space technologies* untuk mempelajari aspek-aspek fundamental dalam penciptaan sesebuah teknologi angkasa.

Tidak boleh dinafikan sekiranya kerajaan benar-benar serius untuk melihat negara ini mampu berdiri daripada sebuah negara yang boleh menyumbang dalam pembangunan sains angkasa, kerjasama diplomatik dengan negara-negara luar amat penting bagi merealisasikan pembangunan teknologi angkasa yang sudah tentu melibatkan pelaburan berbilion-bilion dolar Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

5.46 ptg.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian... *[Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Bagi saya meneruskan perbicaraan saya tentang Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020. Saya rasa saya bertuah pada petang ini dan sahabat-sahabat yang lain, bermula dengan Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair kerana kita merupakan pembicara-pembicara pertama selain daripada Dewan Rakyat, dengan izin *pioneer*, perintis kepada penubuhan sebuah Lembaga Angkasa Malaysia.

Cuma, saya sebelum itu hendak merujuk kepada satu firman Allah SWT supaya kita merungkai angkasa lepas kerana ia *Insyah-Allah* sekiranya ada kemahuan, ada cita-cita *Insyah-Allah* kita dapat kuasai... *[Bercakap dalam Bahasa Arab]* "*Barang siapa berusaha, tentu dia dapat*". *Insyah-Allah*, kita baca satu firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rahman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya; "*Matahari dan bulan beredar menurut perhitungannya. Dan tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohonan kedua-duanya tunduk kepada-Nya. Dan langit telah ditinggikan dan Dia ciptakan keseimbangan agar kamu jangan merosakkan keseimbangan tersebut dan tegaklah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangkan keseimbangan itu dan bumi telah dibentangkan untuk makhluk-Nya*".

Tuan Yang di-Pertua, angkasa memang ditugaskan ada satu buah badan, dahulu dinamakan Badan Angkasa yang dipelopori oleh Profesor Tan Sri Dr. Mazlan binti Othman yang mula-mula mengepalai angkasa ini.

Akhir-akhir ini dia telah dipilih dari Lembaga Juruukur Tanah Berlesen untuk mengepalai angkasa ini. Semasa Yang Berhormat Datuk Seri Maximus Ongkili menjadi Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, maka yang menjadi Ketua Pengarahnya merupakan seorang pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Sr. Dr. Mustafa Din bin Subari. Kemudian, diganti oleh Yang Berhormat Menteri yang berikutnya juga digantikan dengan seorang juruukur tanah berlesen yang sekarang merupakan Presiden kepada Persatuan Juruukur Tanah Berlesen, Datuk Dr Noordin Ahmad juga mantan pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM).

■1550

Jadi, saya melihat kepada keanggotaan mesyuarat lembaga, saya perhatikan bahawa ini merupakan dominan Juruukur Tanah berlesen. Ini dominan kami. Kenapakah juruukur tidak berada dalam lembaga? Saya sudah tengok tadi, Ketua Pengarah dia memang mantan-mantan juruukur tanah. Dan subjek ini, yang paling banyak *study*, yang belajar subjek ini ialah seorang juruukur tanah. Bahkan di Jabatan Ukur dan Pemetaan sama ada di Sabah, di Kuala Lumpur, dia ada satu- jabatan khas iaitu Jabatan Geodesi. Geodesi ini lebih luas lagi dari angkasa lepas. Subjek geodesi.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Sebab sahabat saya itu pun di kalangan juruukur. Di angkasa lepas ini, ada juruukur kah tidak?

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Tahulah dia mengukur. Dia tahu ukur.

Datuk Razali bin Idris: Sebab, apa Yang Berhormat Senator Apani dalam hujahannya tadi menyebut, semua pakar yang mengendalikan angkasa lepas ini adalah di kalangan juruukur. Jadi, juruukur ini, kefahaman saya, hanya berada di muka bumi. Jadi, itulah saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Apakah di atas sana pun terlibat dengan ukuran ini?

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Ukur, jangan tidak ukur.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dulu-dulu, penentu kedudukan di bumi ini, orang menggunakan bintang, orang menggunakan matahari. Tepat. Bila tepat kedudukan itu- dan kami dilatih pada tahun dua untuk menggunakan matahari sebagai penentu kedudukan tepat di bumi. Sebab itu data-data ukur yang berada di JUPEM itu tidak ada sesiapa boleh mempertikaikan kerana setakat ini, kes-kes mahkamah, pertindihan kerana ukur, tidak berlaku kalau menggunakan matahari sebagai rujukan. Dipanggil, dengan izin, *solar observation*.

Sebab itu kalau di UTM itu, semua orang panik menggunakan matahari pada pagi-pagi hari untuk menentukan kedudukan di muka bumi. Begitu juga pada malam hari. Kita menggunakan bintang-bintang yang tertentu yang ada dalam senarai melihat kedudukan bintang untuk menentukan ketepatan kedudukan di bumi. Itu dahulu.

Sekarang ini, subjek satelit ini, kami yang mula dahulu. Bahkan di Malaysia ini, saya yang mulakan dahulu membeli. Saya yang mula membeli menggunakan peralatan GPS statik pada masa itu.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Lantik Ketua Pengarah lah.

Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Jadi, sekarang ini, tiba-tiba dalam lembaga ini- bukan saya hendak tetapi juruukur berlesen yang paling tepat untuk menganggotai. Paling tidak, bagilah satu *seat*, dengan izin.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya takut lupa. Saya hendak cadang terus kepada Yang Berhormat Menteri, lantik kawan kita ini menjadi lembaga pengarah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat macam itu. Akan tetapi, saya memikirkan kedudukan juruukur tanah kerana dia yang mempelopori. Bahkan masa Profesor Datuk Dr. Mazlan, orang pertama ditugaskan mengepalai angkasa, dia telah mengambil beberapa orang juruukur untuk bekerja di bawah dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pertimbangkan ya... [Ketawa]

Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad: Bukan. Sekarang ini saya minta- okey, sekarang ini anggota dia berapa orang? Enam. Dia kena tambah. Saya mencadangkan keanggotaannya, seorang ambil juruukur, pensyarah ukur daripada mana-mana universiti yang ada mengeluarkan graduan ukur tanah sama ada Universiti Teknologi Malaysia atau Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ambil sorang dari situ dan satu daripada JUPEM yang sudah pun dalam Jabatan Geodesi dan Hal Ehwal Persempadanan Antarabangsa sebab mereka inilah yang patut ditimbang.

Bahkan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Pusat Remote Sensing Negara itu, dahulu kerajaan pada waktu itu telah menawarkan jabatan ini berada di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan. Dahulu. Akan tetapi kerana Ketua Pengarah Ukur yang dahulu mungkin dia tidak berminat, maka dilepaskan Pusat Remote Sensing Negara. Pada masa itu masih kecil jabatan itu. Akan tetapi sekarang, *alhamdulillah*, saiz Pusat Remote Sensing Negara dengan saiz Lembaga Angkasa sama taraf. Makna Ketua Pengarah masing-masing JUSA B, dengan izin, *insya-Allah*.

Jadi, sebab itu saya sekarang ini- bukan kita hendak mempertahankan. Kerana kita tengok teknologi ini semakin berkembang. Penggunaan yang meluas alat GPS ini, tiada orang boleh lawan ukur tanah. Tiada orang dalam Malaysia. Semua sekarang ini juruukur telah menggunakan GPS. Sebab itu sekarang- dahulunya memang kita Malaysia, dulu kita lancar TiungSat, RazakSAT. Itu mini satelit. Dahulu. Akan tetapi, data-data yang kita boleh kutip daripada sama ada RazakSAT ataupun TiungSAT sudah tidak berapa banyak. Kita tidak boleh kutip.

Sebab itu cadangan daripada Datuk Kesavadas itu sangat wajar. Makna kita kena memikirkan kerana sekarang ini yang menguasai angkasa lepas ini, satelit-satelit yang di atas itu, satunya GPS. Itu dominan sekarang ini. GPS daripada Amerika Syarikat. Yang juga melibatkan data-data ketenteraan. Yang kedua, Glasnost daripada Rusia. Yang itu lagi tepat dahulunya sebelum dipotong oleh GPS. Daripada Rusia. Kemudian daripada Eropah, bilangan lebih kecil, Galileo. Dan yang terbaharu yang nampak bertambah rancak iaitu BeiDou. Satelit BeiDou daripada China. Itu yang dilancarkan oleh kerajaan. Kosnya tinggi kerana kerajaan. Ada sebab-sebab tertentu kerajaan-kerajaan ini lancarkan satelit demi lebih kepada strategi ketenteraan.

Akan tetapi, kita berfokus. Makna kita berfokus, mungkin satelit yang kita hendak lancarkan tidak perlu setinggi satelit-satelit yang saya bacakan tadi. Kerana kita lebih fokus kepada sektor ekonomi. Maka kita perlu wajar, kena ada satelit sendiri kerana cepat reaksi. Kita ada orang kita sendiri yang mengendali- macam Jabatan Penerbangan Awam, dia cepat. Bila pegawai kita sendiri yang *handle*, kerja 24 jam, segala kegiatan penyeludupan dan sebagainya kita boleh responsif dengan segera. Akan tetapi kalau sekiranya- kita sekarang ini kita terpaksa ambil data dari Thailand. Pusat *Remote Sensing* Negara masih lagi beli data dari Thailand kerana kita tidak ada sendiri.

Jadi, sebab itu sekarang ini walaupun cita-cita bagus- kerana satu-satu negara yang menghasilkan satelit ini, *insya-Allah*, banyak manfaat dia. Dia boleh jual banyak data dia. Khususnya sekarang dengan 5G. Teknologi 5G ini kita tidak ada pilihan. Kita kena ada banyak satelit. Sebab itu orang yang paling kaya dalam dunia sekarang ini iaitu Elon Musk, dia telah membuktikan kepada dunia bahawa satelit yang dia buat ini, benda yang sama orang lain buat dengan harga setengah bilion, dia boleh buat tidak sampai 100 juta.

Inilah yang jadi dahulu kita masa kapal terbang MAS sahaja yang kontrol penerbangan. Harga mahal. Bila kita tanya, macam-macam alasan diberi. Tidak bolehlah. "Kenapakah harga domestik tinggi?" "Oh, harga tiket penerbangan luar negara, subsidi domestik". Bila AirAsia datang, kenapakah pula boleh?

Jadi, sebab itu sekarang ini kita sudah ada model yang dibangunkan oleh Elon Musk melalui syarikat SpaceX dia. Saya ingat kerajaan boleh *study*, dengan izin, atau boleh panggil dia kerana dia memang bercita-cita hendak menguasai angkasa lepas. Ada sebab dia.

Sebab itu saham dia ini- mencanak itu bahasa suratlah *kot*, Tuan Yang di-Pertua. Saham dia mencanak. Walaupun projek dia tak ada untung, tetapi orang percaya kepada program masa hadapan dia. Sebab itu saham dia naik, naik, naik. Sebab itu sekarang ini dia meninggalkan orang nombor dua- kaya itu lebih kurang sekitar USD100 bilion beza antara dia dan Jeff Bezos sekarang ini.

Sebab itu saya minta kalau boleh, kita kena fikir sendiri. Saya rasa kita *upgrade*kan sedikit daripada apa yang kita ada pada RazakSAT dan TiungSAT. Kita *upgrade* supaya selepas daripada ini, isu-isu penyeludupan ini cepat responsif kita. Tidak lama. Fasal kita kontrol sendiri. Kita boleh *sound*, "*Okey, Balai Polis Batu Pahat*", "*Okey, Balai Polis...*" dia boleh bertindak segera.

Sekarang ini kita guna dron, mengikut jawapan Timbalan Menteri hari itu. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun kata guna dron.

Dron mana boleh. Dron itu *timing you*, ikut masa *you*. Akan tetapi kalau kita ada berdasarkan pada satelit sendiri yang kita kawal sendiri semua data itu kita kawal, tidak ada masalah. Kita tengok, kita boleh respons. Kalau pakai dron, nasib. Hari bulan betul, kita boleh tangkap penyeludup. Hari bulan tidak betul, dia seludup waktu lain, kita lancarkan dron kita pada waktu lain.

Sebab itu saya rasa- kerajaan baguslah. Saya pun rasa seronok kerana saya terlibat. Cuma, saya kalau boleh pihak kerajaan timbanglah kerana daripada dahulu-dahulu memang juruukur tanah yang *lead*. Tidak apa tidak jadi Ketua Pengarah itu okeylah, tetapi lembaga itu kena timbang. Fasal nanti dalam mesyuarat nak kena tanya pakar-pakar itu juga. Takkan hendak panggil pegawai lain? Jadi, nampak sangat kita tidak hormat kepada orang yang dominan dalam sektor tersebut.

■1600

Saya rasa lagi baik begitu supaya jawapan boleh secara *impromptu* dalam mesyuarat tersebut.

Satu lagi, saya rasa kita perlu ingat dulu memang kita pernah menghantar seorang angkasawan muda untuk berada di angkasa lepas yang namanya seperti mana yang dibentangkan oleh Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair iaitu Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor.

Akan tetapi kita kena ingat, pada waktu yang sama, masa pemilihan Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor itu dia bersaing dengan satu orang mejar tentera yang bernama Mejar Faiz dan kita berjanji pada dia, kerajaan berjanji kepada Mejar Faiz ini untuk selepas dari Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ini kita hendak hantar dia. Sekarang ini kos dia tidak tinggi sudah, harga sekarang hendak menghantar angkasawan ke luar negeri tidak tinggi sudah, banyak yang swasta-swasta sudah hantar sekarang ini.

Setengah orang sekarang ini, setakat ini stesen pelancaran ini yang swasta dan juga yang lain menggunakan di Kazakhstan, Baikonur di Kazakhstan, di situ tempat pelancaran. Ramai sudah peniaga-peniaga yang naik angkasa lepas ini seperti Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor. Mereka hanya berbelanja sekitar USD2 juta sekarang ini. USD2 juta memang sudah boleh menghantar angkasawan. Zaman Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor itu mahal kita faham tetapi maknanya oleh sebab kita pernah berjanji dengan Mejar Faiz ini, saya rasa kerajaan kena timbang balik supaya janji tetap janji lah kan.

Kita tunai janji seperti mana yang kita buat pada beliau. Jadi *insya-Allah*, saya minta kerajaan, saya sokong rang undang-undang ini dibentangkan buat kali pertama dalam negara kita, sudah diluluskan di Dewan Rakyat dan sekarang minta diluluskan di Dewan Negara. Jadi, saya rasa memang kita bertuahlah kerana kita bersama-sama membentuk satu *future*, ekonomi masa hadapan yang memang banyak bergantung kepada satelit-satelit.

Memang satelit ini merubah kehidupan manusia di dunia ini. Kalau tanpa satelit ini saya fikir dahulu sulitlah kita. Bayangkan sekarang ini dengan menggunakan GPS yang murah-murah kita tahu kedudukan kita di mana-mana, banyak perubahan dan saya rasa teknologi makin lama makin berkembang. Oleh sebab itu, kita sekarang ini sudah ada 5G, yang kita guna untuk memudahkan sistem komunikasi dan sebagainya. Sekian, terima kasih. Saya menyokonglah rang undang-undang ini. *Wallahualam. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

4.05 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Rabbil alamin, wabihinasta'in.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020, di Dewan yang mulia.

Saya berharap menerusi rang undang-undang ini dapat kita menyediakan satu bentuk- kerangka perundangan untuk kita memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan dengan selamat, bertanggungjawab dan terjamin, selain mematuhi garis panduan yang dipersetujui peringkat antarabangsa.

Selain itu, rang undang-undang ini juga saya harap dapat menjadi satu panduan bagi perkembangan teknologi angkasa tempatan dan dijangka meningkatkan minat serta keyakinan industri tempatan seperti mana sahabat-sahabat kita dua orang pembahas tadi, untuk industri tempatan dan industri luar negara dalam sektor aeroangkasa di negara kita.

Saya lebih kurang sama juga sebenarnya, ingin membangkitkan isu angkasawan negara dan saya menyokong penuh kalau sekiranya Mejar Dr. Faiz diteruskan seperti mana angkasawan kita yang pertama Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor sebab saya rasa negara kita perlu menitik beratkan lagi dan perlu menyediakan lagi seramai mungkin angkasawan-angkasawan daripada negara kita untuk sampai ke puncak sana.

Jadi, kita sebenarnya perlu melihat jauh ke hadapan dalam bidang angkasa dan perlu juga keupayaan kita sendiri supaya kita dapat menyediakan program ini dengan cepat dan cekap dan ia juga sebenarnya merangkumi program pembangunan satelit penderiaan jauh negara, program ekonomi angkasa, program pembangunan pelancar jarak dekat, program penyelidikan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi sektor angkasa serta program sistem navigasi seperti mana yang kita tahu dalam apa-apa projek sekali pun sama ada pertanian ataupun perikanan, sistem navigasi satelit global ini sangat penting.

Jadi, dalam pembentangan Timbalan Menteri tadi ada menyebut tentang monopoli industri. Saya hendak tahu sebenarnya apakah kerangka supaya tidak ada monopoli dalam industri aeroangkasa. Apabila Timbalan Menteri menyebut dalam kertas pembentangan tadi saya ia rasa terpanggil untuk soalan itu dijawab kerana sebelum aeroangkasa diperluaskan dan ramai peminat, ramai pemain ataupun ramai peniaga maka sistem monopoli perlu kita tangani lebih awal lagi.

Jadi, saya rasa itulah sahaja cadangan dan pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Beralih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Dipersilakan.

4.07 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nasta'in.* Pertama sekali terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 ini.

Perihal alam semesta disebut beberapa kali dalam Al-Quran Al-Karim, antaranya sebagaimana dalam surah Al-Imran Ayat 190, dan Ayat 191... [*Membaca ayat Al-Quran berkaitan*] Maksudnya, "*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang. Ada tanda-tanda kekuasaan, tanda-tanda kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal iaitu orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata, wahai Tuhan kami tidaklah engkau jadikan benda-benda ini semua dengan sia-sia. Maha suci engkau maka peliharalah kami daripada azab neraka.*"

Tuan Yang di-Pertua, Program Angkasawan Negara yang telah dilancarkan pada tahun 2003 oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad bertujuan untuk membuktikan kebolehan negara kita serta anak tempatan untuk mencapai sesuatu yang sama seperti rakyat di negara maju yang lain.

■1610

Melalui Program Angkasawan Negara Pertama (PAN1) pada tahun 2007, Malaysia telah menghantar angkasawan negara yang pertama Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke Stesen Angkasa Antarabangsa, ISS. Program ini merupakan program timbal balik Malaysia dengan Rusia dalam pembelian jet pejuang.

Melalui PAN1 ini, negara khususnya saintis Malaysia buat pertama kalinya berpeluang menyertai program penyelidikan di ISS. Misi pelancaran angkasawan Malaysia ke ISS telah disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia selama 10 hari. Ini membolehkan segenap lapisan masyarakat menyaksikan kejayaan Malaysia menghantar angkasawan ke ISS dan melihat sendiri aktiviti yang dilaksanakan oleh angkasawan Malaysia. Kejayaan program ini bukan sahaja telah memberikan kegembiraan dan kebanggaan kepada rakyat Malaysia malah telah menyemarakkan lagi minat masyarakat terutamanya pelajar terhadap bidang angkasawan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Angkasawan Negara adalah antara contoh penglibatan dan kejayaan negara dalam bidang sains angkasa. Selain penglibatan dalam sains angkasa saya percaya kerajaan juga telah merancang dan program dan strategi untuk merencanakan usaha pembangunan dan penyelidikan berkaitan teknologi angkasa bagi menggalakkan pembangunan teknologi tempatan untuk membolehkan negara menjadi sebuah negara yang lebih berdaya saing dalam mengharungi cabaran global dan mencapai hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi.

Persoalan pertama yang ingin saya bangkitkan adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menaik taraf lembaga ini untuk menjadi agensi angkasa lepas seperti NASA yang menumpukan program angkasa lepas seperti penghantaran roket buatan negara dan angkasawan negara dari tapak pelancaran di tanah air kita ini pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang sains angkasa Malaysia boleh berbangga kerana mempunyai sebuah balai cerap robotik iaitu Balai Cerap Negara Langkawi bagi tujuan pencerapan dan penerokaan angkasa lepas. Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga diketahui sedang membangunkan Program Satelit Penderiaan Jauh Negara (JSPJN) yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2025.

Saya juga difahamkan bahawa dengan kepakaran pegawai-pegawai penyelidik yang terdapat di MYSA, agensi tersebut telah membangunkan hampir 40 sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa secara dalaman yang sedang dimanfaatkan oleh pelbagai agensi pengguna kerajaan di pelbagai sektor. Secara umumnya saya menyokong usaha mewujudkan rang undang-undang ini untuk mengawal selia aktiviti angkasa agar aktiviti angkasa dapat dilaksanakan secara selamat dan bertanggungjawab dengan mematuhi perundangan antarabangsa selain bertindak sebagai panduan kepada pemain industri untuk terlibat dalam sektor ini.

Walau bagaimanapun, persoalan kedua saya, adakah dengan penubuhan Lembaga Angkasa Malaysia di bawah rang undang-undang ini, selepas ini, akan menjadikan negara kita lebih terkehadapan dalam bidang angkasa memandangkan tujuan penubuhan lembaga ini adalah untuk menguatkuasakan pelaksanaan rang undang-undang sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 6. Jika ya, sejauh mana jangkaan pihak kementerian berkenaan perkara ini.

Pendapatan ekonomi angkasa di peringkat antarabangsa bagi tahun 2020 berjumlah USD371 bilion dan dijangka akan meningkat sehingga USD1 trilion menjelang 2040. Namun, pada masa yang sama, kemalangan di dalam industri ini juga melibatkan kerugian yang banyak melibatkan kewangan dan nyawa. Saya juga meyakini bahawa pembangunan industri ini juga melibatkan kos yang tinggi.

Justeru, persoalan terakhir yang ingin saya timbulkan, apa perkiraan dari sudut kos dan manfaat yang bakal diperoleh oleh kerajaan melalui pembangunan di dalam industri ini dan sejauh manakan ia memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat awam di negara ini. Sekian, perbincangan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Majlis mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain Awang.

Sila Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

4.16 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam Sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020.

Kejayaan meluluskan rang undang-undang ini tanpa pindaan di dalam Dewan Rakyat membuktikan bahawa rang undang-undang adalah sangat perlu diluluskan sebagai tanda kesungguhan kerajaan untuk terus bersaing dengan negara maju yang lain. Bukan sahaja untuk meneroka angkasa lepas tetapi juga untuk memastikan negara tidak ketinggalan dalam memanfaatkan angkasa lepas untuk kemajuan negara.

Pelbagai kepentingan boleh diraih sekiranya ia diluluskan. Peluang negara untuk terus berkecimpung dalam industri bukan sahaja sebagai pengguna namun sebagai pembangun dunia angkasa yang terbentang luas. Terdapat lebih 25 buah negara di seluruh dunia telah pun mempunyai Akta Angkasa Lepas termasuk negara jiran kita Indonesia yang terlebih dahulu mempunyai akta ini. Kita perlu sedar bahawa sangat penting untuk Malaysia bersiap menghadapi industri angkasa lepas global yang semakin pesat membangun selain menggalakkan penglibatan semua sektor dalam industri berkenaan.

Ia bukanlah khayalan tetapi realiti yang dilalui oleh negara besar seperti Amerika, China dan yang lain-lain. Rang undang-undang ini dapat memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat, terjamin dan mematuhi tahap antarabangsa.

Secara tidak langsung, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjaya melangkah ke-satu lagi era pencapaian baru dengan peranan yang lebih meluas termasuklah baru-baru telah mengorak langkah untuk membangunkan R&D bagi menghasilkan vaksin sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu diberikan perhatian dalam rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan sistem pentadbiran yang lebih tersusun tadbir urus dan kawal selia yang sistematik, selamat, terjamin dan berkesan.

Maka dibimbangkan hasrat untuk membangunkan industri angkasa akan gagal. Malaysia telah pun melancarkan sembilan buah satelit di orbit bermula pada tahun 1996 iaitu MEASAT-1 dan MEASAT-2 hingga kali terakhir pada tahun 2018 oleh Universiti Teknologi Mara iaitu UiTM dan Astronautic Technology Malaysia Sdn. Berhad.

■1620

Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan negara namun ia masih belum cukup untuk keperluan negara secara holistik. Kita perlu berperanan sebagai bukan hanya pengguna teknologi tetapi selaku membangun teknologi dalam sektor angkasa. Usaha melaksanakan kajian dan penyelidikan perlu dilipatgandakan. Saya dengan ini menyokong RUU ini untuk diluluskan di dalam Dewan Negara pada hari ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff. Selepas itu Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

4.21 ptg

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020.

Tuan Yang di-Pertua, jika hampir lima dekad yang lalu, semenjak negara mula terlibat dalam bidang angkasa, melalui pembinaan Stesen Satelit Bumi komunikasi di Kuantan, Pahang, kita hanya menjadi pengguna teknologi terutamanya teknologi angkasa. Kini telah tiba masanya untuk kita mengorak langkah ke arah menjadi pembangun teknologi dalam usaha memastikan negara terus membangun secara mampan dan mencapai hasrat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 baru-baru ini.

Kerajaan juga telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) pada 5 Oktober 2019 yang menggariskan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2021 sehingga tahun 2030. Matlamat utama WKB 2030 adalah untuk menyelia taraf hidup yang wajar, dengan izin, *decent standard of living* kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

Terdapat tiga objektif WKB 2030 yang telah ditetapkan iaitu pertama, pembangunan untuk semua yang mana ekonomi distrukturkan semula ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.

Kedua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan di kalangan rakyat untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Ketiga, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Tuan Yang di-Pertua, selaku peneraju bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi di negara ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dilihat telah merangka dan merancang pelbagai strategi program dan inisiatif bagi memastikan kemajuan sains dan teknologi bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi masa kini dan peningkatan aktiviti berkaitan teknologi angkasa oleh sektor kerajaan, industri dan akademia, memang jelas terdapat peningkatan keperluan sumber tenaga pakar dan bekalan bakat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Namun begitu, berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan yang dikeluarkan pada tahun lepas menunjukkan bahawa bilangan pelajar sekolah yang mengambil jurusan STEM masih kurang daripada sasaran 60 peratus bahkan tidak sampai separuh daripada angka keseluruhan. Daripada jumlah itu, sebanyak 26.6 peratus pelajar memilih bidang latihan serta pendidikan teknologi dan vokasional. Manakala baki 20.51 peratus lagi merupakan pelajar aliran Sains Tulen.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah dikhuatiri bekalan bakat dalam bidang STEM tidak dapat menampung keperluan sumber tenaga pakar dalam bidang ini bagi sektor industri angkasa yang semakin meningkat. Sehubungan itu, saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan, adakah dengan wujudnya Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 ini nanti, MOSTI boleh meningkatkan minat dan kesedaran pelajar dan anak-anak generasi muda terhadap bidang teknologi angkasa? Dan adakah jaminan yang boleh diberikan pada masa itu? Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Akhir, Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

4.25 ptg

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdahulu, saya berhasrat mengucapkan Selamat Hari Antirasuah Antarabangsa yang jatuh pada hari ini kepada semua yang berada di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan pada hari ini dengan menyebut bahawa buat pertama kalinya dalam sejarah perundangan negara, Rang Undang-undang ini telah memberikan makna dan definisi angkasa secara perundangannya yang bermaksud ruang yang bermula daripada ketinggian 100 kilometer aras laut purata. Tidak pernah dalam mana-mana sejarah mahupun dalam konteks komuniti saintifik selama ini merujuk angkasa sebagai garis Karman iaitu usaha untuk menentukan sempadan antara bumi dan angkasa raya serta seisi alam cakerawala.

Ini merupakan satu definisi yang penting, bukan sahaja daripada segi perspektif undang-undang, tetapi memberikan kesan kepada kedaulatan angkasa raya dan limitasi ruang angkasa yang telah dihadkan secara undang-undang, hanya meliputi 100 kilometer atas aras laut. Maka hadir persoalan saya kepada kementerian, adakah undang-undang lain yang akan turut sama terheret dan mendapat impak perundangan kerana definisi angkasa di bawah rang undang-undang ini yang melibatkan ruang yang bermula daripada ketinggian 100 kilometer atas aras laut.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membahaskan satu rang undang-undang yang cukup signifikan, pemacu industri masa hadapan yang terkait rapat dengan industri angkasa, sebuah industri yang terpenting pada abad ini. Seterusnya saya ingin mengatakan bahawa rang undang-undang ini telah memenuhi vakum atau kelompangan selama ini akibat ketiadaan tadbir urus dan kawal selia sistematik, selamat, terjamin dan berkesan dalam membangunkan teknologi angkasa di negara ini. Apatah lagi kita sedang serius menjadikan negara ekonomi angkasa ataupun *space economy* yang bakal menyumbang RM3.2 bilion kepada KDNK negara menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 rang undang-undang ini menyaksikan suatu komposisi *intersectorial* kementerian yang sangat unik kerana ia melibatkan enam orang wakil kementerian iaitu MOSTI, Kementerian Pertahanan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, serta wakil daripada Majlis Keselamatan Negara.

Dalam masa yang sama, peruntukan fasal 14 rang undang-undang ini memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri MOSTI atas nasihat Pengerusi untuk melantik seorang Penguasa Angkasa yang mempunyai tanggungjawab yang cukup besar, tugas yang pelbagai serta kuasa yang luas di bawah Rang Undang-undang ini. Jadi soalan saya kepada kementerian, apa kriteria pelantikan Penguasa Angkasa ini, dan bagaimana lembaga melakukan pemantauan ke atas Penguasa Angkasa ini kerana kuasa yang diberikan cukup besar, Tuan Yang di-Pertua.

Antara lain, kuasa untuk mengkaji semula lesen, mengemukakan laporan kajian semula fasal 34, melantik Pengawal Keselamatan Pelancaran fasal 35, makluman pemberitahuan perubahan berhubung dengan objek angkasa fasal 37, menyimpan dan menyelenggarakan suatu daftar objek angkasa fasal 38, makluman tentang penemuan objek angkasa kepada Penguasa Angkasa fasal 41, pemberitahuan insiden dan kemalangan fasal 43, jagaan selamat objek angkasa fasal 45, halangan fasal 63, perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang fasal 64. Itu antara kuasa dan kawalan yang diberikan kepada Penguasa Angkasa di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat sorotan penting kepada fasal 15 rang undang-undang ini apabila ia menyentuh bahawa angkasa hendaklah digunakan bagi tujuan keamanan. Ini bermakna perbuatan meletakkan, memasang, melancarkan atau mengendalikan apa-apa senjata pemusnah besar-besaran, pangkalan tentera, aktiviti yang menjejaskan keselamatan dan menyebabkan pencemaran di angkasa adalah tidak dibenarkan sama sekali.

■1630

Namun demikian, di bahagian huraian bahagian tiga rang undang-undang ada menyatakan bahawa memandangkan angkasa hanya boleh digunakan untuk tujuan keamanan, apa-apa aktiviti yang melibatkan penggunaan personel tentera bagi penyelidikan saintifik atau apa-apa tujuan keamanan yang lain, tidak menjadi suatu kesalahan.

Soalan saya kepada kementerian, adakah garis pemisah yang membezakan penggunaan personel tentera bagi penyelidikan saintifik dalam penghuraian- bezanya dengan fasal 15(1)(c) yang menghalang menubuhkan sebuah pangkalan tentera, dan apakah kerajaan boleh menjamin bahawa penggunaan tentera ini benar-benar bagi tujuan pendidikan saintifik dan tujuan keamanan?

Selanjutnya juga berkaitan fasal 15 ini di bahagian penghuraian yang menyebut bahawa fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi aktiviti berkaitan angkasa yang dilarang menurut triti antarabangsa dan yang mentadbir aktiviti di angkasa bagi memastikan angkasa digunakan untuk tujuan keamanan. Maka soalan saya kepada kementerian, jumlah bilangan triti atau obligasi antarabangsa yang telah Malaysia tandatangani setakat ini khususnya yang berkaitan aku janji memastikan angkasa digunakan untuk tujuan keamanan serta lain-lain triti yang berkaitan dengan angkasa raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh fasal 41. Fasal 41 ini sangat menarik Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah fasal yang paling menarik selepas fasal definisi angkasa. Fasal ini saya gelar *positive obligation*, dengan izin, ataupun obligasi positif kerana ia berkaitan tanggungjawab mana-mana orang menemukan apa-apa objek yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa objek itu merupakan suatu objek angkasa atau objek yang berasal dari angkasa atau mempunyai kepercayaan bahawa orang itu merupakan personel atau penumpang suatu kapal angkasa hendaklah memberitahu penguasa angkasa yang mana kegagalan memaklumkan adalah satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

Nah! Ini membawa kepada soalan saya kepada kementerian, bagaimana kah penguasa angkasa membuat penentuan bahawa dakwaan-dakwaan ini mempunyai asas yang kuat kerana isu di bawah fasal ini adalah kewajipan melaporkan dan menjadi kesalahan jika tidak dilaporkan. Ini harus ada penjelasan yang kukuh kerana rang undang-undang ini bukan isu dron dengan piring UFO, bukan khayalan *Star Wars* atau karya fiksiyen makhluk asing ET atau *Anita Dunia Ajaib*.

Ini adalah berdasarkan sebab untuk mempercayai bahawa ia dilihat atau ditemukan objek angkasa yang berasal dari angkasa. Jadi Timbalan Menteri, saya garis bawah sebab untuk mempercayai apakah garis panduannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja sorotan penting perbincangan saya berkaitan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia ini. Dalam keterujaan kita untuk bergerak menuju ekonomi angkasa, industri angkasa, pelancongan angkasa dan pelbagai eksplorasi teknologi angkasa, langkah kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini signifikan dalam membuka satu lagi segmen penting iaitu kawalan dan seliaan undang-undang angkasa.

Adalah penting untuk Dewan ini sentiasa memantau perkembangan pelaksanaan rang undang-undang ini selepas diluluskan bagi memastikan hasrat dan semangat asal rang undang-undang ini dapat dilaksanakan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat semua soalan saya. Terima kasih atas perhatian semua. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Sampai masa bagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

16.34 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kesemua tujuh orang Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat dasar bagi RUU ini. Ini menunjukkan sokongan padu semua kita dalam konteks Keluarga Malaysia untuk memperkasakan agenda sains, teknologi dan inovasi negara, khususnya di dalam bidang sains angkasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah membangkitkan persoalan mengenai keselamatan adalah suatu yang menjadi tunjang utama bagi penubuhan RUU Angkasa dan RUU ini adalah rangka strategi pelan khas yang telah digubal bagi pemantauan ruang angkasa raya. Bagi menjawab mengenai keahlian Lembaga Angkasa, seksyen 5(2)(c)(e) dan (h) telah pun terdiri daripada wakil daripada kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan pertahanan iaitu Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pihak Majlis Keselamatan Negara bertanggungjawab terhadap pemantauan keselamatan negara termasuk sempadan negara. Ahli MKN juga merupakan anggota Lembaga Angkasa Malaysia termasuk Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera. Mengenai keahlian MITI pula yang dibangkitkan di dalam Lembaga Angkasa Malaysia pula, MITI dijemput menjadi Ahli Lembaga kerana kementerian tersebut mengawal selia industri aeroangkasa dan kawalan eksport barangan strategik di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 termasuk kawalan barangan yang berkaitan dengan objek angkasa.

Di samping ini, saya ingin menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi mengenai penglibatan pegawai juruukur, saya kena sebut juga kerana lama disebut fasal juruukur dari tadi, daripada JUPEM, di dalam Lembaga Angkasa ini. RUU Lembaga Angkasa Malaysia tidak menyentuh bidang kuasa pengawalseliaan kos yang merupakan fasiliti *geodetic dynamic* di bumi di bawah seliaan JUPEM. Oleh itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli tidak ditetapkan sebagai ahli Lembaga Angkasa Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, Seksyen 10 di dalam RUU ini membolehkan jempunan pakar daripada pelbagai agensi yang berkaitan berdasarkan keperluan semasa. Jadi saya turut menyokong jika Yang Berhormat, mana-mana daripada bidang ukur pemetaan ini untuk dilibatkan berdasarkan kepakaran apabila diperlukan.

Seterusnya mengenai kelebihan teknologi terhadap industri perikanan dan sosioekonomi nelayan serta pertanian padi, teknologi *remote sensing*, MYSA telah membangunkan sistem penentuan lokasi penangkapan ikan yang berupaya menjimatkan kos operasi sehingga 20 peratus dan meningkatkan hasil tangkapan nelayan laut dalam sehingga 50 peratus.

Jadi melalui teknologi ini, penggunaan teknologi satelit boleh menentukan di mana berada lokasi ikan dan sebagainya, serta mengurangkan import ikan dari luar sehingga 40 peratus. Sehingga kini, ia telah memberi manfaat kepada 30,161 orang nelayan di seluruh negara.

MYSA telah membangunkan Sistem Maklumat Geospasial tanaman padi yang memberi manfaat kepada 90 ribu orang pesawah di 12 jelapang padi di seluruh negara. Antara organisasi operator di dalam bidang pertanian yang telah mendapat manfaat di dalam bidang pertanian dan perikanan ini daripada teknologi ini termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), IADA Barat Laut, Selangor- IADA ini kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu- Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang, IADA Ketara, IADA Seberang Perak, IADA Kerian, IADA Kemasin Semerak, IADA Rompin, IADA Pekan, IADA Kota Belud, IADA Batang Lupar.

Sistem ini berupaya meningkatkan operasi pemantauan litupan kawasan tanaman sehingga 100 peratus, mengurangkan 57 peratus tempoh masa pemantauan tanaman dan menjimatkan 10 peratus subsidi baja dan racun bagi tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas dan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan mengenai peranan RUU angkasa terhadap peningkatan bakat dan kesedaran generasi muda terhadap bidang teknologi angkasa.

■1640

Kewujudan rang undang-undang ini akan menjadi panduan untuk perkembangan teknologi angkasa tempatan dan dijangka dapat meningkatkan keyakinan dan minat industri tempatan dan luar negara untuk melabur dalam sektor angkasa negara seterusnya dapat merencanakan pertumbuhan industri angkasa termasuk industri pembuatan komponen satelit, industri hiliran berasaskan data berteraskan teknologi angkasa dan industri sampingan, dengan izin, *spin-off*.

Secara tidak langsung, rang undang-undang ini membantu membangunkan bakat dan kepakaran tempatan dalam sektor kerajaan dan akademik dan seterusnya akan memungkinkan kemunculan pemain industri tempatan baharu di dalam mencapai hasrat kerajaan untuk menjadi salah satu- pemain sektor angkasa di peringkat antarabangsa dan sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Salah satu program utama Malaysia *Space-X 2030* yang menyumbang kepada pembangunan bakat iaitu Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jarak Jauh Negara (PSPJN) yang dilaksanakan, dengan izin, melalui *public-private partnership*, dengan penglibatan *local content*, dengan izin, merangkumi kepakaran sumber manusia dan fasiliti angkasa sedia ada di dalam negara seperti fasiliti pengujian *assembly, integration and testing* (AIT).

Kerajaan yakin melalui pewujudan dasar dan hala tuju industri angkasa tempatan, kerangka perundangan angkasa, jaringan kerjasama antarabangsa serta program dan inisiatif yang dirangka di bawah Malaysia *Space-X 2030*, ia dijangka mewujudkan sehingga 5,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai kesedaran generasi muda. Kementerian menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di Malaysia termasuk dalam program bagi pembangunan sumber manusia dan kepakaran serta meningkatkan minat pelajar di dalam bidang STEM khususnya teknologi angkasa.

Salah satu program yang dianjurkan oleh kementerian iaitu Minggu Sains Negara yang dianjurkan secara tahunan bermula pada tahun 2018 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan rakan-rakan strategik terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat persekutuan dan juga di peringkat negeri.

Minggu Sains Negara merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar yang meminati STEM. Antara program yang dilaksanakan di bawah MSN 2020 merupakan pameran *virtual*, kuiz dan pertandingan siri *webinar* berkaitan dengan STEM termasuk teknologi angkasa. Program ini telah berjaya menarik dua juta penglibatan masyarakat termasuk pelajar.

Pihak kementerian juga akan menganjurkan *Malaysia Techlympics 2022* bagi menggalakkan pengaplikasian teknologi dalam kalangan pelajar sekolah dan belia di dalam bidang STEM termasuk teknologi angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi juga membangkitkan mengenai satelit RazakSat dan TiungSat. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju agar Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jarak Jauh Negara (PSPJN) secara *request for proposal* kepada pihak swasta dengan *local content* dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jarak Jauh Negara seperti TiungSAT dan RazakSAT.

Program PSPJN ini merupakan kesinambungan usaha kerajaan di dalam memastikan keupayaan dan kapasiti negara di dalam bidang teknologi angkasa negara terus diperkasa di samping meningkatkan sumber kepakaran tempatan serta memastikan kedaulatan negara terus terjamin melalui pemilikan satelit negara.

Bagi memastikan kesinambungan pembekalan data-data satelit yang diperlukan oleh negara, kerajaan sedang melaksanakan Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jarak Jauh Negara (PSPJN) secara *public-private partnership* di bawah rangka tindakan *Blueprint Malaysia Space Exploration 2030 (Malaysia Space-X 2030)*. Sebuah satelit penderiaan jarak jauh beresolusi sangat tinggi, dengan izin, *very high-resolution satellite* iaitu dengan resolusi setinggi 0.5 meter dijangka akan dibangunkan dan dilancarkan pada tahun 2024.

Satelit ini merupakan satelit yang dibangunkan menggunakan teknologi angkasa yang terkini dengan fungsi yang telah ditambah baik berbanding satelit RazakSAT dan TiungSAT. Data pencerapan daripada satelit ini dijangka dapat digunakan dalam pelbagai aplikasi negara seperti perancangan infrastruktur, pemetaan bandar, pengurusan kesihatan awam seperti wabak denggi dan COVID-19, pengurusan aset-aset strategik dan juga untuk keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris juga telah membangkitkan mengenai perancangan program angkasawan pada masa hadapan atau Program Angkasawan Negara Kedua. Program Angkasawan Negara Pertama (PAN-1) yang dilaksanakan pada bulan Oktober 2007 telah membolehkan Malaysia menghantar angkasawan negara Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke ISS.

Program PAN-1 ini dilaksanakan dengan tujuan memupuk keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara di dalam bidang sains angkasa di samping meningkatkan minat golongan muda untuk merintis ilmu sains dan teknologi baharu di dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan kejayaan program pertama, Jemaah Menteri pada 7 Januari 2009 telah bersetuju supaya Malaysia meneruskan program ini melalui Program Angkasawan Negara Kedua (PAN-2) yang merangkumi penghantaran angkasawan negara yang kedua ke ISS. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PAN-2 ini perlu mengambil kira kestabilan ekonomi negara.

Pada 22 September 2015, Jemaah Menteri telah meluluskan penjenamaan semula PAN-2 kepada Program Mikrograviti Negara (PMN) dengan objektif utama untuk meneruskan kesinambungan penyelidikan mikrograviti di ISS, namun tanpa melibatkan penghantaran angkasawan dari Malaysia. Pendekatan PMN yang lebih ekonomik dengan kos yang jauh lebih rendah berbanding kos penghantaran angkasawan telah memberikan manfaat hasil penyelidikan yang sama. Selain aktiviti penyelidikan, program ini juga telah memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap ketersediaan negara di dalam bidang mikrograviti.

Walau bagaimanapun, perancangan bagi penghantaran angkasawan negara yang kedua, sekiranya hendak dilaksanakan, perlu mengambil kira kedudukan semasa kewangan negara terutamanya kesan daripada pandemik COVID-19. Memandangkan tumpuan sekarang perlu diberikan kepada pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) demi kesejahteraan rakyat, maka kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan program penghantaran angkasawan negara yang kedua dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris telah mempersoalkan mengenai kerangka ekosistem supaya tiada monopoli di dalam industri angkasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara kelebihan rang undang-undang ini dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan industri untuk terlibat dalam aktiviti sektor angkasa negara melalui pewujudan tadbir urus yang cekap selaras dengan garis panduan dan standard antarabangsa. Dalam hubungan ini, ia juga dapat mengelakkan monopoli di dalam industri angkasa negara. Aspek monopoli syarikat juga secara amnya telah dikawal selia oleh kerajaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, dan Akta Persaingan 2010 di bawah KPDNHEP.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang berkaitan penaiktarafan Lembaga Angkasa Malaysia seperti NASA, untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Angkasa Malaysia akan bertanggungjawab untuk mengawal selia aktiviti angkasa negara. Manakala bagi peranan seperti NASA, ia sedang dilaksanakan oleh Agensi Angkasa Malaysia (MySA) yang bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains, teknologi dan aplikasi angkasa termasuk pembangunan dan pelancaran objek angkasa seperti satelit.

Penubuhan Lembaga Angkasa Malaysia di bawah Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia akan menjadikan negara kita lebih ke hadapan. Kita akan dapat mengawal selia aktiviti berkaitan dengan angkasa, untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan dengan angkasa.

Di antara negara-negara yang telah mempunyai akta angkasa mereka di peringkat antarabangsa adalah seperti Australia, *United Kingdom* dan juga *United States of America*. Manakala di peringkat Asia adalah seperti Indonesia, Korea Selatan dan juga Jepun.

Seterusnya mengenai faedah daripada Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia. Antara faedah rang undang-undang ini kepada orang awam adalah seperti berikut.

Pertama, aktiviti sektor angkasa negara dapat dikawal selia, ditadbir dan diselaraskan secara menyeluruh bagi mengelakkan pelaksanaan aktiviti angkasa tanpa pengetahuan atau kebenaran kerajaan.

Kedua, aktiviti angkasa negara dilaksanakan dengan lebih bertanggungjawab, selamat dan terjamin dan mematuhi segala peraturan dan standard yang dipersetujui di peringkat antarabangsa.

■1650

Ketiga, negara dapat meratifikasi triti-triti antarabangsa berkaitan angkasa dan melaksanakan obligasi di bawah perundangan antarabangsa seterusnya mendapat pengiktirafan global dalam pembangunan sektor angkasa.

Keempat, antara faedahnya adalah, kerajaan akan bebas daripada liabiliti dan tanggungjawab ke atas kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti angkasa yang dilaksanakan oleh pihak lain serta membolehkan kerajaan mengurus dan menangani segala isu berkaitan liabiliti mengikut lunas perundangan secara sistematik dan efisien.

Kelima, ia boleh meningkatkan keyakinan pelabur dan industri untuk terlibat dalam aktiviti sektor angkasa negara melalui kewujudan tadbir urus yang cekap selaras dengan garis panduan dan standard antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, saya ucap terima kasih pada Yang Berhormat kerana menghargai usaha kementerian sebagai perintis di dalam mendefinisikan angkasa. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada undang-undang domestik yang lain terkait berkaitan dengan dimensi ketinggian 100 kilometer ke atas aras laut purata. Dalam hal ini fasal 4 juga memperuntukkan RUU hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang yang lain. Mengenai kriteria pelantikan penguasaan angkasa, ia bergantung kepada kepakaran di dalam bidang teknologi angkasa dan perundangan yang berkaitan. Buat masa ini, pelantikan penguasa masih belum dibuat pada masa ini. Akan diputuskan oleh Menteri dengan nasihat yang akan diberikan oleh Lembaga.

Yang Berhormat, terdapat lima triti antarabangsa yang berkaitan dengan angkasa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UN iaitu:

- (i) *Treaty on Principles Governing the Activities of State in the Exploration and Use of Outer Space;*
- (ii) *Agreement on the Rescue of Astronauts and Return of Objects Launched into Outer Space;*
- (iii) *Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects;*
- (iv) *Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space;* dan
- (v) *Agreement Governing the Activities of States on the Moon and Other Celestial Bodies.*

Ini adalah lima triti yang ada di peringkat *United Nations*. Hanya dua triti yang telah ditandatangani oleh Malaysia. Daripada lima ini hanya dua triti yang telah ditandatangani oleh Malaysia tetapi belum diratifikasi iaitu:

- (i) *Treaty on Principles Governing the Activities of State in the Exploration and Use of Outer Space;* dan
- (ii) *Agreement on the Rescue of Astronauts and Return of Objects Launched into Outer Space.*

Jadi, dua ini kita telah tandatangan tetapi kita belum ratifikasi. Di dalam menentukan sama ada seseorang itu ada melakukan kesalahan, tidak memberitahu penguasa angkasa tentang penemuan apa-apa objek angkasa, siasatan mestilah dijalankan terlebih dahulu sebelum keputusan dibuat. Jika tidak ada bukti atau keterangan yang mencukupi yang menunjukkan sedemikian maka tiada kesalahan yang boleh diletakkan terhadap seseorang yang disyaki telah menyembunyikan maklumat itu.

Keputusan hanya boleh dibuat oleh pendakwa raya setelah kertas siasatan yang sempurna dilengkapkan dan dirujuk untuk keputusan akhir. Terima kasih di atas segala pandangan dan sokongan dan penyertaan oleh semua Yang Berhormat di dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia yang sangat penting dan julung-julung kali ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 73 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Rosol bin Wahid) dan diluluskan]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 13 Disember 2021.”

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu, persidangan ditangguhkan sekarang hingga jam 10 pagi, hari Isnin, 13 Disember 2021.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.59 petang]